



PEREMPUAN, Itulah Namaku

*Menggali Permata daripada Hidup
Wanita dalam Alkitab*

Christine Lai Sai Koon

Mengenai PEREMPUAN, ITULAH NAMAKU

Sepuluh tahun dahulu, buku renungan saya yang pertama Mutiara-Mutiara Terindah telah dicetak. Awal tahun ini, saudari seiman dan penyunting buku itu bertanya-tanya adakah saya sedia menulis lagi. Dialah “Barnabas” yang mula-mula menggalakkan saya menulis. Sekali lagi, dia menanam benih ke dalam hati saya untuk menulis buku kedua.

Maka lahirlah Perempuan, Itulah Namaku, dihasilkan daripada renungan dan penerapan peribadi saya mengenai perempuan-perempuan dalam Alkitab. Namun ia bukan dihadkan kepada pembaca pihak wanita semata-mata.

Gerakan Roh Kudus mengesahkan kepada saya tema buku ini berasaskan 12 batu permata yang terjahit atas baju efod imam besar, berikutan perintah Allah dalam Kel 28:17-21. Kebanyakan batu permata dibentuk secara semula jadi daripada pelbagai logam dalam kerak bumi melalui beberapa cara. Sejarah permata boleh dikesan lebih dari 20,000 tahun dahulu. Permata yang belum dipotong sebenarnya kelihatan seperti batu biasa. Tetapi apabila dipotong, digosok dan diasah, ia memperlihatkan kecantikan beraneka bentuk, rupa dan warna, berkilauan dengan gemilang. Ini yang memberi nilai tinggi kepada batu permata. Dalam buku ini, saya telah cuba menggali hidup para wanita Alkitab, supaya dikeluarkan permata-permata cantik untuk pembaca menghayati dan menghargai. Lebih dalam lagi saya mengkaji firman Alkitab dalam proses menulis buku ini, lebih lagi pemahaman dan perspektif saya diperluaskan.

Saya harap dan berdoa setiap pembaca juga akan dapat menangkap bagaimana TUHAN bekerja dalam jantina yang secara umum selalu dianggap atau dijadikan lebih lemah. Memang saya mengucap syukur dan puji Tuhan saya seorang Perempuan, Itulah Namaku.

Christine Lai Sai Koon

Kulit dan Corak Dalaman: Leslie Kee

Semua kutipan Alkitab diambil daripada Alkitab Terjemahan Baru

Setengah grafik dipetik dengan penghargaan daripada <https://all-free-download.com/>

1	TENTERA YANG BESAR	5
2	TIDAK KETINGGALAN	7
3	DANDANAN SYURGAWI	9
4	ABIGAIL – KEBIJAKSANAAN DALAM KECEMASAN	11
5	AKHSA – KETIDAKPUASAN PENGANTIN	13
6	ANAK PEREMPUAN ZELAFEHAD – KEBERANIAN MENGADU	16
7	ATALYA - BEGITU IBU, BEGITULAH ANAK	19
8	BATSYEBA (1) – KEHILANGAN DAN PEMULIHAN	21
9	BATSYEBA (2) – KEMULIAAN AKHIRNYA	24
10	DEBORA - SUARA PROFETIK SEORANG IBU	26
11	DELILA - DALAM NAMA CINTA	29
12	DINA – PEMIKATAN YANG MENYEBABKAN KEMATIAN	32
13	DORKAS – LEGASI MELAYANI	35
14	ELISABET – MULUT YANG MEMBERKATI	38
15	ESTER – KEBERANIAN DALAM PERKENANAN TUHAN	41
16	EUNIKE – PENGARUH SALEH	44
17	HAWA – YANG PERTAMA	46
18	GOMER – KASIH YANG TIDAK MELEPASKAN	49
19	HAGAR (1) – PENUNDUKAN	52
20	HAGAR (2) – SUMUR DI DEPAN MATA	55
21	HANA, ANAK FANUEL – IMAN YANG MENUNGGU	57
22	HANA, ISTERI ELKANA – BERLARI KEPADA ATAU DARIPADA TUHAN?	60
23	HULDA – FIRMAN YANG TEPAT UNTUK MUSIMNYA	63
24	IZEBEL – PENGARUH SEORANG WANITA	66
25	KETURA – SEBAHAGIAN YANG MENGENAPI JANJI	68
26	LEA – TIDAK DICINTAI MANUSIA	70
27	LIDIA – DI TEMPAT BETUL PADA MASA BETUL	73
28	MARTA – IMAN YANG SEMPURNA	76
29	MARIA DARI BETANIA – HATI SEORANG PENYEMBAH	79
30	MARIA MAGDALENA – SIAPA YANG ENKAU CARI?	82
31	MARIA, IBU YESUS – LEBIH DARIPADA SEORANG IBU	84
32	MIRYAM – DARI SAUDARA MENJADI PENCABAR	87

<u>INTAN</u>	<u>KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
33	MIKHAL – APABILA CINTA BERTUKAR MENJADI BENCI	91
34	NAOMI – SEMUANYA SALAH TUHAN	94
35	ORPA – YANG PATAH BALIK	97
36	PENINA – YANG SAKIT MENYAKITI	99
37	RAHEL – PERMULAAN BAIK	101
	TIDAK MENJAMIN PENGHABISAN BAIK	
38	RAHAB – DARI KETAKUTAN KEPADA KEPERCAYAAN	104
39	RIBKAH – SEBELAH KEGELAPAN	107
40	RODE – PELAJARAN DARI HAMBA MUDA	110
41	RUT – BERNAUNG DI BAWAH SAYAP PERLINDUNGAN	113
42	SAFIRA – BERSEPAKAT DALAM ROH JAHAT	116
43	SARA – KETAWA KERAGUAN KEPADA KETAWA IMAN	119
44	SIFRA DAN PUA –	121
	TAKUT AKAN ALLAH, BERANI MENENTANG JAHAT	
45	TAMAR, MENANTU YEHUDA – APABILA HIDUP TIDAK ADIL	123
46	TAMAR, PUTERI DAUD – CINTA ATAU NAFSU	126
47	WASTI – RATU YANG “TAK NAK”	129
48	Yael – KEKEJAMAN SEBAGAI ALAT PELEPASAN	132
49	YEMIMA, KEZIA, KERENHAPUKH, ANAK-ANAK PEREMPUAN AYUB – TIDAK ADA YANG SECANTIK	135
50	YOKHEBED – MENGAMBIL RISIKO DALAM IMAN	138
51	YOSEBA – PELEPASAN DARIPADA LEGASI KETURUNAN	140
52	ZILPA DAN BILHA – DARI HAMBA MENJADI IBU ISRAEL	142
53	ZIPORA – TIADA DALIH	144
	YANG TIDAK TERNAMA	
54	PEREMPUAN YANG SAKIT PENDARAHAN – MALU APA?	146
55	PEREMPUAN SAMARIA- Mencari Kepuasan	149
56	PEREMPUAN YANG BERZINA –	151
	ANTARA Keadilan dan Belas Kasihan	
57	ANAK PEREMPUAN SALUM – MEMBINA BERSAMA	153
58	PEREMPUAN-PEREMPUAN LAIN -	155
	TAAT DARI MULA HINGGA AKHIRNYA	
59	PEREMPUAN-PEREMPUAN GEREJA AWAL – CERITA BERTERUSAN	158

INTAN 1 : TENTERA YANG BESAR



FIRMAN: MAZ 68:11

Tuhan menyampaikan sabda; orang-orang yang membawa khabar baik itu merupakan tentera yang besar.

Saya hanya seorang wanita. Betul, tetapi identiti saya bukan sekadar seorang wanita biasa. Saya adalah seorang wanita Tuhan. Itu tidak bererti saya lebih hebat, lebih pandai, lebih alim atau lebih baik daripada wanita-wanita lain. Hakikatnya saya bukan wanita biasa hanya kerana saya empunya Tuhan yang luar biasa.

Nyanyian Raja Daud dalam Maz 68:11 merayakan kehebatan Allah Israel yang mengalahkan semua musuhnya. Perkataan “orang-orang” dalam bahasa Ibrani adalah dalam jantina feminin. Penterjemahan harafiah dalam versi MILT lebih tepat membaca “*Tuhan memberikan firman, wanita-wanita yang memberitakannya adalah pasukan yang besar.*”

Komentari Alkitab merujuk kepada adat resam wanita dunia Timur yang merayakan kemenangan para lelaki dalam peperangan melalui perarakan nyanyian dan tarian. Seperti di 1 Sam 18:6 ketika Daud kembali selepas mengalahkan orang Filistin, perempuan-perempuan dari semua kota Israel keluar bersukaria. Mereka menyanyi dan menari dengan memukul rebana dan membunyikan gerencing. Di Kel 15:20-21, selepas mukjizat pemisahan Laut Teberau, Miryam memimpin kumpulan perempuan-perempuan memukul rebana, menari-nari dan menyanyi memuji Tuhan. Sama juga nyanyian Debora dalam Hak 5 memuji Allah selepas kemenangan Israel atas musuh mereka.

INTAN 1: TENTERA YANG BESAR

Hakikatnya peranan wanita tidak terhad kepada suara untuk merayakan kehebatan Allah atau mengalakkan para lelaki yang keluar dan kembali dari medan peperangan. Perkataan “membawa khabar baik” dalam Maz 68:11 berasal daripada perkataan bahasa Ibrani yang bererti berkhotbah atau mengumumkan berita baik. Perkataan yang sama dipakai dalam Perjanjian Baru untuk “menginjil.”

Maka para wanita dipanggil bangkit sebagai angkatan tentera besar untuk mengisytiharkan berita sukacita iaitu firman Allah jadi manusia dalam Yesus Kristus. Hari ini, Wanita Tuhan, tangkaplah visi syurgawi bahawa engkau adalah sebahagian daripada tentera Tuhan yang terpanggil.

RENUNGAN:

1. Bagaimanakah kamu memandang diri kamu sebagai wanita?
2. Apakah peranan seorang Wanita Tuhan di zaman ini?

DOA:

Abba Bapa di syurga, terima kasih Engkau mendaftarkan saya sebagai anggota angkatan tentera-Mu di musim dan untuk generasi ini. Kiranya Engkau mampukan saya membawa khabar baik Yesus Kristus dan memenangi dunia ini untuk kemuliaan-Mu.

INTAN 2 : TIDAK KETINGGALAN



FIRMAN: MAZ 68:12

Raja-raja segala tentara melarikan diri, melarikan diri, dan perempuan di rumah membagi-bagi jarahan.

Mengikut tradisi, para wanita memikul beban penjagaan anak dan hal-hal keluarga sebagai suri rumah-tangga sepenuh masa. Kaum lelaki pula keluar mencari rezeki sebagai penanggung utama rumah-tangga. Di zaman moden, ramai wanita yang menjawat pekerjaan di luar. Terdapat wanita yang berhenti kerja sendiri untuk menjadi suri rumah-tangga selepas kelahiran anak. Mereka menganggap mendidik anak lebih penting daripada mengejar cita-cita atau kerjaya peribadi. Ada pula yang tiada pilihan lain. Terdapat wanita-wanita yang menyesal apabila sedar menjaga rumah dan anak lebih susah daripada bekerja diluar. Nampaknya tiada ganjaran ketara dalam “jawatan” suri rumah-tangga.

Maz 68:12 menceritakan bahawa perempuan yang tinggal di rumah pun mendapat bahagian dalam pengagihan jarahan peperangan. Di zaman kuno, tentera yang menang berhak mengambil segala kepunyaan musuh yang kalah sebagai jarahan peperangan. Mazmur ini merekodkan kehebatan kemenangan Israel atas raja-raja segala tentera yang telah melarikan diri. Begitu banyak jarahan yang diambil-milik sehingga cukup untuk diberikan kepada para wanita yang “hanya” duduk di rumah. Mereka tidak perlu mengangkat jari menyertai perjuangan dengan angkatan lelaki yang keluar bertempur.

Konteks Maz 68:12 boleh dilihat dari Bil 31:27. Selepas pemukulan orang Midian, Tuhan memerintahkan jarahan dibahagikan kepada dua. Satu bahagian diberi kepada pasukan bersenjata yang telah keluar berperang. Satu bahagian pula kepada segenap umat lain yang tidak melibatkan diri.

Persepsi bahawa wanita yang berjerih-lelah memasak, mencuci dan mengemas rumah setiap hari tidak mendapat “apa-apa” ganjaran salah. Ganjaran duniawi dalam bentuk matawang atau penghormatan manusia tidak boleh dibandingkan dengan bahagian dalam kerajaan Allah. Bahagian yang tersimpan untuk wanita yang “bekerja” sebagai suri rumah-tangga tidak ternilai. Wanita yang duduk di rumah tidak ketinggalan.

RENUNGAN:

1. Bagaimanakah kamu menganggar nilai kamu sebagai Wanita Tuhan?
2. Adakah kamu menyesal peranan kamu sekarang, samada sebagai suri rumah-tangga atau menjawat pekerjaan lain? Kenapa?

DOA:

Tuhan, tolong saya melihat nilai saya sebagai wanita dari pandangan Engkau, bukan daripada apa-apa pekerjaan yang saya lakukan. Terima kasih saya tidak ketinggalan dalam kerajaan-Mu. Bahagian saya tetap dalam Yesus Kristus.

INTAN 3 : DANDANAN SYURGAWI



FIRMAN: MAZ 68:13

Maukah kamu berbaring di antara kandang-kandang? Sayap-sayap merpati bersalut dengan perak, bulu kepaknya dengan emas berkilau-kilauan.

Saya selalu memakai kosmetik semasa muda. Jujur kata dahulu saya tidak begitu suka rupa sendiri kerana mata sepet, bulu kening terlalu tipis dan kulit berjerawat. Pada umur belasan tahun, saya menghadiri kelas mendandan diri bersama kawan-kawan sebaya. Apabila saya dewasa, sebelum melangkah keluar rumah setiap pagi, saya perlu “cat” muka terlebih dahulu. Saya mesti sapukan bedak, warnakan mata, lukis bulu kening dan pakai gincu sebelum menghadapi dunia.

Maz 68:13 menggambarkan wajah Wanita Tuhan yang tidak payah mendandan diri dengan apa-apa bahan kosmetik kimia. Bagi saya, firman ini ialah afirmasi Tuhan atas wanita yang didandan oleh Tangan syurgawi. Versi AVB berbunyi “*Walaupun engkau baring di antara kawanan domba, engkau seperti sayap merpati disalut perak, dan bulunya disalut emas tulen.*” Setengah versi Inggeris mengatakan “kawanan domba” ialah belanga, yang mungkin merujuk ke tempat perapian di dapur. Merpati mengingatkan saya tentang Roh Kudus. Manakala perak merujuk kepada penebusan, kerana tiga puluh keping wang perak (harga tebusan seorang hamba) telah dibayar kepada Yudas untuk mengkhianati Yesus. Emas pula melambangkan untuk saya kemuliaan Allah.

Apabila saya menghubungkan semua ini, saya menggambarkan wanita yang tinggal di rumah. Pakaianya kotor seperti seorang gembala yang barings di antara kawanan dombanya. Wanita ini berpeluh-peluh suntuk hari memasak di dapur dan mengerjakan pelbagai tugas rumah. Namun dia didandani indah permai kerana dipakaikan Roh Kudus. Dia berada dibawah naungan sayap penebusan Yesus dan berseri dengan kemuliaan syurgawi.

Saya teringat tayangan gambar cerita dongeng “Cinderella.” Kisahnya mengenai seorang pari-pari memakai tongkat ajaib menukar gadis yang miskin dan kotor menjadi puteri cantik untuk menemukan putera raja. Transformasi wanita biasa kepada Wanita Tuhan bukan cerita dongeng. Ia adalah karya unik Pencipta Ilahi.

RENUNGAN:

1. Adakah dan apakah yang tidak memuaskan kamu mengenai rupamu?
2. Dalam pendapat kamu, apakah yang menarik hati dalam seorang Wanita Tuhan?

DOA:

Ampuni aku, ya Tuhan, apabila saya kurang atau tidak puas hati dengan karya-Mu dalam diriku. Hari ini, aku membuang baju kotor lama dan mengenakan pakaian baru Roh Kudus. Jadikan aku wanita yang didandani kemuliaan-Mu.

INTAN 4 : ABIGAIL

KEBIJAKSANAAN DALAM KECEMASAN



FIRMAN: 1 SAM 25:14-42

1 Sam 25:32 Lalu berkatalah Daud kepada Abigail: “Terpujilah TUHAN, Allah Israel, yang mengutus engkau menemui aku pada hari ini; terpujilah kebijakanmu dan terpujilah engkau sendiri, bahwa engkau pada hari ini menahan aku daripada melakukan hutang darah dan daripada bertindak sendiri dalam mencari keadilan.”

Pernahkah kamu tertangkap dalam keadaan yang mencemaskan akibat tindakan orang lain? Atau menghadapi orang-orang yang “sukar?” Apa yang terjadi dalam hidup seorang wanita bernama Abigail memberi petunjuk bagaimana meresponi keadaan-keadaan begitu. Nama Abigail bererti “keriang bapa.” Dia bijak dan cantik parasnya. Bertentangan sekali dengan suaminya bernama Nabal bererti orang bebal, yang kasar dan jahat kelakuannya.

Perhubungan Abigail dan Nabal jelas tidak seimbang. Bagaimanakah seorang wanita seperti Abigail boleh mengahwini lelaki seperti Nabal? Mungkin ini adalah perkahwinan yang diatur antara keluarga, suatu adat-resam dan tradisi banyak bangsa-bangsa Timur.

Respon Abigail dalam keadaan yang melibatkan Daud dan suaminya begitu luar-biasa. Ia memaparkan kebijaksanaan seorang wanita berani yang cepat mengenal apa yang patut dilakukan dalam krisis yang membingungkan. Apabila bujangnya memberitahu tentang pertelingkahan besar yang telah tercetus antara Daud dan Nabal, Abigail bertindak serta-merta menyediakan diri untuk bertemu dengan Daud sebagai pendamai. Maka dielakkan celaka yang bakal menimpa seisi keluarga dan rumahnya.

Wanita ini tidak naik angin, tidak panik, tidak berleter atau melawan suaminya. Dia tidak memberitahu suaminya apa-apa pun, kerana dia mengenal sungguh watak lelaki ini. Bujang-

bujang pun mengenal suami Abigail sebagai orang yang dursila, sehingga tiada yang dapat berbicara dengannya. Abigail terus menyediakan banyak bekalan makanan dimuatkan atas keledai. Dia sendiri keluar menyusuli untuk menemui Daud, yang kebetulannya pada masa itu telah berazam membinasakan segala kepunyaan Nabal.

Tindakan pertama Abigail apabila melihat Daud diperihalkan dalam 1 Sam 25:23. Dia mengambil posisi yang terendah, memohon pengampunan untuk kesalahan orang lain. Setiap perkataan yang keluar daripada mulut Abigail penuh hormat tetapi amat efektif menggerakkan dan melembutkan hati Daud serta meredakan kemarahannya. Seperti tertulis dalam *Ams 25:11 Perkataan yang diucapkan tepat pada waktunya adalah seperti buah apel emas di pinggan perak.*

Kebijaksanaan Abigail bertindak dan bertutur tidak sahaja mengelakkan mala petaka atas seisi rumahnya sendiri tetapi menahan Daud daripada berdosa. Mata Abigail tajam melihat melampaui keadaan peribadi. Wanita ini tidak keberatan tampil menghadapi cabaran yang mengancam dalam hikmat dan pengertian syurgawi.

Dia terus melakukan apa yang patut, sesuai masanya. Abigail memberitahu Nabal segala yang telah berlaku hanya pada keesokan hari, selepas suaminya sedar daripada kemabukan. Akhirnya Tuhan mencabut nyawa orang bebal itu. Tuhan setia memberkati Abigail, membuka jalan serta hidup baru untuknya diambil sebagai isteri Daud.

RENUNGAN:

1. Apakah yang senang mencetuskan kemarahan kamu?
2. Imbas kembali suatu ketika di mana kamu menghadapi keadaan/orang yang sukar. Bagaimanakah kamu meresponi?

DOA:

Abba Bapa, saya perlu, memohon dan menerima daripada Engkau hikmat syurgawi untuk mengendalikan setiap perkara dan setiap keadaan dalam hidup saya. Roh Kudus, pimpin saya menghadapi setiap cabaran dengan penuh tenang dan kebijaksanaan, menjadi pendamai antara manusia.

INTAN 5 : AKHSA

KETIDAKPUASAN PENGANTIN



FIRMAN: YOS 15:16-19, HAK 1:12-15

Yos 15:19 Jawabnya: “Berikanlah kepadaku hadiah; telah kauberikan kepadaku tanah yang gersang, berikanlah juga kepadaku mata air.” Lalu diberikannyalah kepadanya mata air yang di hulu dan mata air yang di hilir.

Hantaran atau mas kahwin adalah pemberian wajib dalam adat-resam perkahwinan masyarakat Timur. Kaleb, putera dari bani Yudah, telah memberi Akhsa, anak tunggal perempuannya menjadi isteri Otniel, kerana Otniel berjaya merebut kota Kiryat-Sefer untuknya. Hantaran Akhsa bukan duit atau barang kemas, seperti yang biasa diberi, tetapi sekeping tanah. Sistem warisan masyarakat Yahudi mengikut garis keturunan lelaki. Pemberian Kaleb menggambarkan betapa besar kasih bapa ini kepada puterinya Akhsa. Namun ada satu masaalah – tanah itu gersang. Tanpa sumber air, tanah itu tidak berguna kerana tidak boleh menghasilkan apa-apa. Lalu pengantin baru ini menggesa suaminya meminta lagi ladang. Nampaknya Otniel keberatan atau mungkin tidak berkesempatan, kerana seterusnya Alkitab memberitahu bahawa Akhsa sendiri turun dari keledainya di hadapan Kaleb, sebagai tanda hormat dan persediaan untuk meminta sesuatu.

Apabila ditanya bapanya apa hal, dengan penuh keberanian, Akhsa memohon diberikan hadiah lagi, iaitu mata air. Perkataan hadiah dalam bahasa asal ialah berkat. Permintaan Akhsa melanggar undang-undang warisan, yang memperkenankan pihak lelaki. Keinginan Akhsa untuk tambahan hantarannya telah dikritis sebagai ketamakan. Namun respon Kaleb memperlihatkan pandangan yang lain. Kaleb tidak memarahi atau menolak Akhsa. Sebaliknya diberinya bukan sebarangan tanah, tetapi yang mengandungi mata air yang di hulu dan mata air yang di hilir, melebihi permintaan Akhsa.

Ini gambaran kemurahan hati Allah Bapa kita di syurga. Dia tidak akan menahan daripada memberkati anak-Nya yang berani datang mengadap dan memohon yang patut dan yang lebih. Mata air di hulu iaitu bahagian bawah melambangkan keperluan duniawi. Mata air di hilir yakni bahagian atas merujuk kepada berkat rohaniah. Mungkin ada kalanya mata air di hulu nampaknya sudah kering-kontang, seperti Ayub yang kehilangan segala-galanya di dunia manusia. Namun mata air di hilir tidak mungkin jadi kering, kerana sumbernya ialah sungai air kehidupan dari atas, yang keluar dari takhta Allah dan takhta Anak Domba di syurga (Wahy 22:1). Yesus memberitahu perempuan Samaria dalam Yoh 4:10 bahawa air yang diberikan-Nya ialah air hidup yang memuaskan kehausan untuk selama-lamanya. Allah sendiri ialah sumber air hidup (Yer 2:13).

Bapa Akhsa berkenan menghadihkan anaknya bukan sekadar yang mempercukupkan tetapi yang berkelimpahan. Begitu juga Allah Bapa kita akan mengaruniakan apabila kita sedar kekurangan dan ketidaksempurnaan diri kita dan memohon lebih banyak lagi dari tangan-Nya. Dia bukan Tuhan yang kedekut. Maz 84:11 mengingatkan kita *“Ia tidak menahan kebaikan dari orang yang hidup tidak bercela.”*

Akhsa menyedari dengan tepat satu-satu keperluannya dan terus meminta daripada bapanya. Dia boleh tetapi tidak meminta apa-apa yang lain. Lebih daripada kebendaan duniawi, apa yang kita benar-benar perlu dalam hidup kita ialah Roh Kudus. Firman Yesus dalam *Luk 11:13 Jadi jika kamu yang jahat tahu memberi pemberian yang baik kepada anak-anakmu, apalagi Bapamu yang di sorga! Ia akan memberikan Roh Kudus kepada mereka yang meminta kepada-Nya.”*

Wanita Tuhan, jangan puas dengan yang sederhana, yang biasa-biasa. Allah Bapa menunggu, bertanya, “Apa hal, anak?”

RENUNGAN:

1. Senaraikan 3 keperluan utama dalam hidup kamu sekarang. Adakah ianya keperluan lahiriah atau batiniah?
2. Adakah dan apakah yang menghalang kamu meminta daripada Tuhan?

DOA:

Allah Bapa di syurga, saya datang sebagai anak-Mu. Terima kasih Engkau mempercukapkan segala keperluan hidup saya. Saya mengucapkan syukur saya boleh memohon banyak daripada Bapa. Tetapi saya mahu hanya yang terbaik daripada Engkau. Berkatilah saya dengan lebih daripada Roh Kudus-Mu, dalam nama Yesus.

TUHAN begitu murah hati Dia memberi anugerah yang kita tidak layak menerima, kasih yang kita tidak mungkin fahami, dan belas kasihan yang kita tidak dapat melawan.



INTAN 6 : ANAK PEREMPUAN ZELAFEHAD KEBERANIAN MENGADU



FIRMAN: BIL 27:1-10, 36:6-12,
YOS 17:3-6

Bil 27:4 “Mengapa nama ayah kami harus hapus dari tengah-tengah kaumnya, oleh karena ia tidak mempunyai anak laki-laki? Berilah kami tanah milik di antara saudara-saudara ayah kami.” 27:6 Maka berfirmanlah TUHAN kepada Musa: 27:7 “Perkataan anak-anak perempuan Zelafehad itu benar; memang engkau harus memberikan tanah milik pusaka kepadanya di tengah-tengah saudara-saudara ayahnya; engkau harus memindahkan kepadanya hak atas milik pusaka ayahnya.”

Terdapat detik-detik yang mencipta sejarah baru apabila ada orang berani bersuara dan mengadu untuk mengubah situasi yang berat sebelah atau tidak adil. Lima orang wanita tampil melakukan apa yang tidak pernah dilakukan. Lima orang wanita meminta apa yang tidak pernah diminta. Dengan itu, tercipta sejarah baru dalam hukum warisan tanah keturunan untuk semua wanita-wanita Ibrani seperti mereka.

Ini terjadi kerana lima orang wanita berani keluar tanpa dipanggil oleh sesiapa. Mereka berdiri di depan para pemimpin dan segenap umat Israel dekat pintu Kemah Pertemuan. Ini ialah tempat kudus di mana terletaknya batu tulisan 10 Hukum dari gunung Sinai, tempat yang dihaskan hanya untuk pemimpin lelaki. Dengan penuh azam wanita-wanita ini mempetyisen untuk hak mewarisi tanah pusaka bapa mereka.

Kebetulannya Tanah Perjanjian belum ditakluki pada masa itu. Akan tetapi perempuan-perempuan ini terus memohon dengan tidak menunggu untuk pembahagian tanah. Lima orang wanita, adik-beradik satu keluarga, berjaya menukar undang-undang warisan tanah dalam hukum Ibrani kerana berani mengadu dalam iman. Nama mereka ialah Mahla, Noa, Hogla, Milka dan Tirza, puteri-puteri Zelafehad, keturunan Yusuf dari kaum Manasye.

Nama bapa mereka terhapus dari kaumnya dan tidak termasuk dalam perhitungan pengagihan Tanah Perjanjian kerana dia tiada anak lelaki. Ini bermakna lima puterinya tidak akan diberi bahagian tanah warisan dan akan ketinggalan tanpa apa-apa sumber untuk menampung diri sebagai wanita tunggal. Tanpa hak warisan, mereka tidak kepunyaan tanah, tidak berpeluang berkahwin dan tiada harapan dalam masyarakat yang mengutamakan lelaki.

Musa menghadapi permintaan mereka terus kepada Allah. Allah yang Maha Adil mengisytiharkan permohonan mereka benar dan memberi mereka hak untuk mewarisi tanah pusaka supaya nama ayah mereka terpelihara. Malah dilanjutkan hak itu kepada keturunan mereka terkemudian. Dalam kata lain, mereka mempunyai hak tanah yang sama tara seperti kaum lelaki. Seterusnya hukum baru ini terpakai kepada semua wanita Ibrani untuk berkekalan. Sejarah telah dicipta kerana suara lima orang wanita yang terdengar di mahkamah syurgawi dan diadili Hakim yang Benar.

Puteri-puteri Zelafehad menyampaikan kes mereka dengan penuh hikmat. Mereka tidak berteriak-teriak penuh emosi atau memukul meja. Mereka menerangkan asas permintaan mereka dengan jelas, disokong dengan sejarah, hukum dan fakta-fakta situasi. Mereka memelihara kebaikan nama bapa mereka dan tidak menghina atau menyalahkan siapa-siapa pihak. Pada masa yang sama, mereka tidak keberatan mendedahkan kekurangan dan ketidakadilan yang melibatkan semua yang tertangkap dalam keadaan yang sama. Mereka bangkit memberi perspektif yang baru yang tidak difikirkan oleh pihak lelaki selama ini. Begitu baiknya penyampaian mereka, seperti perbalahan peguam profesional.

Tindakan lima orang wanita ini mengajar kita bahawa Wanita Tuhan boleh dan patut memakai suara untuk menegakkan apa yang betul. Wanita boleh menjadi pelopor yang pertama, melakukan apa yang tidak pernah dilakukan untuk membuka jalan baru bagi yang terkemudian. Ini bukan mengenai “peperangan kesetaraan” antara jantina. Ini mengenai keberanian keluar dari tempat kebiasaan dan martabat sosial yang dikenakan atas wanita

oleh tradisi manusia. Kita boleh bersuara atas pihak orang yang tidak tahu atau tidak boleh bersuara supaya membuat perbezaan yang menjangkau diri dan generasi seterusnya.

Kita boleh terus masuk ke tempat-tempat tertinggi untuk menuntut keadilan syurgawi. Suara yang tepat sasaran, tempat dan masanya boleh mengubah persekitaraan, membawa pelepasan dan kemerdekaan kepada mereka yang tertindas.

RENUNGAN:

1. Apakah isu-isu ketidaksetaraan dalam masyarakat yang menggerakkan hati kamu?
2. Apakah tindakan yang kamu boleh mengambil untuk membangkitkan kesedaran isu ini?

DOA:

Allah Bapa, ampuni saya kerana banyak kali saya lebih selesa mengambil jalan senang mendiamkan diri daripada bersuara. Saya memaling ke arah lain apabila berdepan dengan ketidakadilan atau ketidaksetaraan, kerana saya “hanya” seorang wanita. Beranikan saya memakai suara yang Engkau telah berikan saya untuk menegakkan keadilan dan kebenaran-Mu dalam segala keadaan.

INTAN 7 : ATALYA

BEGITU IBU, BEGITULAH ANAK



FIRMAN: 2 TAW 22:1-2

2 Taw 22:10 Ketika Atalya, ibu Ahazia, melihat bahwa anaknya sudah mati, maka bangkitlah ia membinasakan semua keturunan raja dari kaum Yehuda.

Kerap-kali kita akan mendengar pujian seorang anak mirip ibu atau bapanya, mungkin dari segi rupa paras yang elok atau kelakuan yang baik. Akan tetapi alangkah teruknya kalau persamaan itu merujuk kepada sesuatu keburukan. Seperti dalam kes Atalya, anak perempuan seorang raja, isteri dan ibu seorang raja.

Atalya adalah satu-satunya wanita dalam Perjanjian Lama yang memerintah sebagai ratu dalam sejarah Yehuda. Putri Ahab dan (barangkali) Izebel ini telah menikah dengan Yoram, putra Yosafat, daripada keturunan Daud. 2 Taw 21:6 memberitahu bahawa Raja Yoram hidup jahat menurut kelakuan raja-raja Israel seperti yang dilakukan keluarga Ahab oleh kerana pengaruh Atalya. Selepas kemangkatan Yoram, anaknya Ahazia diangkat jadi raja. Corak kejahatan generasi turun-temurun kelihatan dengan Atalya menasihati anaknya sendiri untuk melakukan yang jahat juga. Malah dia telah meneguhkan penyembahan Baal yang dimulakan oleh Izebel di zaman nabi Elia. 2 Taw 24:7 memberitahu bahawa “*anak-anak Atalya, perempuan fasik itu, telah membongkar rumah Allah, bahkan memakai barang-barang kudus rumah TUHAN untuk para Baal.*”

Peranan seorang ibu dan/atau isteri penting sekali dalam mempengaruhi suami dan anak-anaknya. Apakah legasi yang kita tinggalkan kepada generasi penerus? Adakah kita memupuk pertumbuhan watak yang baik atau yang jahat kepada keturunan kita? Amsal

22:6 mempertanggung-jawabkan kita supaya *“Didiklah orang muda menurut jalan yang patut baginya, maka pada masa tuanya pun ia tidak akan menyimpang daripada jalan itu.”*

Atalya tidak sahaja menyesatkan suami dan anak-anaknya. Sampai hati dia membunuh seluruh keluarga diraja – cucu-cucunya sendiri - untuk merebut takhta pemerintahan negara. Kalau Izebel bengis melenyapkan nabi-nabi Tuhan di zaman Elia, Atalya lebih kejam lagi membinasakan ahli keluarga keturunan darah sendiri. Disebalik perbuatan keji seorang wanita yang gila kuasa ialah percubaan iblis untuk memusnahkan benih diraja Daud, yang darinya Mesias akan lahir. Tetapi Tuhan campur tangan dan memakai Yoseba, isteri imam besar Yoyada untuk menyelamatkan bayi Yoas, anak putra Ahazia. Akhirnya Atalya dibunuh pedang setimpal dengan kejahatan hidupnya.

Iblis berniat mencuri dan membinasakan destini setiap kita yang percaya. Namun Tuhan sendiri akan memelihara dan melindungi kita supaya digenapi segala rancangan baik-Nya dalam hidup kita.

RENUNGAN:

1. Bagaimanakah kamu menjadi tauladan sebagai anak perempuan, isteri dan/atau ibu yang baik?
2. Selidiki kembali ada/apakah corak-corak ikatan darah yang jahat daripada generasi nenek-moyang kamu yang perlu diuruskan.

DOA:

Allah Bapa, Engkau tahu tidak senang untuk saya melakukan peranan dan pertanggung-jawaban sebagai Wanita Tuhan dalam keluarga saya. Saya akui saya amat perlu pimpinan, hikmat dan kekuatan syurgawi untuk menjadi tauladan yang baik dan bukan yang jahat. Dalam nama Yesus, saya patahkan semua corak-corak kejahatan dalam ikatan darah generasi keluarga saya dari dahulukala.

INTAN 8 : BATSYEBA (1)

KEHILANGAN DAN PEMULIHAN



FIRMAN: 2 SAM 11:1-27, 12: 9-24

2 Sam 12:24 Kemudian Daud menghibur hati Batsyeba, isterinya; ia menghampiri perempuan itu dan tidur dengan dia, dan perempuan itu melahirkan seorang anak laki-laki, lalu Daud memberi nama Salomo kepada anak itu. TUHAN mengasihi anak ini.

Wanita ini lebih kerap dikenali sebagai isteri Uria. Malah apabila disebut nama Batsyeba, perhatian kita selalu tertumpu kepada Raja Daud. Adakah kamu mengetahui bahawa Batsyeba tercatat di Matius 1:6 sebagai satu di antara hanya empat wanita lain dalam silsilah Yesus Kristus? Ini membuktikan Allah menganggap wanita ini istimewa sekali, bukan sekadar hanya dikenali isteri orang. Sebenarnya Batsyeba berketurunan dari orang-orang ternama. Datuknya Ahitofel, orang Gilo, penasihat Daud, bapanya Eliam dan suaminya Uria. Kedua-duanya disenaraikan sebagai pahlawan-pahlawan Daud.

Cerita Batsyeba bermula dengan tragedi. Sosok tubuhnya menawan perhatian Raja Daud yang sedang berjalan-jalan atas sotoh istana. Ramai yang menganggap Batsyeba telanjang bermandi-mandi secara terbuka. Sebenarnya 2 Sam 11:2 tidak mengatakan begitu. Perkataan “mandi” dalam bahasa asal bererti “membasuh” dan ditafsirkan merujuk kepada adat penyucian pentahiran wanita sehabis haidnya.

Mulai saat itu, arah hidup Batsyeba berubah. Dalam anggaran masa satu tahun, Batsyeba telah kehilangan tubuh, suami dan anak pertamanya – tiga hal yang terutama dalam hidup setiap wanita. Semuanya kerana seorang lelaki tertarik kepadanya. Lelaki yang memegang kuasa muktamad sebagai raja negara telah berzina dengannya lantas membuatnya hamil. Diatur pula pembunuhan suami Batsyeba dan selepas itu dijadikannya isteri kelapan yang sah. Yang teruk sekali, anaknya yang baru lahir, berumur tujuh hari sahaja, mati.

Daud bertaubat selepas Allah menghantar nabi Natan menegurnya. Namun bayangkan betapa remuk-redam hati Batsyeba melalui semua pengalaman ini. Secara umum, wanita dipandang sebagai jantina yang lebih lemah daripada lelaki. Bagi saya, Batsyeba merupakan wanita yang mempunyai kekuatan luar biasa, setelah kehilangan begitu banyak dalam hidupnya.

Mungkin sebagai wanita, kamu pernah disakiti dalam perhubungan dengan para lelaki, ditindas oleh mereka yang memegang kuasa atau otoriti atasmu. Mungkin kamu terperangkap dalam keadaan yang memalukan, samada diakibatkan perbuatan sendiri atau orang lain. Dengan sekelip mata, anda kehilangan idaman hati, perhubungan, persahabatan, kerjaya, orang-orang yang dikasihi, benda-benda yang tidak terkira nilainya. Hayatnya dipotong pendek seperti bayi Batsyeba.

Alkitab menggambarkan secebis batin Batsyeba dalam 2 Sam 12:24. Daud “menghibur” hati Batsyeba. Mungkinkah pada waktu itu, keikhlasan pertaubatan Daud telah menyebabkan pengampunan mengalir dalam hati Batsyeba? Tepat sekali Daud menamakan anak keduanya dengan Batsyeba Salomo yang bererti “damai.”

Sebagai wanita ambillah iktibar ini. Dosa membawa padah. Anak Daud/Batsyeba telah terkorban. Satu jiwa mati kerana dosa orang lain. Oleh kematian anaknya telah terjadi pendamaian antara suami- isteri dan antara mereka dengan Allah. Ini petanda awal apa yang Yesus melakukan untuk seluruh dunia. Anak Allah lahir, mati terkorban untuk dosa manusia supaya semua diperdamaikan kembali dengan Allah Bapa.

Hidup Batsyeba melambangkan kebenaran bahawa Tuhan boleh memulihkan retakan dan menebuskan segala kesakitan kita untuk sesuatu yang lebih besar.

RENUNGAN:

1. Apakah kehilangan dalam hidup kamu yang belum diuruskan?
2. Adakah keluarga kamu perlu diperdamaikan antara satu sama lain?

DOA:

Ya Abba, ya Bapa, saya meletakkan kehilangan..... (nyatakan) di kayu salib Yesus Kristus. Hari ini saya melepaskan semua keretakan kepada Tuhan dan mengisytiharkan saya telah dimerdekakan daripada belenggu ini. Biarlah pengampunan mengalir dalam diriku dan orang yang menyakiti hatiku.

**Hidup manusia penuh keretakan –
keretakan perhubungan, keretakan janji–
janji, keretakan ekspektasi. Bagaimanakah
kita boleh hidup dengan keretakan tanpa
kepahitan atau kemarahan? Hanya
dengan kembali berulang kali kepada
TUHAN yang setia hadir dalam hidup kita.
– Henri Nouwen**



INTAN 9 : BATSYEBA (2)

KEMULIAAN AKHIRNYA



FIRMAN: 1 RAJ 1: 11-37, 2:19

1 Raj 2:19 Batsyeba masuk menghadap raja Salomo untuk membicarakan hal itu untuk Adonia, lalu bangkitlah raja mendapatkannya serta tunduk menyembah kepadanya; kemudian duduklah ia di atas takhtanya dan ia menyuruh meletakkan kursi untuk bunda raja, lalu perempuan itu duduk di sebelah kanannya.

Batsyeba melahirkan empat lagi anak lelaki selepas kematian anak yang pertama. Raja Daud telah mengesahkan kepadanya dalam 1 Raj 1:30 bahawa takhta pemerintahan akan diberi kepada anak keduanya Salomo. Ini sejajar dengan apa yang Daud telah menerima daripada Tuhan dalam 1 Taw 28:5. Namun keluarga diraja tidak berfungsi dengan baik dan tercetus rebutan kuasa daripada putra Daud yang lain. Putranya yang sulung, Amnon, memperkosa adik tirinya Tamar dan kemudian dibunuh oleh putra Daud yang ketiga Absalom (2 Sam 13:1-33). Absalom memberontak melawan dan berusaha membunuh ayahnya sendiri (2 Sam 15:1-18:33). Dalam usia tua Daud, tanpa disedarinya, putra keempat Adonia merampas takhta pemerintahan menabalkan dirinya sebagai raja (1 Raj 1:18).

Hakikatnya iblis pasti cuba merosakkan destini yang Tuhan telah rencanakan baik untuk kita dan keturunan kita. Dia akan memakai keadaan persekitaran dan manusia, kadangkala orang yang terdekat dengan kita, untuk menghalang penggenapan rancangan Tuhan. Nabi Natan telah memberi amaran dan nasihat kepada Batsyeba dalam 1 Raj 1:11-13 tentang perampasan kuasa oleh Adonia. Batsyeba tidak lalai atau leka untuk bertindak. Perempuan ini yang telah bermula hidupnya dibawah penindasan lelaki sekarang bangkit seperti singa betina mempertahankan anaknya Salomo. Pengaduan Batsyeba kepada Daud dengan sokongan nabi Natan dilakukan dengan penuh hormat dan kebijaksanaan (1 Raj 1:15-27). Ia berkesan menyebabkan Daud mengarah tindakan segera diambil menabalkan Salomo sebagai raja Israel (1 Raj 1:32-35, 38-39). Melalui campur-tangan Batsyeba, sejarah dan arah

masa depan kerajaan Daud dialihkan kembali sejajar dengan rencana Tuhan. Terpeliharalah destini Salomo, anak yang dinamakan Allah Yedija bererti “yang dikasihi Tuhan.” Anak inilah yang ditentukan untuk meneruskan generasi Daud dan generasi keturunan Mesias Israel.

Jangan kita biarkan musuh mencuri janji-janji yang kita telah terima daripada Tuhan. Berwaspadalah segala yang berlaku dalam hidup kita, seperti Paulus menasihatkan dalam 2 *Kor 2:11 supaya Iblis jangan beroleh keuntungan atas kita, sebab kita tahu apa maksudnya.* Kita harus bangkit mengadu kepada Raja segala raja kita untuk menentang serangan musuh. Allah pasti bertindak mempertahankan janji-Nya sendiri.

Akhirnya Batsyeba diangkat menjadi ibu suri. Ini ialah kedudukan yang paling berpengaruh dan berkuasa yang dipegang oleh seorang wanita di zaman kuno Israel. Anaknya Raja Salomo memberi penghormatan tertinggi kepada Batsyeba, tunduk kepadanya dan menempatkannya disebelah kanan takhta diraja. Batsyeba mendidik Salomo dengan begitu baik sehingga beberapa amsal ditulisnya mengenai peranan ibu. Malah mengikut setengah pentafsiran Alkitab, wanita dalam Amsal 31 sebenarnya ialah karangan mengenai Batsyeba.

Saya bayangkan Batsyeba dalam usia tuanya duduk disebelah Raja Salomo dengan muka berseri. Hatinya sudah tenang. Mungkin dia mengingati kembali perjalanan hidupnya yang penuh cabaran dari hari dia dibawa masuk ke istana Daud, melalui liku-liku tajam dan jurang-jurang yang mendalam. Akhirnya dia mencapai destinasi muktamad yang penuh kemuliaan.

RENUNGAN:

1. Apakah janji-janji yang kamu telah terima daripada Tuhan?
2. Apakah serangan yang menghindari kamu daripada penggenapannya?

DOA:

Abba Bapa, terima kasih janji-Mu untuk saya(perihalkan). Saya isytiharkan dalam nama Yesus tiada siapa atau apa pun yang dapat menggagalkan matlamat hidup yang Engkau telah tentukan untuk saya dan keturunan saya. Terima kasih Engkau bertindak dengan segera mempertahankan dan memelihara saya untuk kemuliaan-Mu.

INTAN 10 : DEBORA

SUARA PROFETIK SEORANG IBU



FIRMAN: HAK 4:1-15, HAK 5

Hak 4:4 Pada waktu itu Debora, seorang nabiah, isteri Lapidot, memerintah sebagai hakim atas orang Israel.

Hak 5:7 Penduduk pedusunan diam-diam saja di Israel, ya mereka diam-diam, sampai engkau bangkit, Debora, bangkit sebagai ibu di Israel.

Kedudukan wanita selalu dibandingkan dengan lelaki di dunia ini. Masing-masing hendak memenangi “peperangan” antara jantina. Masing-masing cuba untuk menegaskan “hak-hak” jantina sendiri. Hakikatnya Allah tidak mencipta lelaki dan perempuan untuk bersaing antara satu sama lain. Hawa dijadikan sebagai “penolong yang sepadan” untuk Adam (Kej 2:18). Namun sejak kejatuhan manusia ke dalam dosa, perhubungan antara lelaki dan perempuan telah rosak, mengakibatkan ketegangan dalam peranan dan kedudukan masing-masing.

Kita senang menganggap cerita Debora dan Barak dalam Alkitab sebagai pengesahan wanita lebih hebat, lebih kuat atau lebih pintar daripada lelaki. Sebenarnya Allah tidak memilih antara jantina untuk melaksanakan rencana-Nya.

Hak 4:4 memperkenalkan Debora sebagai seorang wanita yang memegang tiga peranan serentak: nabiah, isteri dan hakim atas Israel. Kebetulanannya Debora ialah satu-satunya hakim wanita dalam Perjanjian Lama. Namun dia memanggil diri “ibu Israel.” Bagi saya, inilah identiti yang betul-betul mendefinisikan Debora. Hati ibu boleh dikesan daripada cara dia bertindak dalam panggilanannya sebagai nabiah dan hakim. Dia mengambil berat tentang keadaan Israel, seperti ternyata dalam *Hak 5:9 Hatiku tertuju kepada para panglima*

Israel, kepada mereka yang menawarkan dirinya dengan sukarela di antara bangsa itu.

Selama dua puluh tahun, bangsa Israel ditindas oleh Jabin, raja Kanaan dan panglima tenteranya Sisera. Sebagai hakim dan nabiah, Debora memakai otoritinya dengan tidak teragak-agak. Dia menyuruh Barak dipanggil untuk menyampaikan kepadanya perintah Allah supaya maju berperang.

Apabila Tuhan memanggil kita melakukan sesuatu atau menggerakkan hati kita dengan beban, pendapat orang lain atau keupayaan peribadi tidak penting. Otoriti kita datang terus daripada Tuhan. Kita mungkin tidak terlibat dalam peperangan fizikal seperti Debora. Tetapi kita pasti akan menghadapi tentangan dari segi emosi dan rohani. Ada kalanya kita ditindas oleh musuh yang nampaknya jauh lebih besar.

Berdepan dengan keadaan yang sukar, Debora melepaskan janji Tuhan kepada Barak dalam *Hak 4:7...Aku akan menyerahkan dia (Sisera) ke dalam tanganmu*. Diulanginya dalam *Hak 4:14: "...Bersiaplah, sebab inilah harinya TUHAN menyerahkan Sisera ke dalam tanganmu. Bukankah TUHAN telah maju di depan engkau."*

Hari itu, kemenangan Israel tidak bergantung kepada kuasa angkatan Barak yang terdiri daripada hanya sepuluh ribu orang bani Naftali dan bani Zebulon melawan 900 kereta besi Sisera. Kemenangan datang daripada Tuhan yang menyerahkan Sisera berserta tenteranya ke dalam tangan Israel. Hari ini kemenangan kita menentang setiap serangan musuh telah tercapai di kayu salib Yesus Kristus. Kita hanya selaraskan akal budi kita dengan janji Tuhan dan memakai otoriti yang Tuhan telah karuniakan kepada kita.

Debora tidak sahaja setia mengisytiharkan firman Tuhan. Apabila Barak meminta, dia tampil serta-merta mengikutinya. Nubuat Debora kepada Balak bahawa Tuhan akan menyerahkan Sisera ke dalam tangan seorang wanita mengesahkan jalan dan rancangan Tuhan jauh lebih tinggi daripada cara manusia. Ia tidak bermaksud sebagai celaan mengenai kelelakian Barak. Barak sendiri disenaraikan antara saksi-saksi iman dalam *Ibr 11:32*. Debora tidak pula mengambil pedang dan turun ke padang untuk berperang. Dia memberi strategi syurgawi kepada Barak tetapi tidak perlu membuktikan apa-apa sebagai wanita. Dia tidak payah meniru atau mengambil-alih pimpinan Barak. Sebaliknya Debora memimpin sebagai ibu, menyokong dan menggalakkan Barak apabila perlu.


Wanita yang mengenal identiti dan otoritinya sebagai anak Allah boleh melakukan apa sahaja dengan penuh keyakinan tanpa membandingkan diri dengan lelaki. Debora begitu teguh dalam pimpinannya dia tidak memegang peranan sendiri. Sebaliknya dia mengakui jasa orang lain dan cepat mengembalikan kemuliaan kepada Tuhan. Nyanyiannya dalam Hak 5 memuji keagungan Allah yang menebus mereka daripada semua musuh. Ayat terakhir dalam Hak 5:31 merakamkan impak pimpinan Debora “*Lalu amanlah negeri itu empat puluh tahun lamanya.*” Ini dua kali ganda lebih lama daripada penindasan dua puluh tahun dibawah musuh mereka.

RENUNGAN:

1. Adakah kamu merasa kekurangan sebagai wanita? Mengapa?
2. Apakah kekuatan kamu?

DOA:

Tuhan, terima kasih Engkau telah mengaruniakan kepada saya otoriti penuh dalam kapasiti saya sebagai anak-Mu. Saya yakin dalam identiti saya, bukan berlandaskan jantina saya, tetapi atas kasih Allah Bapa. Berikan saya hati seorang ibu yang mengasihi dan jadikan saya suara profetik di musim dan untuk generasi ini.



**Kamu lebih kuat daripada yang kamu fikir,
kerana kuasa Allah Maha Perkasa tersedia
bagimu. Kekuatanmu diperbaharui apabila
kamu percayakan—Nya – Kendra Tillman**

INTAN 11 : DELILA DALAM NAMA CINTA



FIRMAN: HAK 16:4-22

Hak 16:15 Berkatalah perempuan itu kepadanya: “Bagaimana mungkin engkau berkata: Aku cinta kepadamu, padahal hatimu tidak tertuju kepadaku? Sekarang telah tiga kali engkau mempermain-mainkan aku dan tidak mau menceritakan kepadaku, karena apakah kekuatanmu demikian besar.”

Delila selalu dianggap sebagai wanita jahat kerana menggoda dan mengkhianati Simson. Seringkali dia digelar “Yudas perempuan” Perjanjian Lama. Namun ceritanya mengandung pelajaran-pelajaran yang membawa saya menyelidiki hati sendiri sebagai wanita.

Simson menjawab sebagai hakim Israel yang terakhir di masa yang gelap. Bangsa Israel telah berpaling daripada Tuhan untuk kali ketujuh dan tertindas di bawah pemerintahan orang-orang Filistin. Alkitab tidak memberitahu latar-belakang, bangsa atau keluarga Delila, cuma tempat asalnya dari Lembah Sorek. Juga tidak diberitahu samada Simson berkahwin dengan Delila, hanya bahawa dia jatuh cinta kepada perempuan itu. Tidak pula direkodkan Delila mencintai Simson. Banyak yang menganggap Delila sebagai perempuan sundal, walaupun Alkitab tidak memakai perkataan itu. Sebenarnya samada dia perempuan sundal atau bukan, janganlah kita terlalu cepat menghakimi. Apa yang kita cepat anggap sebagai jahat dalam Delila mungkin juga terdapat dalam diri kita sebagai wanita.

Delila ditawarkan banyak wang oleh lima raja-raja kota Filistin untuk memujuk Simson memberitahu rahsia kekuatannya supaya mereka boleh mengalahkannya. 5,500 keping shekel di zaman itu ialah sebanyak lebih kurang RM7000 masa kini. Delila yang mata duitan tidak teragak-agak mengkhianati orang yang mencintainya. Tepat sekali amaran

Tuhan Yesus dalam *Luk 16:13 Seorang hamba tidak dapat mengabdikan kepada dua tuan. Karena jika demikian ia akan membenci yang seorang dan mengasihi yang lain, atau ia akan setia kepada yang seorang dan tidak mengindahkan yang lain. Kamu tidak dapat mengabdikan kepada Allah dan kepada Mammon.*

Kita mungkin tidak pernah melakukan sesuatu daripada motif beruntung wang. Walaubagaimana pun pernahkah kita melakukan sesuatu untuk populariti atau keseronokan duniawi? Biar kita selidiki hati peribadi samada kita sudah “curang” terhadap Tuhan yang mengasihi kita.

Tiga kali berturut-turut Delila memujuk Simson untuk memberitahu sumber kekuatannya. Tiga kali Simson membohong, mempermainkannya. Pada kali keempat, Delila merajuk dalam *Hak 16:15 “Bagaimana mungkin engkau berkata: Aku cinta kepadamu, padahal hatimu tidak tertuju kepadaku? Aduh, lelaki mana yang boleh tahan wanita yang merajuk? Suami mana yang tidak mengalah apabila isteri menangis tersedu-sedu di depannya meminta sesuatu. Lebih-lebih lagi menuduh “Kalau engkau mencintai aku, engkau akan....” Dalam nama cinta, kita memanipulasikan emosi orang yang terdekat dengan kita. Pernahkah kita berkata begitu juga kepada Tuhan, “Jika Engkau mengasihiku....”*

Dari segi lahiriah, Delila lemah, tetapi sebenarnya dia kuat melemahkan semangat Simson. Dia tidak sahaja merajuk. Delila memakai satu lagi senjata yang amat berkesan atas pihak lelaki. Dia berleter tanpa berhenti-henti setiap hari. Ternyata dalam *Hak 16:16 Simson terdesak dan “tidak dapat lagi menahan hati, sehingga ia mau mati rasanya.” Ams 21:9 menangkap kebenaran bahawa “Lebih baik tinggal pada sudut sotoh rumah daripada diam serumah dengan perempuan yang suka bertengkar.” Berleter memang semacam bertengkar. Kita mahu apa kita mahu dan kita tidak akan lepas sehingga kita mendapatkannya. Berleter tidak membina, sebaliknya merosakkan perhubungan dan mengakibatkan ketegangan antara satu sama lain. Wanita yang suka berleter dikuasai roh kedegilan dan keangkuhan yang tidak mahu menyerah, yang sanggup memberontak.*

Akhir kata, mungkinkah Delila bertindak kejam terhadap Simson adalah kerana ia tidak mencintainya? Justeru kekurangan kasih, dia sampai hati menyerahkan orang yang mengasihinya ke dalam tangan musuh untuk ditundukkan. Seringkali kita akan dicobai oleh “raja-raja” duniawi yang menawarkan pelbagai rupa tarikan untuk membelot terhadap Tuhan kita. Adakah kasih kita mencukupi untuk menolak dunia dan tetap setia kepada Tuhan?

RENUNGAN:

1. Apakah keutamaan tertinggi dalam hidup kamu?
2. Pernahkah dan bagaimanakah kamu memanipulasikan orang lain?

DOA:

Allah Bapa semesta alam, ampuni saya kerana mengejar (nyatakan) lebih daripada Engkau. Saya tidak mahu menjadi seorang Delila. Saya mengatakan saya mengasihi Engkau sahaja, Tuhan. Dalam nama Yesus, diusir keluar roh manipulasi, kedegilan dan keangkuhan daripada hidup saya. Buatlah saya taat dan setia kepada-Mu.

Orang yang tidak ada duit miskin. Orang
yang tiada apa kecuali duit lebih miskin lagi.
– Billy Sunday



INTAN 12 : DINA

PEMIKATAN YANG MENYEBABKAN KEMATIAN



FIRMAN: KEJ 34:1-31

Kej 34:3 Tetapi terikatlah hatinya kepada Dina, anak Yakub; ia cinta kepada gadis itu, lalu menenangkan hati gadis itu. 34:4 Sebab itu berkatalah Sikhem kepada Hemor, ayahnya: “Ambillah bagiku gadis ini untuk menjadi isteriku.”

Wanita mana yang tidak mengharapkan perhubungan yang mesra dengan semua orang? Gadis mana yang tidak inginkan kebebasan untuk bergaul? Dina, gadis belasan tahun membuat satu keputusan yang biasa sahaja. Tidak tersangka akibatnya malapetaka yang menimpa bukan sahaja peribadi dan keluarganya, tetapi menjangkau satu kota.

Terdapat penafsiran yang berbeda-beda mengenai tragedi Dina dalam Alkitab. Dina adalah anak tunggal perempuan Yakub dari isteri pertamanya Lea. Pada masa berkenaan, Yakub telah memilih tinggal dekat kota kafir orang Hewi. Banyak yang telah diperkatakan mengenai keputusan Dina untuk keluar seorang diri “*mengunjungi perempuan-perempuan di negeri itu.*” Ada yang mengkritik kelalaian orang tua Dina yang tidak menetapkan batas bagi puteri mereka mengenai pergaulan dengan orang tidak percaya dan tidak mengawasinya dengan betul. Ada yang berpendapat bahawa sebenarnya Dina tidak diperkosa, walaupun benar dia “dicemari” oleh lelaki asing.

Alkitab memberi amaran dalam 2 Kor 6:14 mengenai perhubungan tidak seimbang dengan orang yang tidak beriman. Rasul Paulus menasihatkan dalam 1 Kor 15:33 *Janganlah kamu sesat: Pergaulan yang buruk merusakkan kebiasaan yang baik.* Orang percaya yang membuka pintu kepada segala apa atau siapa-siapa sahaja dari dunia luar pasti terkena cobaan dan kemungkinan kompromi, aib dan bencana.

Sebenarnya tiada manfaat kita berbelah-belah pendapat siapa yang “lebih” salah. Apa yang menarik perhatian saya ialah Dina tidak bersuara satu patah perkataan pun. Ceritanya diberitahukan melalui pandangan mata orang lain. Dianggarkan pada masa itu, Dina berusia dalam lingkungan 13-15 tahun. Dia dipanggil anak perempuan Lea dalam Kej 34:1. Ini mungkin menggambarkan perhubungan Dina dengan bapanya Yakub tidak begitu intim, sebagai anak yang lahir daripada isteri yang bukan pilihannya. Apabila mengetahui tentang apa yang telah terjadi, Yakub hanya mendiamkan diri. Dia tidak pula menentang cadangan untuk Dina dikahwinkan dengan lelaki Kanaan, walaupun perkahwinan campur adalah larangan untuk bangsa Israel.

Dina pasti pernah menyaksikan kelakuan bapa yang pilih kasih antara ibu kandung dan ibu tirinya. Mungkin bapa ini tidak pernah berminat dalam hidupnya. Maklumlah status anak perempuan di zaman kuno tidak setinggi anak lelaki. Adakah Dina berasa kecewa bapa sendiri langsung tidak mempertahankannya? Tidak juga direkodkan reaksi ibunya Lea. Adakah ibunya terlalu sibuk bersaing-saing untuk cinta suaminya?

Siapa di antara kita pernah dikecewakan oleh ibu, bapa atau ahli keluarga sendiri? Pernahkah engkau meragui kasih ibubapamu? Hari ini, ada berita baik untuk setiap anak yang kekurangan kasih ibubapa. Bahawasanya Maz 27:10 memberitahu kita *“Sekalipun ayahku dan ibuku meninggalkan aku, namun TUHAN menyambut aku.”* Allah Bapa mengasihi kita dengan kasih yang kekal dan melanjutkan kasih setia-Nya kepada setiap orang percaya.

Betapa beratnya beban Dina. Dia mengalami keaiban peribadi berhubung dengan lelaki yang telah mengambil kesempatan atasnya dalam suatu perikatan yang menyebabkan kematian. Semua ahli keluarganya melakukan mengikut kehendak mereka. Tiada yang menanyakan apa perasaan atau pendapatnya. Abang-abangnya yang begitu “sakit hati dan sangat marah” terus menipu, membunuh, merampas dan menjarahi seluruh kota Sikkem. Dina mungkin rasa bersalah walaupun apa yang tercetis di luar kawalannya. Adakah dia marah kerana setiap lelaki dalam hidupnya telah mengecewakannya? Dalam siapakah Dina boleh berharap?

Kalau pengalaman hidup kamu seperti Dina, kalau suaramu telah didiamkan, ketahuilah ada harapan dalam seorang Bapa, seorang Abang sulung, seorang Kekasih jiwa kita. Semua janji-Nya ialah “ya” dan “amin” dalam Yesus Kristus.

RENUNGAN:

1. Patutkah dan setakat manakah kita mengasingkan diri dan keluarga kita daripada dunia/orang yang tidak percaya?
2. Imbas kembali perhubungan-perhubungan lampau kamu yang gagal. Senaraikan nama-nama mereka yang telah mengecewakan kamu.

DOA:

Abba Bapa, saya membawa pengalaman lampau hidup saya di mana saya telah disakiti oleh..... (sebutkan nama-nama). Saya tidak mahu menyimpan kekecewaan, kemarahan, atau dendam terhadapnya lagi. Hari ini, saya melepaskan pengampunan kepadanya. Dalam nama dan oleh darah Yesus, saya memotong semua perikatan jiwa yang mematikan dalam hidup saya dan saya menerima pelepasan sempurna. Saya mengucap syukur kerana Engkau peduli, mengambil berat dan memelihara saya.

**Dialah kawan engkau yang mendorong engkau
lebih dekat kepada Tuhan – Abraham Kuyper**



INTAN 13 : DORKAS

LEGASI MELAYANI



FIRMAN: KIS 9:36-42

Kis 9:36 Di Yope ada seorang murid perempuan bernama Tabita--dalam bahasa Yunani Dorkas. Perempuan itu banyak sekali berbuat baik dan memberi sedekah.

Apakah yang kamu ingin dikatakan dalam eulogi kamu? Bagi saya, lima patah perkataan - hamba yang baik dan setia - sudah cukup. Alkitab memberitahu tentang seorang wanita yang bukan rasul, nabi, pengkhotbah, pemimpin pujian, pastor, mubaligh, guru atau siapa-siapa hebat dalam apa-apa gereja atau pelayanan besar. Dia “hanya” menjahit baju dan pakaian. Ceritanya dalam Alkitab habis direkodkan dengan tujuh ayat sahaja.

Kita tidak tahu latar-belakangnya, berapa umurnya, samada dia berkeluarga atau bagaimana dia menjadi orang percaya. Kita hanya tahu namanya Dorkas atau Tabita yang bermakna kijang gazel, binatang yang anggun. Kis 9:36 mengenalinya seorang “murid.” Perkataan “murid” terpakai untuk pengikut-pengikut awal Tuhan Yesus. Fahaman biasa “murid” ialah pelajar. Maka seorang murid Yesus belajar daripada Tuan dan Tuhannya, Yesus Kristus. Ini tidak memerlukan apa-apa kelayakan istimewa, hanya hati yang boleh diajar.

Ramai di antara kita yang boleh menggelar diri sebagai orang yang percaya, tetapi berapa ramai yang Tuhan boleh menggelar sebagai murid yang betul-betul mengikuti-Nya? Dorkas seorang wanita yang mengimpak dunia persekitarannya. Dia tidak payah bersaksi untuk diri sendiri atau menghebohkan pelayanannya. Orang lain yang bersaksi tentangnya. Di depan jenazahnya, *“semua janda datang berdiri dekat Petrus dan sambil menangis mereka menunjukkan kepadanya semua baju dan pakaian, yang dibuat Dorkas waktu ia masih hidup.”* Alkitab memperkenalkannya sebagai seorang yang “banyak sekali berbuat baik dan memberi sedekah.” Bukan sekali dua, tetapi banyak sekali.

Dorkas hidup mengenal panggilannya sebagai murid Yesus seperti tertulis dalam *Ef 2:10* *Karena kita ini buatan Allah, diciptakan dalam Kristus Yesus untuk melakukan pekerjaan baik, yang dipersiapkan Allah sebelumnya. Ia mau, supaya kita hidup di dalamnya.*

Entah apa lagi “baik” yang Dorkas melakukan, selain daripada menjahit pakaian untuk para janda dan memberi sedekah. Jelas dia tidak hanya bercakap-cakap. Dia melakukan baik, membuktikan imannya dengan perbuatan. Entah berapa lama atau berapa banyak jam dia meluangkan untuk memotong kain dan menjahit baju untuk kumpulan janda. Mengikut firman Yak 1:27 ini dikira *“Ibadah yang murni dan yang tak bercacat di hadapan Allah, Bapa kita, ialah mengunjungi yatim piatu dan janda-janda dalam kesusahan mereka.”*

Kita senang terperangkap dalam kesibukan dunia ini. Tidak dinafikan kita perlu menguruskan banyak hal-hal peribadi, keluarga, kerjaya dan gereja. Hidup memang rumit dan penuh masaalah. Kerap-kali kita cepat membuat dalih bahawa kita “tiada panggilan” untuk melibatkan diri dalam misi penjangkauan jiwa-jiwa. Kita berpendapat (dalam hati) itu kerja pastor atau orang lain. Kalau begitu sikap kita, bagaimanakah kita boleh menuntut diri sebagai murid Yesus?

Dalam kematian pun, Dorkas diguna-pakai untuk memperkembangkan kerajaan Tuhan. Alkitab memberitahu peristiwa kebangkitan Dorkas dari maut *“tersiar di seluruh Yope dan banyak orang menjadi percaya kepada Tuhan.”* Tepatnya firman Tuhan dalam *Rom 8:38* bahawa *Allah turut bekerja dalam segala sesuatu untuk mendatangkan kebaikan bagi mereka yang mengasihi Dia, yaitu bagi mereka yang terpanggil sesuai dengan rencana Allah.*

Kita mungkin tidak pandai menjahit seperti Dorkas. Kita hidup di zaman dan keadaan yang berbeda daripada Dorkas. Namun ada satu yang tidak pernah berubah. Disekeliling kita terdapat jiwa-jiwa yang dalam keperluan, secara lahiriah dan rohaniah. Semua manusia perlu makan, hidup, kasih, kawan, tangan yang terhulur, hati yang mengambil berat. Kita boleh menjadi “Dorkas” dalam masyarakat kita, di mana sahaja kita ditempatkan.

RENUNGAN:

1. Apakah perbedaan antara orang yang percaya dan orang yang mengikut Yesus?
2. Bagaimanakah kamu boleh “berbuat baik” untuk mengimpak komuniti kamu?

DOA:

Tuhan, ampunilah keberatan saya untuk melibatkan diri dalam pelayanan kepada mereka yang dalam keperluan. Saya betul-betul mahu menjadi murid Yesus. Tolonglah saya supaya jangan hanya memperhatikan kepentingan dan hidup sendiri, tetapi kepentingan orang lain di sekeliling saya. Bukalah pintu-pintu peluang supaya saya dapat tampil melayani, dan mampukan saya untuk melakukan kerja Tuhan, dalam nama Yesus.

Apakah rupa kasih? Kasih ada tangan untuk menolong orang lain. Kasih ada kaki untuk bergegas kepada yang miskin dan dalam keperluan. Kasih ada mata untuk melihat kesengsaraan dan kekurangan. Kasih ada telinga mendengar keluhan dan kesusahan manusia. Itulah rupa kasih – Augustine



INTAN 14 : ELISABET MULUT YANG MEMBERKATI



FIRMAN: LUK 1:13-25, 39-45, 57-66

Luk 1:41 Dan ketika Elisabet mendengar salam Maria, melonjaklah anak yang di dalam rahimnya dan Elisabet pun penuh dengan Roh Kudus 41:42 lalu berseru dengan suara nyaring: “Diberkatilah engkau di antara semua perempuan dan diberkatilah buah rahimmu 41:43 Siapakah aku ini sampai ibu Tuhanku datang mengunjungi aku?”

Dalam masyarakat di mana status wanita tidak setinggi lelaki, Elisabet merupakan satu-satunya wanita yang terhormat. Dia diperkenalkan dalam Luk 1: 6 bersama suaminya sebagai “*benar di hadapan Allah dan hidup menurut segala perintah dan ketetapan Tuhan dengan tidak bercacat.*” Seperti suaminya Zakharia, Elisabet berasal dari keturunan imam. Dia dari suku Harun yang dipilih Allah untuk menyelenggarakan ibadah di bait suci.

Pasangan ini mengalami mukjizat luarbiasa, dikaruniai anak pada umur tua mereka. Anak mereka Yohanes Pembaptis mengenapi nubuat nabi-nabi Perjanjian Lama tentang seorang pelopor yang akan mempersiapkan jalan raya untuk kedatangan Tuhan (Yes 40:3, Mal 3:1, 4:5). Elisabet yang mandul begitu riang menyambut penghamilannya dalam *Luk 1:25 Inilah suatu perbuatan Tuhan bagiku, dan sekarang Ia berkenan menghapuskan aibku di depan orang.*

Dalam bulan keenam penghamilannya Elisabet dilawati oleh saudaranya Maria yang juga mengandung selepas menerima utusan malaikat Gabriel bahawa dia akan melahirkan Yesus, anak Allah. Masa itu Maria perawan muda, dianggar dalam belasan tahunnya. Pertemuan antara dua orang wanita yang masing-masing mengandung anak istimewa melukis gambar yang cantik sekali mengenai persahabatan antara saudari-saudari seiman.

Elisabet jauh lebih tua daripada Maria. Namun dia tidak berlagak dan tidak pula cemburu bahawa Maria yang terpilih menjadi ibu Tuhan. Dia tidak mengambil hati bahawa anak kandungan Maria akan “lebih hebat” daripada anaknya. Elisabet tidak merasakan apa-apa kekurangan dalam dirinya kerana dia matang. Bukankah sering-kali kita cenderung berbanding diri dengan wanita lain? Kita cepat menganggap kita tidak begitu pandai, cantik, berkebolehan, disukai orang atau diurapi Tuhan. Betapa pentingnya kita tidak membiarkan diri dipengaruhi oleh apa yang Tuhan kerjakan dalam hidup orang lain.

Elisabet memilih merendahkan diri memberi hormat kepada Maria sebagai ibu Tuhan, walaupun dia lebih tua. Apabila menemukan Maria, perkataan pertama yang keluar dari mulut Elisabet ialah berkat. Kebetulanannya Elisabet tidak tahu keadaan Maria pada masa itu. Ternyata dalam Luk 1:40 Elisabet meresponi gerakan Roh Kudus, apabila bayi dalam rahimnya melonjak kegirangan mendengar salam Maria.

Elisabet boleh mengatakan banyak yang negatif untuk meruntuhkan semangat Maria, memandangkan dia perawan yang mengandung di luar nikah. Tetapi Elisabet begitu bijaksana memilih perkataan berkat. Bak tertulis dalam *Ams 18:21 Hidup dan mati dikuasai lidah*. Perkataan yang keluar daripada mulut kita berkuasa sekali. Biar mulut kita cepat memberkati dengan kata-kata yang menghidupkan.

Berkat Elisabet begitu meneguhkan Maria sehingga dia tergerak menyanyi pujian panjang memuliakan Allah dalam Luk 1:46-55. Adakah kita memberangsangkan orang-orang persekitaran sehingga mereka menyanyi atau sebaliknya bersungut? Kita yang bersukacita dalam Tuhan patut menyebarkan kesukacitaan kepada orang lain supaya mereka memuji Allah kita. Mari kita mengobarkan api iman untuk menyanyi pujian-Nya.

Alkitab memberitahu bahawa Maria tinggal bersama Elisabet selama tiga bulan. Tuhan telah menyediakan Elisabet sebagai guru untuk mengajar Maria, kerana dialah satu-satunya orang yang memahami keadaan Maria. Tiada orang lain berdekatan yang pernah mengandung secara mukjizat. Kadang-kadang hanya wanita yang boleh memahami isu-isu khusus wanita. Elisabet bernubuat kebahagiaan atas Maria dan penggenapan segala yang diperkatakan kepadanya daripada Tuhan. Ini tentu membina iman Maria lagi. Kebetulanannya sebagaimana Yohanes menyediakan jalan untuk kedatangan Yesus, begitulah Elisabet mempersiapkan Maria untuk masa depannya sebagai ibu Yesus.


Kita boleh berjalan seiring dengan saudari seiman untuk mengalakkan, meneguhkan dan mempertingkatkan kerohanian sesama sendiri sebagai Wanita Tuhan. Tidak mengira umur, kita boleh menjadi seorang Elisabet kepada orang yang Tuhan hantar kepada kita.

RENUNGAN:

1. Bagaimanakah kamu boleh mengatasi/mengelak daripada perasaan cemburu atau kecil hati mengenai kejayaan wanita lain?
2. Siapakah yang kamu boleh memberkati hari ini?

DOA:

Allah Bapa, ampuni saya ketika saya berbanding-bandingan dengan orang lain. Saya mengucapkan syukur Engkau tidak membandingkan saya dengan sesiapa. Terima kasih Engkau telah menyediakan destini yang unik dan cantik untuk saya. Berkatilah saya supaya saya boleh menjadi saluran berkat kepada orang lain dalam nama Yesus.



Jika kita bercakap lebih tentang Tuhan dan memuji-Nya, kuranglah masa kita untuk bercakap tentang diri sendiri – M.R. Dehaan

INTAN 15 : ESTER

KEBERANIAN DALAM PERKENANAN TUHAN



FIRMAN: EST 4:4-16, 5:1-8, 7-8

Est 4:16 Pergilah, kumpulkanlah semua orang Yahudi yang terdapat di Susan dan berpuasalah untuk aku; janganlah makan dan janganlah minum tiga hari lamanya, baik waktu malam, baik waktu siang. Aku serta dayang-dayangku pun akan berpuasa demikian, dan kemudian aku akan masuk menghadap raja, sungguhpun berlawanan dengan undang-undang; kalau terpaksa aku mati, biarlah aku mati.

Est 5:2 Ketika raja melihat Ester, sang ratu, berdiri di pelataran, berkenanlah raja kepadanya, sehingga raja mengulurkan tongkat emas yang di tangannya ke arah Ester, lalu mendekatlah Ester dan menyentuh ujung tongkat itu.

Buku Ester unik sebagai satu daripada dua buku Alkitab yang dinamakan untuk wanita. Nama Tuhan tidak disebutkan sama sekali dalam buku ini. Namun tangan Tuhan jelas kelihatan dalam kisah hidup seorang anak perempuan yatim piatu yang diangkat menjadi ratu kesayangan raja yang memerintah atas 127 daerah dari India ke Etiopia.

Ester hidup dalam pembuangan dibawah penjagaan bapa saudaranya Mordekhai. Sebagai bangsa minoriti, bangsa Yahudi dipandang rendah oleh penakluk asing mereka. Selain daripada mempunyai perawakan elok dan paras cantik, nampaknya Ester tidak mempunyai apa-apa keistimewaan lain. Tidak mungkin termasuk akal gadis belasan tahun ini bahawa ia akan menjadi ratu suatu hari. Tidak kira apa latar-belakang kita, di mana kita ditempatkan, apa pun keadaan dahulu, kita boleh yakin bahawa Tuhan ada rancangan untuk memberi

kita hari depan yang penuh harapan (Yer 29:11). Masa lampau kita tidak menetapkan masa depan kita. Hanya Tuhan yang menetapkannya.

Saya sungguh bersimpati dengan Ester. Ini bukan cerita dongeng dimana putera menawan datang menyelamatkan gadis dalam kesusahan. Sebenarnya Ester, bersama ramai gadis-gadis lain, diculik dan dijadikan “permainan” nafsu raja asing. Mereka hidup tanpa kebebasan, walaupun dalam istana mewah. Malah selepas diangkat sebagai ratu, Ester masih kena “tunggu giliran” untuk masuk menghadap raja. Kalau dia masuk sembarangan tanpa dipanggil, undang-undang mewajibkan dia dihukum mati.

Kisah Ester adalah inspirasi kepada kita yang mungkin dibawah penindasan orang yang memegang kuasa atas diri kita. Ester ditransformasikan daripada seorang wanita pasif menjadi seorang matang yang berdiri tegas. Dia membuat penentuan dan mengambil tindakan yang bijaksana, sehingga menanggalkan rantai undang-undang manusia. Transformasi Ester bermula saat dia memutuskan sesuatu yang terpenting dalam rohnya. Keputusannya diungkapkan dalam *Est 4:16.... kalau terpaksa aku mati, biarlah aku mati.*

Ester rela mati untuk menyelamatkan bangsanya. Keadaan hidup kita mungkin tidak sampai tahap yang begitu serius. Tetapi sanggupkah kita menyerah diri sebagai korban untuk sesuatu yang lebih besar daripada diri peribadi? Saya tidak boleh lupa ketika Tuhan menyoal saya samada saya sanggup mati untuk orang gelandangan yang saya melayani. Kita boleh berdoa, mengkhabarkan injil, melakukan kerja-kerja amal dan buat apa yang patut. Namun ujian tertinggi iman ialah samada kita sanggup mengikut teladan Tuhan kita yang rela menggorbankan nyawa-Nya untuk orang lain.

Ester mengambil risiko besar apabila dia masuk menghadap tanpa dipanggil raja. Terlebih dahulu, dia telah mempersiapkan diri seberapa banyak yang boleh. Dia berpuasa, mengenakan pakaian ratu dan mengambil posisi betul-betul di pelantaran istana raja, dimana dia pasti menangkap mata raja. Namun akhir kata, semua bergantung kepada raja samada dia hendak menghulurkan tongkat emas kepada Ester.

Hanya perkenanan Tuhan atas diri Ester yang membuka dan melembutkan hati raja supaya membenarkannya tampil menghadap, walaupun bertentangan undang-undang negara. Kita perlu perkenanan Tuhan dalam segala urusan hidup apabila kita berhubung dengan pihak-pihak lain. Perkenanan Tuhan mengubah setiap keadaan menjadi kejayaan.

RENUNGAN:

1. Imbas kembali satu keadaan yang menakutkan kamu. Bagaimanakah kamu mengatasinya?
2. Bagaimanakah mungkin kamu mendapat perkenanan Tuhan?

DOA:

Allah Bapa, Allah semesta alam, Engkau mengenal segala kelemahan daging saya. Saya tidak mahu dirantaikan oleh apa-apa ketakutan. Terima kasih saya boleh isytiharkan bahawa saya telah menerima bukan roh ketakutan, melainkan roh yang membangkitkan kekuatan, kasih dan ketertiban. Beranikan saya untuk sanggup melakukan apa sahaja yang perlu untuk memuliakan nama-Mu. Terima kasih perkenanan tertinggi-Mu dicurahkan ke atas saya menjayakan rencana-Mu dalam hidupku.



**TUHAN mencari kamu untuk menjadi
ejen perubahan—Nya – Os Hillman**

INTAN 16 : EUNIKE

PENGARUH SALEH



FIRMAN: KIS 16:1, 2 TIM 1:5, 3:14-15

Kis 16:1 Paulus datang juga ke Derbe dan ke Listra. Di situ ada seorang murid bernama Timotius; ibunya adalah seorang Yahudi dan telah menjadi percaya, sedangkan ayahnya seorang Yunani.

2 Tim 3:14 Tetapi hendaklah engkau tetap berpegang pada kebenaran yang telah engkau terima dan engkau yakini, dengan selalu mengingat orang yang telah mengajarkannya kepadamu 3:15 Ingatlah juga bahwa dari kecil engkau sudah mengenal Kitab Suci yang dapat memberi hikmat kepadamu dan menuntun engkau kepada keselamatan oleh iman kepada Kristus Yesus.

Antara murid-murid yang disebut dengan baik oleh rasul Paulus ialah seorang bernama Timotius, yang dipanggil anaknya yang kekasih. Timotius telah dipercayakan untuk memimpin jemaat di Efesus, suatu tanggung-jawab yang berat bagi seorang pemuda. Paulus tidak melihat kemudahan Timotius. Sebaliknya dalam 2 Tim 1:5 dia “*teringat akan imanmu yang tulus ikhlas, yaitu iman yang pertama-tama hidup di dalam nenekmu Lois dan di dalam ibumu Eunike dan yang aku yakin hidup juga di dalam dirimu.*” Nama Lois dan Eunike disebut hanya sekali dalam Alkitab. Suatu pepatah Inggeris mengatakan “Di belakang setiap lelaki ialah seorang perempuan.” Mungkin lebih tepat dalam kes Timotius ialah “Di belakang setiap lelaki ialah ibu dan neneknya.”

Latar-belakang Eunike memberi pengharapan yang mengalakkan, memandang suaminya seorang Yunani iaitu bukan orang yang percaya. Kis 6:1 memberitahu bahawa Eunike seorang Yahudi yang telah menjadi percaya. Tidak diberitahu kenapa Eunike mengahwini seorang bukan Yahudi yang tidak beriman. Namun demikian, hidup Eunike menunjukkan tidak mustahil untuk membesarkan anak-anak yang saleh dan takut akan Allah walaupun dalam perkahwinan yang tidak seimbang. Kalau kamu telah menjalin perhubungan dengan orang yang tidak beriman, kamu tidak usah mempersalahkan diri. Paulus menerangkan

dalam 1 Kor 7:14 suami yang tidak beriman itu dikuduskan oleh isterinya dan isteri yang tidak beriman itu dikuduskan oleh suaminya...anak-anakmu adalah anak-anak kudus.

Sebenarnya akar iman Timotius telah bermula dengan neneknya bernama Lois. Perhubungan antara generasi dalam keluarga ini cantik sekali. Ia menandakan legasi iman berketurunan yang adalah harapan setiap orang yang percaya. Jangan kita memperkecilkan impak pengaruh kita. Hidup kita ada impak dalam keluarga sendiri, di tempat kerja, gereja dan komuniti. Telah dikatakan sumbangan terbesar kita bukan apa yang kita boleh lakukan, tetapi siapa yang kita membangkitkan. Manalah tahu orang yang kita bangkitkan itu menjadi pengubah dunia. Sedarlah kita sedang membangun imamat rajani, suatu bangsa kudus untuk kerajaan Allah yang akan didirikan atas bumi kelak.

Paulus menegaskan iman yang tulus ikhlas yang terdapat dalam ibu dan nenek Timotius. Perkataan tulus ikhlas bererti tidak pura-pura atau tidak munafik. Kita hanya boleh menyampaikan apa yang kita mempunyai secara peribadi. Kita sendiri mesti ada iman tulus ikhlas sebelum kita boleh mengajarnya kepada orang lain.

Selanjutnya kita tidak sahaja mengajar tentang iman tetapi hidup mengikut apa yang kita ajar. Pepatah Inggeris mengatakan kita berjalan seperti kita bercakap. Jangan kita ditangkap sebagai seorang yang saleh hanya di dalam bangunan gereja tetapi lain rupa di rumah, ofis atau tempat umum. Hanya menuntut bahawa kita ada iman sebagai orang percaya tidak mencukupi. Kita mesti membuktikan iman yang bekerja, yang aktif dan yang hidup. Itulah pengaruh yang mengimpakkan generasi, negara dan dunia untuk kemuliaan Tuhan.

RENUNGAN:

1. Apakah yang kamu boleh buat untuk menjadi pengaruh yang saleh di dalam keluarga dan komuniti kamu?
2. Selidiki samada iman kamu kurang tulus ikhlas dihadapan Allah dan dihadapan manusia.

DOA:

Abba Bapa, ampuni kegagalan saya kerana tidak menjadi pengaruh yang saleh dikalangan orang-orang sekeliling saya. Biar api Roh Kudus memurnikan iman saya supaya hidup saya menyatakan ketulusan dan keikhlasan yang menarik manusia kepada Engkau, dalam nama Yesus

INTAN 17 : HAWA YANG PERTAMA



FIRMAN: KEJ 1:27-28, 2:18, 2:23, 3:1-24

Kej 2:18 TUHAN Allah berfirman: “Tidak baik, kalau manusia itu seorang diri saja. Aku akan menjadikan penolong baginya, yang sepadan dengan dia.”

Kej 3:15 Aku akan mengadakan permusuhan antara engkau dan perempuan ini, antara keturunanmu dan keturunannya; keturunannya akan meremukkan kepalamu, dan engkau akan meremukkan tumitnya.

Adakah kamu mahu dikenali sebagai yang pertama? Hawa ialah wanita, isteri, ibu dan pendosa pertama dalam sejarah dunia. Untuk selama-lamanya Hawa akan diingati sebagai wanita yang bukan sahaja mengakibatkan kejatuhan manusia dalam dosa pertama tetapi mencetuskan pertelingkahan pertama dengan suaminya. Aduh! Begitulah reputasi Hawa – wanita pertama yang telah merosakkan kesempurnaan suasana taman Eden.

Hawa mempunyai hubungan, persekitaran dan pembekalan sempurna. Dia tidak kekurangan apa-apa. Akan tetapi dia fokus kepada satu-satunya yang dilarang – satu buah daripada satu pohon di seluruh taman Eden. Bukankah sering-kali kita juga seperti Hawa? Ada sahaja satu-satunya yang kita tidak puas hati, yang kita mesti memperolehi. Itulah godaan yang berbisik kita tidak boleh hidup tanpanya. Kita lupa bahawa bukan manusia atau apa-apa benda duniawi yang dapat memuaskan pendalaman batin kita. Kita lupa bahawa tidak mengapa walaupun kita tiada ini atau itu, kerana kita sudah mempunyai yang terbaik dalam Yesus Kristus, Tuhan dan Allah kita. Dia bukan Allah yang kedekut. Mengikut janji-Nya dalam Maz 84:11 *Sebab TUHAN Allah adalah matahari dan perisai; kasih dan kemuliaan Ia berikan; Ia tidak menahan kebaikan dari orang yang hidup tidak bercela* 84:12 *Ya TUHAN semesta alam, berbahagialah manusia yang percaya kepada-Mu!* Alangkah bahagia hidup kalau kita dapat memuaskan hati dalam keberkecukupan Allah.

Saya cuba agak apa perasaan Hawa selepas dia makan buah larangan. Adakah dia menyesal saat dia percayakan dusta yang menyebabkannya meragui kebaikan dan kebenaran firman Allah? Mungkin dia menyalahkan kelemahan diri. Apabila Allah mengisytiharkan hukuman untuk dosa mereka, adakah ia kemurungan kehilangan Eden? Adakah Hawa sedih tentang keretakan perhubungan dengan suaminya? Kerana satu langkah salah, seluruh dunia Hawa diubah untuk selama-lamanya. Nyawa, tubuh, perkahwinan dan perhubungannya dengan Allah terjejas.

Malangnya sampai hari ini juga, kadang-kala pihak wanita masih hidup di bawah bayangan kesalahan Hawa. Kita menyesal perkara lampau, perkataan terlanjur, keputusan yang dibuat tergesa-gesa atau tindakan terburu-buru. Kita terbeban dengan akibat keburukan, kesakitan, pintu-pintu tertutup dan perhubungan yang retak. Kita mengeluh. Kalau boleh, kita mahu menghentikan masa dan bermula sekali lagi.

Hawa mengajar kita – masih ada harapan. Allah menghukum dosa wanita pertama, tetapi Allah masih memakainya untuk membawa penebusan kepada seluruh dunia. Terkandung dalam Kej 3:15 janji keselamatan melalui keturunan Hawa yang akan mengalahkan si-jahat. Justeru itu, Wanita Tuhan, angkatlah kepala anda. Apa pun pelanggaran, kita telah menerima pengampunan, penebusan dan pelepasan daripada kecaman dan hukuman. Janji di taman Eden telah terlaksana melalui Yesus Kristus, keturunan wanita pertama.

Banyak yang boleh dikatakan mengenai kelemahan Hawa, membiarkan diri dipengaruhi oleh seekor ular. Namun kita perhatikan dia senang mempengaruhi Adam pula dengan menawarkan buah larangan kepadanya. Sedarilah apa yang senang mempengaruhi kita dan bagaimana besar pengaruh kita atas orang lain, untuk mendatangkan baik atau jahat. Pengaruh Hawa mengakibatkan kejatuhan manusia. Sebaliknya biar pengaruh kita sebagai orang percaya membawa yang sesat kembali diperdamaikan dengan Allah Pencipta manusia.

RENUNGAN:

1. Apakah “buah larangan” yang menggoda kamu?
2. Bagaimanakah kamu boleh cam/membedakan sesuatu itu adalah dari suara iblis, suara sendiri atau suara Tuhan?

DOA:

Allah Bapa, Engkau menciptakan saya seorang wanita yang sepadan dengan lelaki. Itu berarti saya tidak lebih atau kurang daripada lelaki. Terima kasih identiti saya kukuh dalam Yesus. Terima kasih Engkau tidak mengecam kelemahan saya atau menghukum pelanggaran saya. Sebaliknya Engkau mengampuni dan memulihkan saya. Pakailah saya sebagai pengaruh yang baik dalam nama Yesus.

Berhenti mencari berkat, carilah Tuhan. Maka berkat akan mencari engkau.



INTAN 18 : GOMER

KASIH YANG TIDAK MELEPASKAN



FIRMAN: HOSEA 1:1-11, 2:1, 3:1-5

Hos 3:1 Berfirmanlah TUHAN kepadaku: “Pergilah lagi, cintailah perempuan yang suka bersundal dan berzinah, seperti TUHAN juga mencintai orang Israel, sekalipun mereka berpaling kepada allah-allah lain dan menyukai kue kismis.”

Perkahwinan ialah perjanjian suci antara seorang lelaki dan wanita dalam pemahaman agama, tradisi dan adat-resam. Dua-dua pihak patut setia antara satu sama lain atas landasan cinta yang mengikat mereka. Tiada terkata hancurnya hati satu pihak kalau didapati pihak lain memungkiri janji perkahwinan dan berlaku curang.

Hosea diperintahkan Allah untuk sengaja mengahwini seorang perempuan sundal. Pernikahan Hosea dengan Gomer dijadikan lambang ketidaksetiaan kerajaan utara kepada Allah. Namun cerita Gomer juga tertuju kepada kita yang berkelakuan sama dengan Tuhan dalam hati kita.

Sebenarnya Gomer tidak dipanggil seorang pelacur dalam Alkitab. Perkataan yang terpakai untuknya bermakna sundal atau jalang. Gomer telah melahirkan tiga anak untuk Hosea, tetapi terus melakukan perzinaan dan kejahatan jasmaniah.

Terselit dalam gambaran hidup Gomer yang tidak setia kepada suaminya ialah tanda-tanya kepada kita juga. Adakah kita mengejar cinta lain daripada Tuhan? Gereja Tuhan – iaitu kita orang yang percaya - ialah pengantin-Nya. Kita empunya Dia, Dia empunya kita. Kita tentu tidak seperti bangsa Israel yang berpaling kepada penyembahan berhala Baal dan ilah-ilah lain. Namun mungkinkah kita mengutamakan diri, dunia atau manusia lebih daripada Allah? Hakikatnya itu ialah perzinaan rohani, kerana kita telah mengalih cinta kepada yang

lain. Dengan itu, kita mematahkan perjanjian kesetiaan kepada Allah. Kelakuan lahiriah kita menghadiri ibadah, membaca firman atau berdoa tidak mungkin menutupi hati yang sudah menyerong dan kehilangan kasih pertama kita.

Gomer telah tinggalkan Hosea, meneruskan perzinaan dan cara hidup yang tidak bermoral sehingga dia berhutang dan bakal dijual sebagai hamba. Kenapa seorang wanita boleh jatuh sampai begini? Mungkinkah keinginan daging, keinginan mata serta keangkuhan hidup telah menyebabkan Gomer mengejar kemahuan diri daripada kehendak Tuhan? Awas-awaslah kita tidak berpaling membelakangi Tuhan kerana mencari kepuasan dari sumber-sumber lain. Sebenarnya siapa diantara kita yang tidak cenderung terbawa oleh hawa nafsu peribadi? Bukankah di dalam setiap diri kita ada sedikit “Gomer?”

Allah setia walaupun kita tidak setia. Gomer telah menghancurkan hati Hosea menolak cintanya. Namun Allah memerintahkan Hosea pergi, cintai Gomer dan membayar harga penebusan perempuan yang suka bersundal dan berzina itu. Inilah gambaran hati Allah yang begitu mengasihi kita. Dia terus mengejar kita walaupun hati kita lari daripada-Nya untuk mengikuti “kekasih-kekasih” lain. Sekalipun kita menyakiti-Nya, Allah masih mencintai dan tidak melepaskan kita. Malah Dia telah membayar harga termahal untuk mengeluarkan kita daripada perhambaan yang mematikan. Penebusan kita tercapai melalui pengorbanan Yesus atas kayu salib. Bagaimanakah kita tidak membalas kasih yang tiada terkata ini?

Tuhan tidak sahaja menebus Gomer melalui Hosea, tetapi menebus juga anak-anaknya. Nama-nama yang diberikan Tuhan pada waktu kelahiran mereka diubah. Anak pertama Yizreel bererti “Allah memencarkan” tidak lagi melambangkan hukuman Allah atas Israel tetapi kelak akan menjadi besar. Sesuai dengan *Hos 1:11, apabila Tuhan membawa mereka kembali dari negeri ke mana mereka terpengar dan ditabur dalam negeri sendiri, sebagaimana petani menabur benihnya*. Anak kedua Lo-Ruhama dan ketiga Lo-Ami yang bererti “tidak dikasihi” dan “bukan umat-Ku” akan dikasihi dan menjadi umat Tuhan sekali lagi (Hos 2:1). Janji pemulihan Allah dalam Hos 1:10 begitu luas mengatakan “...*di tempat di mana dikatakan kepada mereka: “Kamu ini bukanlah umat-Ku,” akan dikatakan kepada mereka: “Anak-anak Allah yang hidup.”* Puji Tuhan kita boleh menuntutnya sebagai janji yang berterusan kepada anak-anak, cucu-cicit generasi dan bangsa kita.

RENUNGAN:

1. Selidiki hati sendiri samada kamu melakukan perzinaan rohani terhadap Allah.
2. Bagaimanakah kamu menyatakan kesetiaan kepada Allah?

DOA:

Allah Bapa, terima kasih atas kesetiaan dan kasih-Mu yang tidak melepaskan saya walaupun kadang-kala saya melepaskan Engkau. Terima kasih untuk teguran dan disiplin-Mu yang bertujuan membawa saya kembali ke pangkuan-Mu. Tolonglah saya, Roh Kudus, mengawasi hati saya yang begitu senang ditarik jauh daripada Tuhan. Saya mahu setia sebagaimana Engkau tetap setia kepada saya.



Kita tidak boleh mengawal keadaan hidup. Kita tidak boleh mengawal cuaca atau ekonomi, dan kita tidak boleh mengawal apa yang orang lain katakan atau lakukan kepada kita. Hanya satu yang kita boleh mengawal – kita boleh memerintah kerajaan dalam diri kita. Inti setiap masalah ialah masalah dalam hati — Warren Wiersbe

INTAN 19 : HAGAR (1)

PENUNDUKAN



FIRMAN: KEJ 16:1-16

Kej 16:13 Kemudian Hagar menamakan TUHAN yang telah berfirman kepadanya itu dengan sebutan: “Engkaulah El-Roi.” Sebab katanya: “Bukankah di sini kulihat Dia yang telah melihat aku?”

Apakah harapan seorang hamba perempuan dalam rumah-tangga tuannya? Hagar, orang Mesir, telah melayani Abraham dan isterinya Sara sekurang-kurang sepuluh tahun. Tibatiba dia di “promosikan” menjadi isteri kedua. Tetapi ini semata-mata sebagai alat dalam rancangan Sara untuk mendapatkan anak, kerana Sara sendiri mandul. Hagar melihatnya sebagai peluang untuk menaikkan taraf diri. Lanjutan daripada penghamilannya, dia menjadi congkak dan “memandang rendah terhadap nyonyanya.” Maka tercetuslah sengketa keluarga. Sara berkuasa atas Hagar dan menindas wanita yang dia sendiri telah memberi kepada suaminya untuk meniduri.

Antara beberapa hal yang tidak tertahan menurut Ams 30:23 ialah “... seorang hamba perempuan, kalau ia mendesak kedudukan nyonyanya.” Kita diperingatkan dalam Yak 4:6 “Allah menentang orang yang congkak, tetapi mengasihani orang yang rendah hati.” Apabila kita telah diperkenankan Allah dan diangkat ke tempat yang tinggi, jangan kita lupa dari mana asal kita dahulunya. Walaubagaimanapun kesalahan Hagar memang tidak patut dibuat alasan untuk Sara menindasnya. Apabila Hagar tidak tertahan, dia melarikan diri bertujuan kembali ke Mesir.

Sering-kali kita juga cepat melarikan diri daripada tekanan hidup. Kita mahu lepas daripada ketidakselesaan dan kesakitan, dari perhubungan yang kurang atau tidak sempurna. Kita

tidak sadar kemungkinannya Tuhan memanggil kita menahan atau menanggung penderitaan, malah penganiayaan pun, untuk tujuan penebusan yang lebih tinggi, mengikut tauladan Kristus.

Seorang perempuan asing, dalam keadaan hamil, bersendirian merentasi padang gurun Syur. Penat, tertekan, cemas sehingga dia menjumpai mata air. Di situ ketika itulah terjadi mukjizat. Malaikat Tuhan memanggil namanya “Hagar.” Abraham dan Sara tidak pernah memanggil namanya. Dia hanya “hamba” kepada mereka. Dalam mata mereka, dia hanya seorang perempuan asing untuk diperlakukan sebagai alat. Tetapi Tuhan melihatnya secara peribadi sebagai seorang yang mempunyai nama dan nilai tersendiri. Tuhan tidak hanya pedulikan mereka yang terpilih seperti Abraham, bapa iman. Dia pedulikan Hagar; seorang hamba. Tuhan pedulikan semua yang ditolak, dihina, dipandang rendah, diabaikan, dirampas hak dan maruah sebagai manusia. Adakah kita pedulikan orang yang bukan “seperti kita”, orang dari bangsa atau latar-belakang lain? Adakah kita pernah berfikir tentang pekerja-pekerja asing di kalangan masyarakat atau orang gelandangan di tepi jalan, mahupun orang yang tidak percaya?

Telah ditafsirkan bahawa malaikat Tuhan yang menampakkan diri kepada Hagar sebenarnya Allah sendiri. Hagar diperintahkan untuk kembali dan biarkan diri ditindas di bawah kekuasaan Sara lagi. Berapa ramai di antara kita yang sanggup kembali ke hidup yang susah untuk dianiayai? Kenapa Allah menghendaki Hagar kembali ditindas? Ajaran ini sukar diterima. Bahawasanya kadang-kadang Allah memanggil kita mengikut jalan yang membawa kepada penderitaan. Begitulah Allah Bapa menghendaki anak-Nya Yesus Kristus mati atas kayu salib, untuk menggenapi rencana yang lebih besar – penebusan manusia sedunia.

Allah memberi Hagar janji hebat dalam *Kej 16:10* “*Aku akan membuat sangat banyak keturunanmu, sehingga tidak dapat dihitung karena banyaknya.*” Hagar juga diberitahu tentang destini anak yang dalam kandungannya. Kembali kepada Sara tidak bererti hidup Hagar akan menjadi baik, tetapi pandangannya menjadi baik. Sekarang dia telah menangkap visi syurgawi untuk peribadi dan keturunannya.

Akibat itu, Hagar menamakan Allah: “Engkaulah El-Roi” bererti Allah melihat saya. Biasanya Allah memberi nama kepada manusia dalam Alkitab. Hagar ialah satu-satunya manusia yang memberi nama kepada Tuhan dan satu-satunya perempuan yang menerima

janji keturunan banyak. Maka peranan Hagar menyerupai bapa leluhur bangsa Yahudi Abraham, Ishak dan Yakub, walaupun dia bukan bangsa Yahudi.

Di sumur di padang gurun Syur, mata Hagar telah dibuka melihat Allah yang melihatnya. Di sanalah dia betul-betul mengalami kasih Tuhan. Kita boleh mengenal kasih Tuhan hanya sebagai “teori.” Itu tidak sama dengan pengalaman peribadi dengan Allah yang hidup. Pengalaman kasih Tuhan memampukan Hagar sanggup taat kepada perintah Allah untuk kembali dan hidup sekurang-kurangnya 14 tahun lagi, tunduk dibawah tuan dan isterinya.

Apa pun keadaan hidup, seperti Hagar, kita boleh yakin mata Tuhan melihat kita. Yang pentingnya adakah mata kita melihat Tuhan?

RENUNGAN:

1. Adakah kamu keberatan tunduk kepada perintah-perintah Allah yang menyusahkan hidup dan keadaan kamu? Kenapa ya/tidak?
2. Bagaimanakah kamu boleh menunjukkan kasih Tuhan untuk “orang asing” di persekitaran kamu?

DOA:

Bapa, berikan saya hati sebagai hamba yang tunduk dan taat kepada Engkau, walaupun ini mungkin menyusahkan hidup saya. Saya tidak payah dan tidak mahu lari keluar jalan yang telah Kau tetapkan untuk sepanjang hidup saya.

INTAN 20 : HAGAR (2)

SUMUR DI DEPAN MATA



FIRMAN: KEJ 21:9-21

Kej 21:17 Allah mendengar suara anak itu, lalu Malaikat Allah berseru dari langit kepada Hagar; kata-Nya kepadanya: “Apakah yang engkau susahkan, Hagar? Janganlah takut, sebab Allah telah mendengar suara anak itu dari tempat ia terbaring. 21:18 Bangunlah, angkatlah anak itu, dan bimbinglah dia, sebab Aku akan membuat dia menjadi bangsa yang besar. 21:19 Lalu Allah membuka mata Hagar, sehingga ia melihat sebuah sumur; ia pergi mengisi kirbatnya dengan air, kemudian diberinya anak itu minum.

Tidak terkata betapa susah dan seksa tempoh Hagar kembali tinggal dengan Abraham dan Sara bersama anaknya Ishmael. Ketegangan dalam perhubungan keluarga tidak berkurang dengan kelahiran Ishak kepada Sara, sebaliknya bertambah buruk lagi. Kecemburuan Sara terhadap Hagar dan Ishmael begitu teruk sehingga dia mengatakan kepada Abraham untuk mengusir mereka.

Untuk kali kedua, Hagar mendapati dirinya menggembara di padang gurun. Kali ini Hagar keluar membawa anak mudanya Ishmael yang dianggar berumur dalam lingkungan 15-17 tahun. Dia sudah temui jalan buntu. Air dalam kirbat yang diberikannya oleh Abraham telah habis. Betapa perit dan pilu tangisan Hagar dalam Kej 21:16 “*Tidak tahan aku melihat anak itu mati*” apabila dibuangkannya di bawah semak.

Bertahun-tahun dahulu, Tuhan telah menemui Hagar di padang gurun juga. Sekali lagi, Tuhan setia menemuinya. Menarik sekali Alkitab memberitahu Allah mendengar suara Ishmael. Lantaran itu, Tuhan berbicara kepada Hagar lalu terus membuka matanya melihat sumur yang ada di situ. Pada kali pertama, janji telah diberikan mengenai Ishmael yang masih dalam rahim Hagar. Sekarang suara anak perjanjian itulah yang menggerakkan hati dan tangan Tuhan untuk menyelamatkan mereka berdua, supaya janji-Nya terpelihara.

Hagar telah lupa. Dia menyerahkan anaknya kepada maut, tetapi Tuhan tidak pernah lupa. Dia Allah yang memberi hidup berkelimpahan. Maka Tuhan perlu membuka mata dan ingatan Hagar sekali lagi bahawa Dia adalah Allah yang menepati janji dan membercukupkan setiap keperluannya.

Allah bertanya kepada kita juga hari ini, “Apa yang engkau susahkan?” Dia pasti dan memang tahu pun apa yang Hagar (dan apa yang kita) susahkan. Dalam pergumulan hidup, Tuhan mengingatkan kita rencana-Nya untuk kita dan keluarga yang kita sayangi terpelihara dan tidak boleh dimatikan oleh apa-apa. Apabila kita dalam kesakitan, penglihatan kita biasa tertumpu hanya kepada kekurangan dalam keadaan buat masa itu. Semoga mata kita boleh melihat melampaui keterbatasan lahiriah kepada sumur Tuhan yang mengandungi air kehidupan. Inilah air yang memuaskan dengan sempurna untuk selama-lamanya.

RENUNGAN:

1. Apakah kesusahan-kesusahan dalam hidup kamu sekarang?
2. Apakah “sumur” yang kamu perlu lihat dalam keadaanmu?

DOA:

Allah Bapa, ampuni saya kerana senang melupai kesetiaan dan keperkasaan-Mu. Roh Kudus, tolong hidupkan kembali semangat saya supaya dapat berpegang dengan penuh keyakinan bahawa segala rencana untuk hidupku pasti terlaksana dalam nama Yesus.

INTAN 21 : HANA, ANAK FANUEL

IMAN YANG MENUNGGU



FIRMAN: LUK 2:36-38

Luk 2:38 Dan pada ketika itu juga datanglah ia ke situ dan mengucap syukur kepada Allah dan berbicara tentang Anak itu kepada semua orang yang menantikan kelepasan untuk Yerusalem.

Dengan dua ayat sahaja, Lukas mencatat cerita seorang wanita yang luar biasa. Namanya Hana yang bererti karunia. Dia telah dipelihara oleh karunia Tuhan, sebagai “jambatan” antara Perjanjian Lama dan Baru mewakili sukunya. Keturunan Hana menjadikannya segelintir watak Perjanjian Baru yang mengesan silsilah mengikut suku-suku Israel, khususnya dari suku Asyer. Kebetulannya semua rekod suku Asyer telah hilang selepas zaman pembuangan bangsa Israel. Manusia lupa, tetapi Tuhan tidak lupakan Hana. Dia satu-satunya wanita yang dinamakan nabiah di zaman Perjanjian Baru.

Hana berada di bait suci apabila Yusuf dan Maria membawa bayi Yesus ke sana. Ini adalah berikutan hukum Taurat untuk upacara pentahiran wanita yang telah bersalin dan penyerahan anak sulung, empat puluh hari selepas kelahiran. Lukas memberitahu bahawa Hana sudah sangat lanjut umurnya. Dia seorang janda yang tinggal dengan suaminya selama tujuh tahun. Walaupun tiada kepastian berapa umur Hana, sekurang-kurangnya dia sudah hidup 84 tahun. Dia mungkin telah menjangkau umur lebih 100 tahun pun, kalau dikira dia sudah janda untuk 84 tahun.

Tidak diberitahu samada Hana mempunyai ahli keluarga lain atau apakah rezeki kehidupannya. Yang direkodkan ialah cara hidup Hana. Dia tidak pernah meninggalkan Bait Allah dan siang malam beribadah dengan berpuasa dan berdoa. Kalau kita menemukan seorang seperti Hana di zaman ini, ramai mungkin akan berpendapat perempuan ini fanatik, terlampau dalam hal-hal keagamaan. Mungkin di zaman itu juga, ada yang berpendapat begitu. Tetapi Hana tidak pedulikan orang lain. Dia terus giat melakukan ibadah di bait suci Allah, terus dalam kegiatan berpuasa dan berdoa.

Hana menikmati kasih suami hanya sesingkat tujuh tahun sahaja. Kasih manusia telah dikuburkan, tetapi Hana tidak menguburkan harapannya. Dia tidak berkahwin lagi, tetapi berpaling kepada kasih yang terunggul dan abadi, yang tidak boleh dirampas daripadanya iaitu kasih Allah semesta alam. Hana menyerahkan dirinya kepada Juruselamat, Kekasih jiwanya dan mengenal kebenaran janji Allah bahawa Dia adalah Pelindung bagi para janda.

Akibat gaya hidup yang tertumpu 100% penuh kepada Tuhan, patutlah rohnya begitu peka kepada pergerakan Tuhan. Hari demi hari, tahun demi tahun Hana duduk berdoa, mengharapkan dan menunggu penggenapan janji Allah mengenai Mesias Israel. Pada hari yang ditentukan Allah, mimpi dan harapan yang telah lama terpendam dalam hati Hana menjadi kenyataan di depan matanya. Luk 2:38 memberitahu bahawa tepat pada saat Simeon melafazkan berkat dan nubuat atas Maria dan Yesus, Hana datang dan berbicara tentang Anak itu. Kedua-dua orang tua inilah antara saksi-saksi pertama yang mengenal dan memahami kepentingan kelahiran Yesus. Pada saat itu, Hana telah mengenal siapa sebenarnya Anak Maria dan Yusuf.

Respon pertama Hana ialah ucapan syukur kepada Allah. Lebih-lebih lagi, Hana berbicara tentang Anak Allah kepada semua orang yang menantikan kelepaan untuk Yerusalem. Dengan itu, Hana menjadi mubaligh wanita pertama dalam Perjanjian Baru, membuktikan dia seorang nabiah benar dan saksi setia.

Hakikatnya kita akan menghadapi peristiwa-peristiwa dalam perjalanan hidup yang susah difahami atau tidak diingini. Ramai yang mungkin sedang mengeluh, menunggu pengabulan doa bertahun-tahun. Saya sungguh mengidentifikasikan dengan keadaan Hana. Saya telah kehilangan suami tersayang pada umur 40an. Sehingga hari ini, ada doa-doa yang telah saya panjatkan dengan aliran air mata, siang dan malam, yang belum dikabulkan. Namun, seperti Hana, kita boleh bergantung kepada kesetiaan Allah Bapa, dalam iman yang menunggu.

RENUNGAN:

1. Berapa kerapkah kamu mengamalkan disiplin membaca firman, berdoa dan berpuasa?
2. Apakah satu-satunya yang kamu boleh mengucap syukur kepada Tuhan hari ini?

DOA:

Allah Bapa, ampuni ketidaksabaran saya, mengkehendaki jawapan yang cepat daripada Engkau. Apabila saya tidak memahami apa yang berlaku dalam hidup saya, tolong kuatkan iman saya, ya Bapa. Saya tidak mahu hilang fokus. Saya mahu terus mencari wajah-Mu, beribadah, berdoa, berpuasa dan memuji Engkau. Saya yakin Engkau mengerjakan rencana-Mu yang terbaik dalam kepenuhan masa-Mu.

Mereka yang tiada harapan tidak boleh menunggu. Tetapi kalau kita berharap untuk apa yang tidak kelihatan, kita boleh menunggu dengan kesabaran – Charles Spurgeon



INTAN 22 : HANA, ISTERI ELKANA BERLARI KEPADA ATAU DARIPADA TUHAN?



FIRMAN: 1 SAM 1:1-28,
1 SAM 2:1-10, 18-21

1 Sam 1:10 dan dengan hati pedih dia berdoa kepada TUHAN sambil menangis tersedusedu. 1:11 Kemudian bernazarlah ia, katanya: “TUHAN semesta alam, jika sungguh-sungguh Engkau memperhatikan sengsara hamba-Mu ini dan mengingat kepadaku dan tidak melupakan hamba-Mu ini, tetapi memberikan kepada hamba-Mu ini seorang anak laki-laki, maka aku akan memberikan dia kepada TUHAN untuk seumur hidupnya dan pisau cukur tidak akan menyentuh kepalanya.”

Hana selalunya dijadikan tauladan wanita yang tekun dalam doa. Itu memang betul. Namun saya melihat Hana dalam konteks yang lebih besar. Memandangkan status wanita di zaman itu dikaitkan dengan kebolehan melahirkan anak untuk suami, beban Hana pasti berat sekali. Sebenarnya bukan sahaja di zaman itu, di zaman ini juga masih terdapat tekanan atas wanita, dalam keluarga dan masyarakat, untuk melanjutkan keturunan keluarga.

Entah berapa lama Hana menderita. Alkitab memberitahu dari tahun ke tahun, setiap kali Hana pergi ke rumah TUHAN, Penina, madu suaminya menyakiti hati Hana, supaya ia gusar, sehingga ia menangis dan tidak mahu makan. Walaupun Elkanah mengasihi Hana, hati Hana tidak terhibur juga.

Saya pasti setiap orang percaya yang mengalami kekecewaan dalam hidup pernah menanyakan Tuhan sekurang-kurangnya satu kali, “Kenapa, Tuhan? Kenapa saya tidak boleh melahirkan anak, tidak bertemu jodoh....tidak ...tidak...tidak....?” Kita boleh senaraikan banyak kerinduan hati untuk sesuatu yang Tuhan tidak memberi.

Di kala itu, kita senang menganggap Tuhan tidak mengasihi kita. Kita telah diajar Tuhan pasti memberkati. Kita sudah biasa menyamakan berkat dengan pengabulan idaman hati. Apabila kita tidak mungkin memahami kenapa tangan Tuhan berat menekan, kita dihadapkan dua pilihan sahaja. Kita boleh berlari kepada Tuhan, atau kita boleh berpaling ke arah bertentangan, berlari daripada Tuhan.

Hana memilih berlari kepada Tuhan. Tahun demi tahun, Elkanah sekeluarga berhijrah ke Silo untuk menyembah dan mempersembahkan korban di rumah Tuhan. Tahun demi tahun, Hana membawa kepedihan dan kesengsaraan hatinya kepada Tuhan. Pada suatu kali, dia tidak sahaja berdoa berpanjangan terus-menerus dengan tangisan air mata, tetapi membuat nazar. Dia berjanji kalau dikabulkan seorang anak lelaki, dia akan membesarkannya sebagai seorang nazir dan menyerahkan anak itu kembali kepada Tuhan untuk seumur hidupnya. Tuhan melihat hati seorang wanita yang mengenggam kuat kepada impian hati, tetapi sanggup melepaskannya. Inilah hati yang menyedari bahawa semua pemberian yang dikaruniakan Allah akhirnya kepunyaan-Nya juga, dan patut dipakai untuk memuliakan-Nya.

Seperti ternyata dalam *Kol 1:16...segala telah diciptakan oleh Dia dan untuk Dia*. Saya terharu bagaimana Hana sanggup berpisah daripada Samuel, anak yang ditunggu sekian lama, dan meninggalkannya dengan imam Eli sebagai pelayan tetap di rumah Tuhan. Tidak pula dengan bermasam muka atau hati yang keberatan, tetapi dengan penuh sukacita, dengan ucapan pujian dan syukur yang besar-besaran, seperti tercatat dalam 1 Sam 2:1-10. Dengan melepaskan apa yang telah dikabulkan kepadanya, Hana mendemonstrasikan sikap pengorbanan yang menolak kemahuan peribadi. Tuhan menghormati itu.

Alkitab memberitahu Tuhan melawati/memperhatikan Hana dan mengaruniakan tiga anak lelaki dan dua anak perempuan lagi kepada Hana dan suaminya. Lebih-lebih lagi, akibat pengorbanan Hana, Samuel masuk ke dalam panggilannya sebagai nabi Allah yang terakhir sebelum pertubuhan zaman raja-raja di Israel.

Apabila kita memberi yang ternilai dalam hidup kita dengan hati yang rela kepada Tuhan, Dia membalas dengan pemberian yang lebih besar lagi. Kebetulannya kemurahan Allah Bapa sungguh tidak terbatas. Segala apa-apa yang kita boleh “korbankan” kepada-Nya tidak mungkin berbanding dengan pengorbanan Yesus, Anak Allah, atas kayu salib.

RENUNGAN:

1. Bagaimanakah kamu merespons keadaan yang mengecewakan atau menyakitkan hati?
2. Apakah yang ternilai dalam hidup kamu yang boleh diserahkan kepada Tuhan?

DOA:

Tuhan, pimpinlah langkahku supaya cepat berlari kepada Engkau, membawa kepada-Mu kekecewaan dan kepedihan hati mengenai keadaan yang dibenarkan Engkau. Ampunilah Bapa, kadang-kala saya menyoal perbuatan-Mu dalam hidup saya, kerana saya kurang mengerti. Berikan saya hati seperti Hana, yang bukan sahaja tetap meminta tetapi rela melepaskan pula apa yang Engkau kabulkan kepada saya.

INTAN 23 : HULDA

FIRMAN YANG TEPAT UNTUK MUSIMNYA



FIRMAN: 2 RAJ 22:8-20, 23:1-3

2 Raj 22:14 Maka pergilah imam Hilkia, Ahikam, Akhbor, Safan dan Asaya kepada nabiah Hulda, isteri seorang yang mengurus pakaian-pakaian, yaitu Salum bin Tikwa bin Harhas; nabiah itu tinggal di Yerusalem, di perkampungan baru. Mereka memberitakan semuanya kepadanya 22:15 Perempuan itu menjawab mereka: “Beginilah firman TUHAN, Allah Israel! Katakanlah kepada orang yang menyuruh kamu kepada-Ku!”

Hanya satu nubuat sahaja yang direkodkan dalam Alkitab daripada wanita ini. Tetapi firman yang dilepaskannya mencetuskan api kebangkitan rohani untuk seluruh negara dan bangsanya. Apa yang kita diberitahu mengenainya singkat sahaja. Hulda seorang nabiah, isteri Salum, pengurus pakaian dalam zaman pemerintahan Yosia, raja Yehuda.

Raja Yosia telah memerintahkan supaya rumah Tuhan diperbaiki. Dalam proses itu, kitab Taurat telah dijumpai di rumah Tuhan dan dibacakan kepada raja. Kandungan kitab itu begitu menyabitkan hati raja Yosia sehingga dia memerintah supaya para pemimpin pergi meminta petunjuk mengenainya. Raja tidak meminta pengesahan daripada imam besar, panitera, hamba-hamba istana atau pelayan-pelayan rumah Tuhan yang dipanggil mengadap. Sebaliknya lima orang lelaki yang berjawatan tinggi pergi berjumpa seorang wanita.

Mereka tidak pergi pula kepada nabi-nabi lain yang hidup pada masa itu, antaranya Yeremia dan Zefanya. Hakikatnya mereka yang memegang jawatan resmi dalam pelayanan tidak semestinya mempunyai pengetahuan tepat mengenai keadaan kita atau kehendak Allah untuk

kita. Maka jangan kita tergesa-gesa meminta nasihat, petunjuk atau pengesahan rohani dari sembarangan orang, semata-mata kerana ketinggian jawatan atau populariti pelayanannya.

Hulda hanya seorang wanita tetapi suaranya mempunyai otoriti syurgawi. Orang mendengar apa yang keluar dari mulutnya dan menerimanya sebagai firman Allah, Tuhan Israel. Dia tidak seperti nabiah Miryam atau Debora menyanyi pujian yang memberangsangkan umat Israel selepas kemenangan besar-besaran di padang pertempuran. Hulda mengisytiharkan hukuman kepada bangsanya, tepat mengikut apa yang tercatat dalam kitab Taurat yang dijumpai. Perempuan ini ialah orang pertama untuk mengesahkan kitab tertulis yang telah lama hilang itu sebagai firman Allah.

Dia tidak teragak-agak memberitahu khabar buruk. Inilah keberanian suara profetik yang tidak takut memberitakan apa yang Rasul Paulus sifatkan dalam Kis 20:27 sebagai seluruh maksud Allah. Hulda tidak menyembunyikan apa-apa, baik atau buruk.

Kerap-kali kita keberatan merujuk kepada firman yang kurang menyenangkan. Kita mungkin rasa bukan tempat atau tanggung-jawab kita untuk mengatakan kebenaran Alkitab kepada saudara-saudari seiman. Kita takut merosakkan perhubungan dengan manusia. Tetapi *segala firman Tuhan memang bermanfaat untuk mengajar, menyatakan kesalahan, memperbaiki kelakuan dan mendidik orang dalam kebenaran* (2 Tim 3:16). Kita tidak perlu dipanggil sebagai nabiah untuk memakai firman Tuhan supaya memperlengkapi badan Kristus, dalam kasih sesama sendiri. Siapa tahu, firman yang kita lepaskan tepat pada musimnya kepada seseorang boleh mencetuskan sesuatu yang besar dalam hidupnya.

Sebagaimana nubuat Hulda mengerakkan raja Yosia bertindak. Raja tidak sahaja membaca seluruh kitab itu. Dia mengumpulkan semua bangsa Israel dari yang kecil sampai yang besar ke rumah Tuhan. Raja memimpin rakyatnya memperbaharui perjanjian dengan Allah, untuk hidup dengan mengikut-Nya dan tetap menuruti perintah-perintah-Nya dengan bersungguh-sungguh. Seterusnya raja Yosia memulakan program pemusnahan berhala-hala di Yehuda dan Samaria, membawa bangsa Israel kembali kepada penyembahan Allah nenek-moyang mereka. Sistem pemerintahan monarki diubah menjadi sistem teokrasi yang menghormati Allah. Semua ini berlaku kerana perkataan Hulda yang dilepaskan tepat pada musimnya membawa impak yang tidak terkira keluasannya.

Tiada apa-apa yang direkodkan mengenai Hulda selepas nubuatan tunggal itu. Kita tidak diberitahu apa akhirnya atau apa terjadi kepada pelayanannya. Dia seolah-olah hilang begitu sahaja. Namun, walaupun dia tidak bernubuat sepatah perkataan kepada sesiapa lagi, apa yang dia telah katakan sudah mencukupi. Hulda telah meninggalkan kesan atas generasinya. Dia telah menghabiskan misinya. Itulah yang penting dan utama dalam hidup kita sebagai orang percaya – mengenal panggilan dan menghabiskan misi kita sebagai utusan Allah.

RENUNGAN:

1. Bagaimanakah cara kamu mendapat pengesahan mengenai hal-hal rohani?
2. Apakah panggilan syurgawi dalam hidupmu?

DOA:

Allah Bapa, terima kasih Engkau telah menyediakan saya untuk menjadi pengaruh di dalam keluarga dan komuniti persekitaran saya. Urapilah mulut saya dan beranikan hati saya untuk melepaskan firman-Mu supaya orang mengenal Allah yang benar dan yang hidup dalam nama Yesus.

INTAN 24 : IZEBEL

PENGARUH SEORANG WANITA



FIRMAN: 1 RAJ 16:31-33, 21:1-26

1 Raj 16:31 Seakan-akan belum cukup ia hidup dalam dosa-dosa Yerobeam bin Nebat, maka ia mengambil pula Izebel, anak Etbaal, raja orang Sidon, menjadi isterinya, sehingga ia pergi beribadah kepada Baal dan sujud menyembah kepadanya.

1 Raj 21:25 Sesungguhnya tidak pernah ada orang seperti Ahab yang memperbudak diri dengan melakukan apa yang jahat di mata TUHAN, karena ia telah dibujuk oleh Izebel, isterinya.

Namanya menimbulkan gambaran yang negatif, menjadi seerti dengan kejahatan, penyembahan palsu, penipuan dan dominasi. Kalaulah ada pertandingan untuk perempuan yang jahat sekali dalam Alkitab, saya rasa Izebel pasti menang. Akan tetapi, sebenarnya Izebel memaparkan banyak sifat yang pada dasarnya baik-baik belaka. Dia kuat, berani, cerdas, cekap, konsisten dalam perkataan dan kelakuannya. Malah dia seorang penyembah yang khusyuk. Masaalahnya Izebel memakai sifat-sifat yang baik untuk tujuan yang jahat.

Izebel seorang puteri Etbaal, raja orang Sidon. Ada yang mengatakan bapa Izebel bukan sahaja raja tetapi imam besar Baal. Kalau benar, tidak hairanlah Izebel membawa masuk penyembahan Baal secara besar-besaran, sehingga terdapat 450 nabi-nabi Baal dan 400 nabi-nabi Asyera yang mendapat makan dari meja istana. Akibat pengaruh Izebel, suaminya raja Ahab tidak sahaja pergi beribadah dan sujud kepada Baal, malah mendirikan mezbah Baal dan patung Asyera di merata-rata tempat.

Izebel merupakan kuasa di belakang suami dan takhtanya. Izebel begitu prihatin apabila Ahab merajuk tidak makan kerana gagal memperoleh kebun anggur Nabot yang bersampingan istana diraja. Dengan penuh keangkuhan diri, dia isytiharkan kepada raja dan suaminya dalam *1 Raj 21:7... Aku akan memberikan kepadamu kebun anggur Nabot, orang Yizreel itu.*” Seterusnya Izebel “memerintah”; merancang pembunuhan Nabot, orang yang tidak bersalah, melalui penipuan dan kesaksian palsu. Begitu besar dan kuat pengaruh Izebel, dikatakan dalam *1 Raj 21:11 Orang-orang sekotanya, yakni tua-tua dan pemuka-pemuka, yang diam di kotanya itu, melakukan seperti yang diperintahkan Izebel kepada mereka.*

Kita boleh mempengaruhi bukan sahaja ahli-ahli keluarga tetapi orang-orang di persekitaran kita. Pengaruh kita boleh membangkitkan atau menjatuhkan orang lain, tidak kira apa peranan atau jawatan kita dalam masyarakat.

RENUNGAN:

1. Apakah pengaruh kamu di dalam dan di luar keluarga? Adakah kamu membawa orang mendekati atau menjauhi Tuhan?
2. Apakah sifat kekuatan peribadimu yang boleh dipakai untuk pengaruh yang baik?

DOA:

Allah Bapa di syurga, ampunilah saya ada kalanya saya kurang teliti tentang pengaruh saya atas manusia disekeliling saya. Roh Kudus, tolong berikan saya kepekaan, hikmat dan pengertian syurgawi untuk menjadi pengaruh yang baik di mana-mana sahaja Engkau menempatkan saya.

INTAN 25 : KETURA SEBAHAGIAN YANG MENGENAPI JANJI



FIRMAN: KEJ 25:1-6, 1 TAW 1:32-33

Kej 25:1 Abraham mengambil pula seorang isteri, namanya Ketura 25:2 Perempuan itu melahirkan baginya Zimran, Yoksan, Medan, Midian, Isybak dan Suah.

1 Taw 1:32...Anak-anak Yoksan ialah Syeba dan Dedan. 1:33 Anak-anak Midian ialah: Efa, Efer, Hanokh, Abida dan Eldaa. Itulah semuanya keturunan Ketura.

Nama Ketura terselit di antara senarai pendaftaran keturunan Abraham. Nampaknya Ketura hanya melakukan satu perkara – melahirkan anak untuk Abraham. Kita tidak pasti adakah dia isteri atau gundik, kerana dua-dua perkataan dipakai untuknya dalam buku Kejadian dan 1 Tawarikh. Kita tidak tahu juga apa latar-belakangnya. Kita hanya tahu perempuan inilah yang dipakai Tuhan untuk menggenapi janji-Nya kepada Abraham menjadikannya bapa sejumlah besar bangsa.

Alkitab mencatatkan nama enam anak laki-laki dan tujuh cucu lelaki dalam keturunan Abraham dengan Ketura. Kej 25:6 memberitahu bahawa Abraham memberi pemberian kepada anak-anak gundiknya dan menyuruh mereka meninggalkan rumah-tangganya. Ini adalah untuk melindungi warisan Ishak, anak perjanjian yang telah dikaruniakannya melalui Sara. Mereka disuruh pergi ke Tanah Timur, tempat yang tidak dikenal-pasti. Telah dijangka bahawa sebanyak 16 suku-suku Arab di bahagian timur dan selatan Israel berasal dari keturunan Ketura.

Saya cuba bayangkan perasaan perempuan ini yang terpaksa keluar membawa semua anak-anaknya, memulakan hidup baru sendiri sebagai ibu tunggal. Adakah hati Ketura penuh

kepahitan atau kegeraman? Betapa besar nilai pemberian Abraham kepada anak-anaknya tidak mungkin menghibur kesedihan hati seorang perempuan yang ditolak oleh suami sendiri.

Apakah Ketura masih berpegang iman kepada Allah Abraham, memandang dia telah keluar dari anggota keluarganya? Tiada apa-apa yang diperihalkan mengenai Ketura selanjutnya. Namun kita perhatikan Yitro, imam Midian, salah seorang anak Ketura, tahu memuji dan memuliakan Allah Israel (Kel 18:11-12). Nampaknya Ketura telah memelihara dan memindahkan iman kepada keturunannya.

Nama Ketura bererti kemenyan. Bahawasanya hidup Ketura sebagai kemenyan yang wangi dan berkenan kepada Tuhan. Walaupun telah ditetapkan bukan anaknya, tetapi anak orang lain, yang mewarisi perjanjian syurgawi, itu tidak mengurangkan nilai Ketura atau keturunannya dalam mata Allah. Kepada wanita yang kehilangan suami, samada kerana kematian, penceraian atau perpisahan keluarga, ingatlah Ketura.

RENUNGAN:

1. Bagaimanakah kamu meresponi krisis hidup?
2. Adakah kamu merasa tidak adil Ketura dan anak-anaknya didiskriminasikan? Kenapa?

DOA:

Abba Bapa, saya mengaku ada kalanya saya tidak puas kerana nampaknya tidak adil situasi hidupku. Saya membawa ketidakpuasan ini kepada Engkau. Berikan saya hati yang besar untuk menerima bahawa Engkau telah menetapkan peranan berlainan untuk setiap insan. Biar saya boleh faham itu tidak bererti Engkau kurang mengasihi saya daripada orang lain yang nampaknya lebih dipentingkan. Saya tetap anak-Mu, dan rencana-Mu untuk hidup saya tetap baik, walaupun berbeda.

INTAN 26 : LEA TIDAK DICINTAI MANUSIA



FIRMAN: KEJ 29:16-35, 30:1-24,
49:29-32

Kej 29:31 Ketika TUHAN melihat bahwa Lea tidak dicintai, dibuka-Nyalah kandungannya, tetapi Rahel mandul.

Kej 49:31 Di situlah dikuburkan Abraham beserta Sara, isterinya 49:32 di situlah dikuburkan Ishak beserta Ribka, isterinya, dan di situlah juga kukuburkan Lea...

Harapan setiap insan adalah untuk diterima dan dihargai. Hati setiap wanita pasti merindukan kasih keluarga, terutama seorang isteri daripada suaminya. Bayangkan betapa hancur Lea mengetahui bahawa suaminya tidak mencintainya, bahkan tidak mahu mengahwininya pun. Bapa Lea menipu Yakub yang sebenarnya mencintai dan mahu mengahwini adiknya Rahel. Selepas hanya tujuh hari bermula hidup sebagai isteri, Lea perlu “berkongsi” suami dengan adiknya. Nama Lea yang bererti “letih, lesu” memberi gambaran buruk mengenainya. Malah Alkitab melukis Lea sebagai tidak berseri matanya dan tidak secantik adiknya.

Lea tidak meminta posisi seorang isteri. Bayangkan perasaan dijadikan sebagai “alat” oleh bapa sendiri, ditolak oleh suami dan bersaing-saing dengan adik untuk dikasihi. Betapa teruknya pergumulan Lea dalam keluarga ini. Alkitab mencatatkan beberapa kali bahawa Yakub mencintai Rahel, tetapi tiada satu kali pun direkodkan bahawa dia mencintai Lea. Adakah Lea pernah berteriak kepada Allah, “Ini tidak adil; kenapa Engkau tidak menjadikan saya lebih cantik, supaya suami saya akan mencintaiku?”

Apakah kita juga pernah merasa seperti Lea, bahawa tiada manusia yang mencintai kita? Kalau jujur kata, bukankah kita semua pernah berbandingkan diri dengan kecantikan, kebolehan, kepintaran atau kelayakan wanita lain?

Ketegangan dalam perhubungan antara dua adik beradik, isteri Yakub, ketara sekali. Ia tertumpu kepada berapa ramai anak yang mereka boleh melahirkan, melalui diri sendiri dan melalui budak-budak perempuan masing-masing. Lea memberi Yakub tujuh anak – sembilan kalau ditambahkan anak-anak dari budak perempuannya Zilpa. Namun sedihnya Yakub masih tidak sanggup mengasihi Lea seperti dia rindu dikasihi. Yakub berat sebelah menjadikan anak-anak bongsu Rahel, Yusuf dan Benyamin, biji matanya. Pertandingan antara Lea dan Rahel berterusan sehingga pada suatu kali, Lea “menyewa” suaminya daripada adik yang lebih dikasihi dengan “bayaran” buah dudaim (Kej 30:14-16).

Nama-nama yang diberikan tiga anak lelaki yang pertama dilahirkan Lea menggambarkan harapan bahawa suaminya akan mencintainya sebagai wanita dan isteri yang layak (Kej 29:32-34). Hanya apabila Lea melahirkan anak keempat, fokusnya beralih daripada suami kepada Allah. Dalam katanya sendiri *“Kali ini aku mahu memuji Tuhan.”* Maka dinamakan anak itu Yehuda yang bererti “pujian.” Lea sudah sedar rupa lahiriahnya tidak penting, kerana Tuhan masih boleh memakai hidupnya. Bahawasanya dia telah dilahir dengan mata yang tidak berseri tidak bererti dia di bawah kutukan Tuhan. Malah Tuhan membuka kandungan Lea kali demi kali. Yang signifikan sekali Mesias Israel datang dari suku Yehuda, anak Lea.

Tuhan memanggil, memberkati, mengasihi dan menebuskan Lea. Dia tidak hiraukan kekurangan Lea. Wanita ini yang mengira nilai harga diri dari pihak lelaki dalam hidupnya telah sedar manusia tidak dapat mengasihinya dengan sempurna. Kita tidak akan puas dengan bergantung kepada penerimaan atau kasih orang lain. Harga diri dan identiti kita hanya terdapat dalam kasih Tuhan, Allah Pencipta kita. Hidup kita bermakna bukan dalam menunaikan expektasi orang lain atau mengharap orang lain menunaikan expektasi kita. Erti dan makna hidup datang dalam menggenapi rencana surgawi yang Tuhan telah tetapkan baik dan sempurna untuk setiap peribadi.

Sebagai penutup yang cantik sekali, Lea dan bukan Rahel yang dikebumikan bersama suaminya dalam gua kuburan generasi nenek-moyang di ladang Makhpela. Akhirnya juga, Lea mendapat tempat penghormatan yang diingini sepanjang hidup sebagai isteri.

Hakikatnya kepuasan tidak datang daripada memenangi pertandingan kecantikan, memperolehi kasih suami atau siapa-siapa manusia, atau melahirkan ramai anak. Kepuasan hanya datang daripada dikasihi oleh Allah yang membolehkan kita mengasihi-Nya.

RENUNGAN:

1. Apakah yang kamu anggap sebagai kekurangan peribadi?
2. Bagaimanakah kamu menghadapi persaingan dalam perhubungan dengan orang-orang sekeliling kamu?

DOA:

Allah Bapa, saya adalah karya tangan-Mu, dan semua yang Engkau ciptakan adalah baik. Saya mengucap syukur nilai saya tidak terletak dalam kiraan manusiawi, tetapi dalam mata Engkau. Ingatilah saya, Tuhan, supaya selalu memuji Engkau yang tetap bekerja dalam hidupku untuk kebaikan dan bukan kecelakaan. Dalam kasih-Mu, saya menerima kepuasan sempurna.

INTAN 27 : LIDIA

DI TEMPAT BETUL PADA MASA BETUL



FIRMAN: KIS 16:9-15, 40

Kis 16:4 Seorang dari perempuan-perempuan itu yang bernama Lidia turut mendengarkan. Ia seorang penjual kain ungu dari kota Tiatira, yang beribadah kepada Allah. Tuhan membuka hatinya, sehingga ia memperhatikan apa yang dikatakan oleh Paulus.

Jika kita mengimbas kembali kejadian-kejadian dalam hidup, kita pasti akan dapat mengesan corak bagaimana sesetengah hal berlaku macam secara kebetulan. Sebenarnya tiada yang berlaku secara kebetulan kerana Allah yang mengatur segala-galanya di bumi dan di syurga mengikut ketetapan-Nya. Rasul Paulus mengingatkan dalam *Rom 8:28 Kita tahu sekarang, bahwa Allah turut bekerja dalam segala sesuatu untuk mendatangkan kebaikan bagi mereka yang mengasihi Dia, yaitu bagi mereka yang terpanggil sesuai dengan rencana Allah.*

Adakah Paulus pernah memikirkan bahawa panggilan Makedonia yang dia terima melalui penglihatan sebenarnya merujuk kepada seorang perempuan di tepi sebatang sungai di kota Filipi? Adakah Lidia yang “kebetulannya” hadir di kalangan para perempuan di sana pernah memikirkan dia akan diperkenalkan kepada Allah yang hidup pada hari Sabat itu? Inilah yang boleh dikatakan berada di tempat betul pada masa yang betul.

Lidia berasal dari kota Tiatira, kota penyembahan berhala. Kita diberitahu wanita ini seorang yang beribadah kepada Allah. Akan tetapi ini tidak bererti dia mengenal Yesus secara peribadi. Kita boleh duduk dalam ibadah gereja dan bersekutu dengan orang yang beriman. Namun jika kita tiada perhubungan peribadi dengan Yesus Kristus, kita bukan orang percaya. Lidia telah bermula dengan agama. Tetapi tepat pada masanya, Tuhan membawanya kepada pengenalan kebenaran dalam Yesus melalui mulut Paulus.

Lantaran itu, Lidia menjadi orang Europa yang pertama percaya selepas kebangkitan Yesus. Latar-belakangnya unik, kerana dia bukan suri rumah-tangga tradisional yang duduk di rumah, menjaga suami dan anak. Sebenarnya tidak diberitahu pun samada dia sudah atau belum kahwin. Kita hanya diberitahu dia seorang penjual kain ungu. Tiatira terkenal sebagai sebuah kota perniagaan yang masyur untuk pewarna ungu.

Di zaman itu, hanya keluarga diraja dan orang-orang kenamaan yang mampu memakai pakaian buatan kain ungu. Implikasinya Lidia seorang peniaga wanita yang kaya. Dia aktif sebagai anggota dunia pasaran. Ini begitu menggalakkan kepada para wanita yang menjawat kerjaya di luar rumah-tangga.

Tuhan menyediakan wanita ini untuk membuka hatinya kepada pengkhabaran injil. Selepas itu, dia membuka pula rumahnya untuk rombongan Paulus. Lidia mendemonstrasikan karunia kemurahan hati untuk kali kedua bagi Paulus dan Silas apabila mereka terlepas dari penjara. Pelayanan Lidia begitu perlu untuk menyokong hamba-hamba Tuhan yang melayani sepenuh masa. Kita semua ada peranan tersendiri dalam kerajaan Allah. Kerja sekular tidak kurang daripada panggilan penuh masa dalam gereja. Sama juga pelayanan sebagai mubaligh tidak lebih “suci” daripada pelayanan orang biasa memberi tumpangan.

Seperti Lidia, kita boleh menjadi saluran berkat kepada orang lain, terutamanya apabila Tuhan melimpahkan berkat-Nya ke atas diri kita. Cerita Lidia tidak berakhir dengan penerimaan dan baptisma diri peribadi sahaja, tetapi seluruh isi keluarganya. Boleh dikatakan dia memakai karunia dan miliknya untuk memulakan gereja awal di Filipi. Keluasan impak wanita ini jelas daripada pujian Paulus untuk gereja Filipi dalam *Fil 4:14-15* “...bahwa kamu telah mengambil bagian dalam kesusahanku...tidak ada satu jemaat pun yang mengadakan perhitungan hutang dan piutang dengan aku selain daripada kamu.”

Lidia membuktikan perubahan hidup seorang percaya yang telah menerima kelahiran baru dalam Yesus. Selepas baptisma, dalam Kis 16:15, dia mendesak supaya Paulus menumpang di rumahnya, “*Jika kamu berpendapat, bahwa aku sungguh-sungguh percaya kepada Tuhan...*” Transformasi bermula dari dalam hati, tetapi dinyatakan melalui tindakan pelayanan. Apabila kita mengenal Yesus, kita membuka hati dan pintu hidup kita kepada promosi kerajaan Allah.

RENUNGAN:

1. Apakah perbezaan antara seorang yang beragama dan seorang yang percaya?
2. Apakah bukti transformasi hidup kamu sejak kamu menjadi orang percaya?

DOA:

Tuhan, saya mengucap syukur tiada yang terjadi dalam hidup saya tanpa pengetahuan dan kebenaran-Mu. Engkau menempatkan saya mengikut masa ketetapan-Mu untuk mengerjakan sesuatu yang besar dalam perjalanan imanku. Berkati saya dengan karunia-karunia Roh Kudus supaya saya dijadikan alat transformasi di kalangan masyarakat persekitaranku.



**Pelayanan sepatutnya tiada sifat kecuali
kasih – Henrietta Mears**

INTAN 28 : MARTA

IMAN YANG SEMPURNA



FIRMAN: YOH 11:1-7, 17-30, 38-43

Yoh 11:25 Jawab Yesus: “Akulah kebangkitan dan hidup; barangsiapa percaya kepada-Ku, ia akan hidup walaupun ia sudah mati 11:26 dan setiap orang yang hidup dan yang percaya kepada-Ku, tidak akan mati selama-lamanya. Percayakah engkau akan hal ini?” 11:27 Jawab Marta: “Ya, Tuhan, aku percaya, bahwa Engkaulah Mesias, Anak Allah, Dia yang akan datang ke dalam dunia.”

Banyak yang telah diperkatakan tentang Marta, saudara Maria dan Lazarus. Tindak-laku dan reaksinya dalam beberapa keadaan menunjukkan sikap cekap yang tidak berlandaskan emosi. Ringkasnya Marta adalah perempuan jenis pratikal yang melihat keperluan dalam sesuatu keadaan dan terus melakukan apa yang patut.

Saya tertarik sekali bagaimana Marta meresponi Yesus waktu Tuhan tiba di kampung mereka, empat hari selepas saudaranya Lazarus telah mati dan dikuburkan. Marta jelas merasa kecewa atas kelewatan Tuhan, walhal Dia memang telah dimaklumkan mengenai kesakitan Lazarus awal-awal lagi. Mungkin Marta tertanya-tanya dalam hati kenapa Tuhan tidak datang dengan serta-merta, memandangkan kampung Betania hanya dua batu dari Yerusalem, di mana Yesus berada masa itu. Mungkinkah Marta meragui samada Tuhan betul-betul mengasihi mereka?

Sesuai dengan wataknya, Marta terus keluar dari rumah mendapatkan Yesus yang sedang dalam perjalanan kepada mereka. Apabila berjumpa dengan Tuhan, Marta tidak menangis tersedu-tersedu. Sebaliknya dalam kesedihan kehilangan ahli keluarganya, dia seolah-olah menuduh “*Tuhan, sekiranya Engkau ada di sini, saudaraku pasti tidak mati.*” Dia menyambung lagi, “*Tetapi sekarang pun aku tahu, bahwa Allah akan memberikan kepada-*

Mu segala sesuatu yang Engkau minta kepada-Nya.” Perkataan Marta ini mendemonstrasikan kepercayaan yang teguh, walaupun dia kecewa.

Berikutan itu, Tuhan mengisytiharkan kata-kata yang merupakan asas doktrin Kristianiti dalam *Yoh 11:25 -26 Akulah kebangkitan dan hidup, barangsiapa percaya kepada-Ku, ia akan hidup walaupun ia sudah mati, dan setiap orang yang hidup dan yang percaya kepada-Ku, tidak akan mati selama-lamanya. Percayakah engkau akan hal ini?*” Soalan yang ditujukan kepada Marta menarik dari dirinya pengakuan yang tertinggi. Jawab Marta dalam *Yoh 11:27 “Ya, Tuhan, aku percaya, bahwa Engkaulah Mesias, anak Allah, Dia yang akan datang ke dalam dunia.”* Ini telah dibandingkan dan didapati lebih mulia daripada pengakuan Petrus dalam *Mat 16:16 “Engkau adalah Mesias, Anak Allah yang hidup!”*

Terkandung dalam pengakuan wanita ini *“Ya, Tuhan”* ialah iman yang betul-betul sempurna, walaupun pemahaman Marta tidak sempurna. Dia mempunyai keyakinan penuh dalam Yesus, mengakui Yesus serentak sebagai Tuhan, Mesias dan Anak Allah. Tambahan lagi, Marta percaya Yesus ialah Dia yang telah dinubuatkan akan datang ke dunia manusia. Jawapan Marta berfokus kepada identiti benar Yesus. Dia tidak memeluk pengajaran agama bangsa Yahudi atau pemahaman umum di zaman itu bahawa Mesias adalah pemimpin politik yang akan menyelamatkan mereka dari kuk Roma. Kesimpulan Marta adalah betul – bahawa Yesus boleh membangkitkan orang yang mati dan memberi hidup kekal.

Mulianya pengakuan Marta! Lebih-lebih lagi dilafazkan dalam kenyataan Lazarus yang telah mati dan terbaring dalam kubur empat hari. Marta tidak mengerti bagaimana saudaranya akan dibangkitkan hidup tetapi dia percaya firman Yesus. Perkataan “percaya” yang dipakai Marta merujuk kepada kata kerja waktu yang lampau. Ini bukan semata-mata percaya hanya sekarang, tetapi telah pun percaya. Implikasinya kepercayaan Marta itu dari dahulukala, sudah kukuh dan teguh.

Marta memang tidak memahami dengan sepenuhnya. Maka apabila Yesus memerintahkan supaya batu yang menutup kubur Lazarus diangkat, wanita yang pratikal ini teragak-agak meluahkan kenyataan dalam *Yoh 11:39 “Tuhan, ia sudah berbau, sebab sudah empat hari ia mati.”* Jawapan Yesus tajam dan tepat sekali, *“Bukankah sudah Kukatakan kepadamu: Jikalau engkau percaya engkau akan melihat kemuliaan Allah?”* (Yoh 11:40)

Marta tidak mengerti bagaimana jenazah yang sudah dimakan ulat boleh hidup kembali. Tuhan Yesus perlu mengingatkannya untuk percaya, seperti yang Marta sendiri telah mengatakan baru seketika lalu, “Ya Tuhan, saya percaya...”

Apabila kita melafazkan perkataan yang sama, Tuhan berjanji kita akan melihat kemuliaan-Nya. Marta pasti takjub menyaksikan Lazarus jalan keluar dari kubur, *kaki dan tangannya masih terikat dengan kain kapan dan mukanya tertutup dengan kain peluh* (Yoh 11:44). Entah apa mukjizat yang menantikan kita apabila kita percaya kepada dan dalam Dia yang adalah Mesias, Anak Allah, Dia yang telah datang dan akan datang lagi ke dunia manusia.

RENUNGAN:

1. Apakah pendapat kamu mengenai Marta?
2. Apakah yang kamu percaya mengenai Yesus Kristus?

DOA:

Allah Bapa, pimpinlah saya dalam iman dan bawa iman saya itu kepada kesempurnaan. Saya akui ada banyak yang saya tidak mengerti, tetapi Engkau tidak menghendaki saya faham. Engkau hanya menghendaki saya percaya. Maka saya isytiharkan, Ya, Tuhan, saya percaya Engkau.

INTAN 29 : MARIA DARI BETANIA HATI SEORANG PENYEMBAH



FIRMAN: LUK 10:38-42, YOH 12:1-11

Luk 10:42 “...tetapi hanya satu saja yang perlu, Maria telah memilih bagian yang terbaik, yang tidak akan diambil daripadanya.”

Yoh 12:3 Maka Maria mengambil setengah kati minyak narwastu murni yang mahal harganya, lalu meminyaki kaki Yesus dan menyekanya dengan rambutnya; dan bau minyak semerbak di seluruh rumah itu.

Hadiah yang saya sungguh menghargai ialah cincin pertunangan daripada suami saya. Saya masih memakainya sampai hari ini walaupun sudah lebih 20 tahun dia meninggalkan dunia manusia. Cincin itu tidak mahal, kurang daripada RM100, kerana dia tidak mampu membeli yang mahal-mahal masa itu.

Lain cerita dengan Maria dari Betania, saudara Marta dan Lazarus, keluarga yang dikasihi Tuhan Yesus. Kita menjumpai Maria pertama kali dalam Alkitab apabila dia duduk dekat kaki Yesus, mendengar perkataan-Nya. Begitu cantik gambaran seorang penyembah Tuhan. Tidak hairanlah Yesus mengatakan itulah bahagian terbaik yang tidak akan diambil daripada Maria. Kita berjumpa lagi dengan Maria dalam keadaan sama – di kaki Yesus dalam Yoh 12:3. Maria mengambil tempat terendah sekali sebagai tanda penyembahan daripada hati yang sedar kebesaran Tuhan, memberikan-Nya tempat tertinggi.

Kali keduanya Maria melakukan sesuatu yang mengejutkan para hadirin yang berada di rumahnya untuk perjamuan makan bersama Yesus. Dia menuangkan sekati minyak wangi

yang sangat mahal ke atas kaki Yesus. Harga minyak wangi itu dianggap 300 dinar, sama dengan gaji setahun seorang pekerja. Ada yang mengatakan bahawa minyak wangi narwastu Maria ialah sebahagian daripada maskahwinnya. Dia tidak menyimpan sedikit sisa pun tetapi menuangkan semuanya ke atas kaki Yesus. Inilah pengorbanan tertinggi, terbanyak dan ternilai yang dia sanggup memberi. Wanita ini tidak menyimpannya untuk kekasih manusia, tetapi memakai kesemuanya untuk Yesus, Kekasih dan Yang diKasihi jiwanya.

Tindakannya dikecam oleh Yudas Iskariot sebagai pembaziran. Akan tetapi Yesus mempertahankan Maria dalam Yoh 12:7, supaya dia dibiarkan melakukan hal ini untuk *“mengingat hari penguburan-Ku.”* Maria tidak mengendahkan reaksi atau pendapat umum. Kelakuannya melanggar adat-resam sosial yang menghadkan perhubungan fizikal antara lelaki dan perempuan zaman itu. Inilah hati seorang penyembah Tuhan, hati yang mengasihi tanpa peduli. Maria faham kos mengasihi Tuhan mahal sekali; dan dia sanggup membayarnya.

Maria tidak sahaja membayar dengan benda lahiriah, tetapi dengan bahagian dirinya yang ternilai. Dia tidak menggunakan tuala untuk menyeka kaki Yesus, tetapi memakai rambutnya sendiri. Rambut wanita zaman itu ialah tanda kehormatan dan penudung mereka. Apa yang Maria buat amat memalukan dalam pandangan mata masyarakat. Mungkinkah roh Maria tergerak, menyedari pengorbanan yang Yesus bakal membayar melalui tubuh-Nya nanti? Maria tidak boleh mengikut Yesus ke kayu salib. Namun dia boleh memberi sebahagian tubuhnya sebagai tanda perkongsian dalam aib dan penderitaan Tuhan.

Apabila kita sanggup mengorbankan semua dan yang terbaik untuk Tuhan, impaknya pasti merebak jauh diluar jangkaan kita. Bau minyak wangi yang Maria menuangkan atas kaki Yesus semerbak di seluruh rumah itu. Rasul Paulus mensifatkan orang percaya dalam *2 Kor 2:14-15 Dengan perantaraan kami Ia (Yesus) menyebarkan keharuman pengenalan akan Dia di mana-mana. Sebab bagi Allah kami adalah bau yang harum dari Kristus di tengah-tengah mereka yang diselamatkan dan di antara mereka yang binasa.* Adakah kita “berbau” harum atau busuk di kalangan orang umum?

Dengan sepenuh hati, Maria melakukan apa yang dia boleh lakukan, memakai apa yang dia mempunyai, pada masa yang diberikannya dengan Yesus, sebagai seorang pengikut yang menghormati dan mengasihi Tuhannya. Itulah minima yang semua orang percaya harus memberi kepada Tuhan, yang telah terlebih dahulu mengasihi kita.

RENUNGAN:

1. Apakah yang kamu fahamkan dengan penyembahan?
2. Bagaimanakah kamu boleh menjadi dan menyebarkan keharuman Yesus dalam hidup seharian kamu?

DOA:

Abba Bapa, ampuni saya kerana banyak kali saya tidak betul-betul, bahkan tidak sanggup, menyembah-Mu dengan kasih yang genap, kasih yang menggorbankan sepenuh hati, roh, jiwa, akal budi dan tubuhku. Biar kasih syurgawi menjadi wangian harum dalam hidupku.

Penyembahan ialah respons kita kepada kasih yang mengalir dari hati Bapa. Kenyataannya ditemui dalam roh dan kebenaran. Ia berkobar dalam kita hanya apabila Roh Tuhan menyentuh roh manusia. – Richard J. Foster



INTAN 30 : MARIA MAGDALENA

SIAPA YANG ENKKAU CARI?



FIRMAN: YOH 20:1-18

Yoh 20:15 Kata Yesus kepadanya: “Ibu, mengapa engkau menangis? Siapakah yang engkau cari?” Maria menyangka orang itu adalah penunggu taman, lalu berkata kepada-Nya: “Tuan, jikalau tuan yang mengambil Dia, katakanlah kepadaku, di mana tuan meletakkan Dia, supaya aku dapat mengambil-Nya.” 20:16 Kata Yesus kepadanya: “Maria!” Maria berpaling dan berkata kepada-Nya dalam bahasa Ibrani: “Rabuni! artinya Guru.”

Tuhan membebaskan wanita ini dari tujuh roh jahat. Banyak spekulasi bahawa dia seorang perempuan sundal tetapi Alkitab tidak mengatakan begitu. Namun hidupnya pasti terseksa dirasuk tujuh roh jahat sebelum menemui Yesus. Dia tentu ditolak dan diasingkan oleh masyarakat. Dia pasti berasa malu dan kecewa kerana keadaannya. Akan tetapi Lukas 8:1-3 memberitahu kita selepas pelepasannya, Maria menjadi murid Yesus yang setia diantara rombongan perempuan-perempuan yang mengikuti dan melayani Tuhan sepanjang perjalanan-Nya dari tempat ke tempat. Maria membuktikan kebenaran 2 Kor 5:17 *Jadi siapa yang ada di dalam Kristus, ia adalah ciptaan baru. Yang lama sudah berlalu, sesungguhnya yang baru sudah datang.*

Seperti Maria, kita tidak usah membiarkan masa lampau kita mendefinisikan masa depan kita. Satu pertemuan dengan Yesus tidak sahaja sanggup menyembuhkan dan melepaskan tetapi membawa kita keluar daripada yang lama, menjadi orang baru. Kita tidak boleh kembali kepada yang lama lagi. Seperti Maria, hidup kita diubah haluan dan maksud. Kita ditangkap dan terjalin dalam perhubungan kasih dengan Tuhan yang mengarahkan kita untuk mengikuti dan melayani-Nya.

Dari Galilea ke Yerusalem, sampai ke saat penyaliban-Nya, Maria setia (Yoh 19:25). Malah selepas kematian Tuhan pun, Maria setia. Mark 16:1 memberitahu kita Maria bersama-sama perempuan lain membeli rempah dengan niat pergi ke kubur meminyaki jenazah Yesus. Tidak hairanlah kerana keghairahan Maria, dia diberi penghormatan tertinggi untuk menjadi

saksi pertama kebangkitan Yesus. Tuhan tidak memilih mana-mana pemimpin ternama atau sesiapa antara 12 rasul-rasul pertama. Dia menampakkan kemuliaan kebangkitan-Nya kepada seorang perempuan dari golongan ter hina yang penuh keghairahan untuk-Nya.

Kehilangan orang yang dikasihi adalah pengalaman yang traumatik sekali. Saya teringat kembali keberatan hati seketika duduk di tepi jenazah suami saya dalam keranda. Rasa kehilangan betul-betul menikam bagai duri dalam daging pada waktu malam. Masa itu tangisan air mata mengalir tidak berhenti-henti. Saya boleh faham kepiluan Maria dalam Yoh 20:11-14 mencari-cari Yesus. Seperti Maria, di saat-saat itu, saya pernah bertanya Tuhan, “Di mana suami saya sekarang?”

Maria begitu keliru dan sedih sehingga tidak dapat camkan Yesus yang telah bangkit, berdiri di belakangnya, menyangka Dia penunggu taman. Sehingga Yesus memanggil namanya “Maria.” Satu perkataan sahaja sudah cukup. Maria mengenal suara gembala, Tuan, Tuhan, Juruselamat dan Kekasih jiwanya.

Oh, anak Tuhan, tahukah Tuhan memanggil nama kau yang sakit dan remuk hati? Nabi Yesaya mengingatkan dalam *Yes 43:1 Tetapi sekarang, beginilah firman TUHAN yang menciptakan engkau, hai Yakub, yang membentuk engkau, hai Israel: “Janganlah takut, sebab Aku telah menebus engkau, Aku telah memanggil engkau dengan namamu, engkau ini kepunyaan-Ku.”* Bubuhlah nama engkau sendiri menggantikan “Yakub” dan “Israel” dalam firman itu. Betapa indahnya apabila Tuhan memanggil nama kita. Dia tetap ada, walaupun kita mungkin kehilangan segala-gala yang lain, dan Dia mencukupi.

RENUNGAN:

1. Apa yang kamu mencari dalam hidupmu?
2. Sudahkah kamu mengalami penyembuhan Tuhan mengenai kehilangan sesuatu atau seorang yang dikasihi?

DOA:

Allah Bapa, saya membawa segala rasa kehilangan yang masih terpendam dalam hati saya mengenai.....(perihalkan). Engkau Allah yang sanggup melepaskan saya dan menyembuhkan luka-luka batinku. Saat ini saya menerima kebebasan dalam Yesus Kristus sebagai ciptaan baru yang dikasihi Allah. Saya mengucap syukur Engkau kenal dan memanggil nama saya.

INTAN 31 : MARIA, IBU YESUS LEBIH DARIPADA SEORANG IBU



FIRMAN: LUK 2:41-51, YOH 2:1-11, 19:25-27,
KIS 1:14

Luk 2:49 Jawab-Nya kepada mereka “Mengapa kamu mencari Aku? Tidakkah kamu tahu, bahwa Aku harus berada di dalam rumah Bapa-Ku?” 2:50 Tetapi mereka tidak mengerti apa yang dikatakan-Nya kepada mereka 2:51 Lalu Ia pulang bersama-sama mereka ke Nazaret; dan Ia tetap hidup dalam asuhan mereka. Dan ibu-Nya menyimpan semua perkara itu di dalam hatinya.

Yoh 2:5 Tetapi ibu Yesus berkata kepada pelayan-pelayan: “Apa yang dikatakan kepadamu, buatlah itu!”

Ibu mana tidak mengharapkan yang terbaik untuk anaknya? Ibu mana tidak pernah menangis untuk anaknya? Banyak yang boleh dan telah dikatakan mengenai iman Maria, perawan yang dipilih Allah untuk melahirkan Anak Tunggal-Nya. Dipercayai Maria hanya gadis belasan tahun antara umur 12-16 tahun apabila malaikat Gabriel melawat dan mengumumkan utusan surgawi kepadanya. Bayangkan perjalanan tiga puluh tiga tahun hidup wanita ini, dari masa kelahiran sehingga kematian Yesus. Betapa mencabar sekali pengalaman yang Maria perlu hadapi. Waktu Yesus bergantung atas kayu salib, Maria sudah berumur lebih kurang empat puluh tahun. Bagaimanakah dia “menjawab” sebagai ibu kepada Tuhan? Yesus anaknya, tetapi pada masa yang sama, Yesus adalah Juruselamat, Tuhannya.

Saya melihat hati seorang ibu dari mula Anak Manusia lahir dari rahim Maria sampai ke akhir nyawa-Nya di bumi. Dia sudah mengetahui keistimewaan Yesus dari mula-mula

lagi. Namun Maria tidak mungkin menangkap dengan sepenuhnya apa yang terlibat dalam nubuat Simeon mengenai Yesus semasa penyunatan-Nya. Telah pun diberitahu kepada Maria *“Sesungguhnya Anak ini ditentukan untuk menjatuhkan atau membangkitkan banyak orang di Israel dan untuk menjadi suatu tanda yang menimbulkan perbantahan--dan suatu pedang akan menembus jiwamu sendiri--supaya menjadi nyata pikiran hati banyak orang”* (Luk 2:34-35).

Maria mendengar tetapi dia tidak faham. Hati ibu tetap mengambil berat tentang keselamatan anaknya, walaupun anak itu Anak Allah. Maka apabila Yesus “hilang” pada umur dua belas semasa perayaan Paskah, Maria meresponi seperti ibu biasa menegur anak yang lalai memberitahu orang tua di mana dia, *“Nak, mengapakah Engkau berbuat demikian terhadap kami? Bapa-Mu dan aku dengan cemas mencari Engkau”* (Luk 2:48). Semua ibu tentu bersimpati dengan Maria. Akan tetapi jawapan Yesus kepada Maria bercakap kepada semua ibu. Walaupun kita tidak boleh memastikan anak-anak kita akan selalu selamat, senantiasanya disisi kita, namun Allah Bapa pasti menjaga serta memelihara mereka. Kita boleh belajar daripada Maria yang walaupun masih tidak mengerti *“menyimpan semua perkara itu dalam hatinya.”* Biar kita tetap menyimpan firman dan janji Allah mengenai anak-anak kita, yang lahiriah dan rohaniah, dalam hati kita.

Mara ke hadapan 18 tahun, Yesus anak Maria telah dewasa. Roh Kudus telah memperdalamkan pengenalan ibu ini tentang siapa Anaknya. Di majlis perkahwinan yang menghadapi masalah besar kerana kekurangan anggur, Maria merujuk para pelayan untuk mematuhi apa sahaja Yesus perintahkan. Yohanes memberitahu kita dalam *Yoh 2:11 Hal itu dibuat Yesus di Kana yang di Galilea, sebagai yang pertama dari tanda-tanda-Nya dan dengan itu Ia telah menyatakan kemuliaan-Nya, dan murid-murid-Nya percaya kepada-Nya.*

Yesus bukan sahaja punca kehormatan tertinggi untuk Maria sebagai ibu-Nya tetapi Dia juga sumber penderitaannya yang terdalam. Maria menyaksikan Yesus menanggung penghinaan, tentangan dan pukulan yang hebat, sehingga berakhir dalam penyaliban. Ibu mana tertahan melihat anak yang disayangi mati dalam cara begitu kejam? Itulah penggenapan nubuat bahawa pedang akan menebus jiwa Maria. Namun kasih ibu ini setia. Apabila murid-murid yang lain meninggalkan Yesus, Maria masih berada dekat salib, bersama Yohanes dan perempuan-perempuan lain, sampai hembusan terakhir Anaknya.

Peranan Maria sebagai ibu Yesus bermula dari palungan hingga ke kayu salib. Akan tetapi ia tidak berhenti di situ sahaja. Maria terus dijaga oleh Yohanes yang Yesus pertanggungjawabkan sebagai anak angkat untuknya. Dia terus bersekutu dengan keluarga Tuhan yang percaya selepas pengangkatan Yesus ke syurga. Malah perempuan ini didapati diantara mereka yang menunggu curahan Roh Kudus pada hari Pentakosta. Maria telah melalui segala-galanya, bukan sahaja sebagai ibu tetapi sebagai murid Yesus.

Maria mengenal kebenaran fokus hidup bukan mengenainya. Dia membawa orang berfokus kepada Kristus. Apa pun masalah yang kita menghadapi, apabila kita berfokus kepada Tuhan, mukjizat dan berkat akan terjadi, supaya orang percaya dan Allah dimuliakan.

RENUNGAN:

1. Bagaimanakah kamu boleh mengalihkan fokus daripada masalah kepada Tuhan?
2. Apakah kesulitan yang kamu menghadapi sebagai murid Kristus?

DOA:

Tuhan, berikan saya hati seperti ibu Maria yang setia dari permulaan sehingga akhir perjalanan hidup iman saya. Tolong saya, Roh Kudus, supaya selalu membawa orang berfokus kepada Tuhan Yesus.

INTAN 32 : MIRYAM DARI SAUDARA MENJADI PENCABAR



FIRMAN: KEL 2:1-10, 15:20-21,
BIL 12:1-15

Kel 2:7 Lalu bertanyalah kakak anak itu kepada puteri Firaun: “Akan kupanggilkah bagi tuan puteri seorang inang penyusu dari perempuan Ibrani untuk menyusukan bayi itu bagi tuan puteri?”

Bil 12:15 Jadi dikucilkanlah Miryam ke luar tempat perkemahan tujuh hari lamanya, dan bangsa itu tidak berangkat sebelum Miryam diterima kembali.

Wanita ini nabiah pertama dalam Perjanjian Lama. Dari umur yang muda, dia memaparkan sifat seorang pemimpin. Miryam hanya seorang gadis berumur tujuh tahun pada masa ibunya melepaskan peti yang menyembunyikan adiknya Musa ke dalam Sungai Nil. Kakak ini menunjukkan kematangan, keberanian dan kebijaksanaan yang luarbiasa. Dia mengikuti perjalanan peti itu sehingga dijumpai oleh puteri Firaun semasa beliau bermandi di sungai. Maka diselamatkanlah Musa yang diambil masuk ke istana Firaun melalui campur tangan kakaknya Miryam.

Lapan puluh tahun selepas itu, Tuhan memakai Musa untuk mengerjakan mukjizat hebat membelah air lautan menjadi tanah kering supaya bangsa Israel dapat menyeberangi dengan selamat. Pada masa itu, Miryam sudah berumur dalam jangkaan sembilan puluh tahun. Mengikut Kel 15:20-21, dia mengetahui bangsa Israel masuk menyeberangi terlebih dahulu. Dengan rebana di tangannya, dia memimpin rombongan perempuan yang mengikutinya menari dan bernyanyi memuji Tuhan.

Miryam bermula dengan baik sekali. Namun dia jatuh juga. Bagaimanakah kakak yang begitu prihatin terhadap adiknya boleh berubah menjadi pencabar pemimpin Allah? Adakah Miryam berasa cemburu terhadap Musa yang memutuskan semua hal dalam pimpinan

bangsa Israel? Walhal dia juga seorang nabiah dan Harun, adik mereka, ialah imam yang terpilih Tuhan. Sebagai kakak yang lebih tua, dia mungkin tidak suka cara Musa memimpin atau berpendapat keputusan Musa tidak betul. Sebagai nabiah Miryam mungkin telah menjadi besar kepala dalam masa dua tahun bangsa Israel merentasi padang gurun selepas keluar dari Mesir.

Miryam mengatai-gatai kepada orang lain, bukan terus kepada Musa. Dia berdosa, mengumpat di belakang orang yang dikatakannya. Setiap sungutan kita mengenai manusia atau keadaan hidup kita boleh dikatakan sungutan terhadap Tuhan sendiri. Alkitab mengelarnya sebagai pemberontakan.

Kita senang jatuh terperangkap seperti Miryam. Apabila kita dikaruniai dengan talenta, kemahiran, kuasa dan pengaruh, kita boleh memandang rendah orang lain yang dipilih Tuhan. Hati yang bermula dengan kasih boleh dikotori dengan kecemburuan atau ketidakpuasan. Dalam perhubungan keluarga, mungkin terdapat persaingan antara saudara-saudara sendiri, secara terbuka atau terpendam.

Setiap pemimpin diangkat Tuhan ke tempatnya untuk tujuan-Nya, tepat pada masa-Nya. Adakah kita merasa susah tunduk kepada suami, majikan, pastor, pihak kerajaan, atau sesiapa yang di “atas” kita? Jaga-jagalah supaya kita jangan terbawa oleh roh pemberontakan terhadap Allah.

Pemberontakan mengakibatkan penghakiman yang cepat dan berat untuk Miryam. Ketiga-tiga ahli keluarga ini – Miryam, Harun dan Musa – diperintahkan mengadap Allah di Kemah Pertemuan. Miryam dikenakan kusta dan walaupun disembuhkan Tuhan atas syafaat Musa, dia dikucilkan selama tujuh hari ke luar tempat perkemahan mengikut perintah Tuhan.

Miryam sudah berdosa. Akan tetapi hidupnya tidak didefinisikan oleh kesilapannya. Dia menerima dan menanggung hukuman dosanya dengan tidak memberi apa-apa dalih. Dia tidak menyalahkan pihak lain. Bayangkan malu Miryam, diasingkan dan dikira sebagai najis, tidak boleh berhubung dengan masyarakat biasa, berada dalam pembuangan seorang diri. Miryam hidup 38 tahun lagi dibawah pimpinan Musa. Dia tidak pernah mencabar atau menyoal kepimpinan adiknya dari masa itu. Dia telah belajar menunduk.

Kesudahan peristiwa ini menunjukkan betapa besar kasih dan kasih karunia Allah terhadap Miryam. Dalam perjalanan bangsa Israel merentasi padang gurun, Allah menggunakan tiang awan pada siang hari dan tiang api pada malam untuk menetapkan masa mereka patut bergerak atau berhenti. Bil 12:15 memberitahu seluruh bangsa Israel tunggu sehingga Miryam diterima kembali. Implikasinya Allah sendiri menahan tiang awan dan api untuk Miryam selama tujuh hari. Allah masih mempertahankan Miryam, membolehkannya berjalan terus dengan-Nya.

Saya terharu menyedari betapa baik Tuhan kita. Kita tidak perlu takut dihukum mati untuk dosa kita, kerana Yesus telah menanggung segalanya. Kita tidak lepas daripada akibat dosa di dunia ini. Tetapi seperti Miryam, Tuhan sendiri menyembuhkan dan memulihkan posisi kita. Kita tidak tertinggal dalam masa lampau yang menajiskan. Kesalahan dan kesilapan yang kita lakukan tidak bererti Tuhan membuang kita dalam murka-Nya.

Akhirnya Miryam mendapat pengesahan yang dia begitu inginkan dalam hidupnya. Dia dikira setara dengan adik-adik lelakinya. Mikha 6:4 mensifatkan Maria sebagai penganjur/pemimpin yang telah diutus bersama-sama Harun dan Musa dalam pelepasan Israel keluar dari perbudakan Mesir. Malah dia diingati dalam keturunan Yehuda dari cabang lain apabila seorang puteri Mesir berkahwin ke dalam bani Yehuda dan menamai anak perempuannya Miryam (1 Taw 4:17).

Legasi Miryam melebihi kesilapannya. Dia tidak disebut lagi sehingga Bil 20:1 apabila bangsa Israel berada di pinggir padang gurun, menunggu masuk ke Tanah Perjanjian. Masa itu Miryam sudah berumur 130 tahun. Dia adalah satu-satunya wanita dimana keseluruhan hidupnya mulai dari kelahiran, kedewasaan, masa tua, kematian dan penguburannya direkodkan dalam Alkitab.

Seperti Miryam, kita juga tidak sempurna. Jika kita diberkati dengan karunia kepimpinan seperti Miryam, kita patut belajar selalu mengawasi motif hati sendiri. Kita boleh yakin walaupun kita buat kesilapan, kita tidak akan ditolak Tuhan.

RENUNGAN:

1. Adakah kamu mendapati susah untuk menunduk? Kenapa?
2. Bagaimanakah kamu berinteraksi dengan orang lain? Adakah orang menentang atau mengikut kamu?

DOA:

Allah Bapa, saya mengucap syukur Engkau tidak mendefinisikan saya berasaskan kesilapan saya. Engkau panjang-sabar terhadap saya. Berikan saya roh yang taat. Biar saya selalu tunduk dan menyerah kepada Engkau. Patahkan dalam nama Yesus segala keangkuhan diri dalam saya. Buatlah saya selalu rendah hati di hadapan-Mu dan di hadapan manusia.

**Kuasa seorang wanita ialah pemulihan
wanita itu kepada potensi penuhnya –
Rosemond Anaba**



INTAN 33 : MIKHAL APABILA CINTA BERTUKAR MENJADI BENCI



FIRMAN: 1 SAM 18:20-29, 11-17,
2 SAM 3:13-16, 6:14-23

1 Sam 18:20: Tetapi Mikhal, anak perempuan Saul, jatuh cinta kepada Daud; ketika hal itu diberitahukan kepada Saul, maka iapun menyетуinya.

2 Sam 6:16 Ketika tabut TUHAN itu masuk ke kota Daud, maka Mikhal, anak perempuan Saul, menjenguk dari jendela, lalu melihat raja Daud meloncat-loncat serta menari-nari di hadapan TUHAN. Sebab itu ia memandang rendah Daud dalam hatinya.

Apakah yang boleh menyebabkan cinta seorang wanita terhadap lelaki idaman hatinya bertukar menjadi benci selepas berkahwin? Kita selalu fokus kepada cara Mikhal menghina suaminya Raja Daud semasa tabut Tuhan diangkat masuk ke Yerusalem. Perkataannya kepada Daud memang biadab dan tidak patut. Namun saya merasa simpati kepada Mikhal juga, selepas mengkaji peristiwa-peristiwa yang telah berlaku dalam perhubungan dan hidup pasangan ini.

Sungguh sedih cerita Mikhal. Dia dipergunakan oleh bapanya Raja Saul sebagai jerat untuk suaminya. Mikhal telah jatuh cinta kepada Daud, pewira yang menewaskan Goliat, raksaksa Filistin. 1 Sam 17:42 melukis Daud sebagai seorang pemuda yang “*kemerah-merahan dan elok parasnya.*” Mikhal mendapat suami yang dia inginkan, tetapi bapanya senantiasa berusaha membunuhnya pula. Alangkah sedih perkahwinan ini bermula dengan sengketa dalam keluarga sendiri. Mertua Daud adalah musuhnya. Berapa banyak perkahwinan yang terjejas kerana perhubungan yang kurang baik dengan mertua?

Mikhal memilih berdiri di pihak suaminya. Dia sanggup berdusta dan menipu ayahnya sendiri. Mikhal melindungi dan menyelamatkan Daud dengan menurunkannya dari jendela supaya dia dapat melarikan diri. Dalam ketiadaan Daud, Mikhal diberi oleh bapanya kepada lelaki lain Paltiel bin Lais. Wanita ini telah dipermainkan seperti bola ditendang dari lelaki ke lelaki oleh lelaki. Kali ini nampaknya Mikhal telah bertemu dengan seorang yang betul-betul mengasihinya. Alkitab mencatat bahawa si Paltiel menangis mengikuti Mikhal, tidak mahu melepaskannya, apabila dia diserahkan kembali kepada Daud. Dijangka Daud telah terpisah dari Mikhal selama 10-15 tahun. Tidak hairanlah memandangkan pengalaman kasih sejati daripada suami keduanya dalam masa yang begitu lama berlanjutan, cinta pertama Mikhal untuk Daud sudah reda. Lebih-lebih lagi, Daud sendiri telah mengambil enam wanita lain sebagai isteri resmi dalam jangka masa itu.

Mungkinkah ada di antara kita pernah dipermainkan dalam perhubungan kasih? Akar kepahitan senang bertumbuh akibat ikatan jiwa yang berasal dari perhubungan lampau yang buruk. Cinta Mikhal terhadap Daud telah bertukar menjadi benci yang begitu dalam sehingga dia “memandang rendah” Daud. Erti asal perkataan itu ialah menghina atau merasa muak. Dalam pandangan Mikhal, Daud telah melupai dan memalukan kedudukannya sebagai raja semasa dia menanggalkan jubah raja untuk jubah imam mengiringi perarakan tabut Allah kembali ke Yerusalem.

Saya pasti ada wanita yang pernah merasa malu terhadap tindakan ahli keluarga mereka di khalayak umum. Mungkin juga terdapat keadaan sebaliknya, apabila ahli keluarga kita berpendapat kelakuan kita yang menjatuhkan maruah keluarga. Mikhal ada peluang dan pilihan bagaimana dia patut menguruskan hal ketidakpuasan hatinya terhadap Daud. Malangnya dia gagal menguruskan kepahitan hati sendiri. Perkahwinan mereka yang sudah rosak tidak dapat dipulihkan, malah dimatikan oleh kegeraman. Akhirnya Mikhal sendiri menanggung keaiban sepanjang umur kerana dia tidak beranak sampai hari matinya.

Walaupun Mikhal mengasihi Daud pada mulanya, dia tidak atau kurang mengasihi Allah Daud. Agamanya adalah campuran. Mengikut kebiasaan bangsa Yahudi zaman itu, dia mempunyai terafim, iaitu patung berhala keluarga. Mungkinkah itu sebabnya dia tidak memahami keghairan Daud yang menari-nari merayakan kembalinya tabut Allah Israel ke kota suci? Mikhal tidak menghormati suami, raja dan Tuhannya.

Apabila salah seorang dalam hubungan perkahwinan mengasihi Tuhan lebih daripada yang lain, ketidakpuasan dan perselisihan senang tercetus antara pihak. Perbezaan iman dan keutamaan hidup yang berlainan menjadi halangan yang mencabar untuk dua pihak hidup bersama.

RENUNGAN:

1. Bagaimanakah kamu mengatasi rasa ketidakpuasan hati terhadap ahli keluarga?
2. Bagaimanakah kamu mungkin mempereratkan perhubungan dengan ahli keluarga?

DOA:

Allah Bapa, Engkau yang menempatkan saya dalam keluarga ini. Saya membawa kepada-Mu segala yang terpendam dalam hati saya terhadap (sebutkan nama) mengenai (nyatakan isu). Saya memohon dan menerima daripada Engkau kasih, hikmat dan pengertian syurgawi untuk menguruskan perkara ini. Saya tidak mahu kasih bertukar kepada benci dalam semua perhubungan saya.

Kasih TUHAN seperti laut. Engkau boleh nampak permulaannya tetapi tidak penghabisannya.



INTAN 34 : NAOMI

SEMUANYA SALAH TUHAN



FIRMAN: RUT 1:1-22, 4:13-17

Rut 1:20 Tetapi ia berkata kepada mereka: “Janganlah sebutkan aku Naomi; sebutkanlah aku Mara, sebab Yang Mahakuasa telah melakukan banyak yang pahit kepadaku. 1:21 Dengan tangan yang penuh aku pergi, tetapi dengan tangan yang kosong TUHAN memulangkan aku. Mengapakah kamu menyebutkan aku Naomi, karena TUHAN telah naik saksi menentang aku dan Yang Mahakuasa telah mendatangkan malapetaka kepadaku.”

Rut 4:16 Dan Naomi mengambil anak itu serta meletakkannya pada pangkuannya dan dialah yang mengasuhnya. 4:17 Dan tetangga-tetangga perempuan memberi nama kepada anak itu, katanya: “Pada Naomi telah lahir seorang anak laki-laki”; lalu mereka menyebutkan namanya Obed. Dialah ayah Isai, ayah Daud.

Pernahkah kamu menyalahkan Tuhan? Apabila nampaknya kita kehilangan segala-galanya dan menemui jalan buntu, kita senang kecewa dan menyalahkan Tuhan. Naomi telah mengalami kemalangan besar. Keluarga Naomi telah meninggalkan tanah Israel untuk mengelak bencana kelaparan. Akan tetapi malapetaka yang lebih teruk berlaku ke atas Naomi di Moab, negeri asing di mana mereka telah menetap selama 10 tahun. Dia tidak sahaja kehilangan suaminya. Malah kedua-dua anak lelakinya pun mati selepas mengahwini perempuan-perempuan Moab.

Apabila Naomi kehilangan orang-orang yang terdekat dan tersayang, dia juga kehilangan semua makna hidup peribadi, tempat perlindungan dan kebergantungannya. Seperti dia mengatakan dalam Rut 1:21, dia keluar dengan tangan penuh, tetapi kembali dengan tangan kosong.

Saya teringat musim kosong saya. Dalam sehari, saya kehilangan suami, menjadi janda dan ibu tunggal kepada tiga orang anak kecil. Serentak itu, saya kehilangan kerjaya tinggi sebagai seorang peguam dan terpaksa menjual sebuah rumah kerana hutang bank. Mungkin kamu sedang berada di tempat kosong sekarang. Seorang yang engkau kasihi mati, perhubungan bercerai, atau ada krisis kewangan. Banyak keadaan yang boleh membuat kita merasa kehilangan segala yang bermakna dalam hidup kita.

Belajarlah daripada Naomi. Walaupun dia menyalahkan Tuhan dalam keputusan-keputusan, namun dia angkat kaki dan kembali ke tempat asalnya, ke Betlehem, yang bererti “rumah roti.” Ini melambangkan kepada saya satu tindakan profetik yang menukar haluan Naomi untuk disejajarkan kepada haluan Tuhan dalam hidupnya. Rut 1:22 mengesahkan waktu itu ialah musim menuai jelai, menandakan akhirnya bencana kebuluran. Mungkin kita telah keluar jauh daripada Tuhan ke tempat asing. Tetapi apabila kita sudi kembali ke dalam hadirat Tuhan, kita akan mendapati roti. Itulah saat tamatnya musim kebuluran kita.

Namun Naomi belum memahami. Dia hanya tertumpu kepada keburukan keadaan hidupnya dan menganggap semuanya salah Tuhan. Dia mengandaikan tangan Tuhan teracung terhadapnya untuk menambah penderitaannya. Malah dia sendiri menukar namanya yang bererti “keriangan” kepada Mara yang bererti “kepahitan,” kerana dia menyangka Yang Mahakuasa telah melakukan banyak yang pahit atasnya.

Kadang-kala beban-beban hidup begitu berat sehingga kita tidak boleh melihat apa-apa harapan dalam keadaan kita. Kita memerangkap diri dalam pendustaan bahawa Tuhan menentang kita sebagai musuh yang mahu mendatangkan kita celaka. Kita lupa bahawa Tuhan ialah Allah Bapa yang mengasihi kita dan sanggup menterbalikkan segala keburukan menjadi kebaikan untuk memberkati kita.

Tuhan memulihkan Naomi melalui menantunya Rut. Tuhan memang akan menghantar pertolongan kepada kita tepat waktu dan cara-Nya. Tetapi seperti Naomi pada mulanya, kadang-kala kita enggan menerima pertolongan daripada manusia. Kita memberi alasan kita tidak perlu atau tidak mahu menyusahkan orang. Kita mungkin juga merasa malu. Sebenarnya ini ialah roh keangkuhan yang menghalang kita daripada menerima pertolongan Tuhan.

Waktu kehilangan suami dan kerjaya saya, ahli gereja yang saya tidak berapa kenali menghulurkan tangan menolong saya. Tetapi saya sungguh keberatan menerimanya. Tuhan menegur dan mengajar saya bagaimana menerima berkat pertolongan orang dengan rendah hati dan ucapan syukur.

Akhirnya Naomi peka kepada pergerakan Tuhan melalui Rut menantunya. Dia mengajar Rut apa yang perlu untuk menghadapi Boas sebagai saudara-penebusnya. Begitu cantik tamat kisah cinta antara Boas dan Rut yang melahirkan Obed. Justeru itu generasi Naomi terpelihara dalam cara luarbiasa sekali. Dia pasti tidak sangka keturunannya akan termasuk ke dalam silsilah Mesias, Juruselamat Israel dan seluruh dunia.

RENUNGAN:

1. Adakah kamu pernah menyalahkan Tuhan? Apa terjadi akhirnya?
2. Adakah kamu keberatan menerima bantuan daripada manusia lain?
Kenapa ya/tidak?

DOA:

Tuhan, saya percaya dan isytiharkan Engkau Allah yang baik, dan pasti mengerjakan kejahatan untuk kebaikan. Maka saya mengalihkan pandangan mata saya daripada yang lahiriah. Saya mengucap syukur Engkau selalu sedia dan setia menolong saya.

INTAN 35 : ORPA YANG PATAH BALIK



FIRMAN: RUT 1:15

Rut 1:7 Maka berangkatlah ia dari tempat tinggalnya itu, bersama-sama dengan kedua menantunya.

Rut 1:14 Menangis pula mereka dengan suara keras, lalu Orpa mencium mertuanya itu minta diri, tetapi Rut tetap berpaut padanya. 1:15 Berkatalah Naomi: “Telah pulang iparmu kepada bangsanya dan kepada para allahnya; pulanglah mengikuti iparmu itu.”

Saya pasti kita semua pernah menyesal hal-hal yang “hampir-hampir” terjadi dalam hidup kita. Orpa wanita yang hampir-hampir mencapai kejayaan tertinggi. Akan tetapi apabila menghadapi saat penentuan, Orpa tidak sanggup melangkah ke hadapan. Dia memilih mematah balik.

Orpa dan Rut ialah perempuan Moab, menantu kepada Naomi, seorang janda dari Betlehem-Yehuda yang telah meninggalkan tanah asalnya berikutan bencana kebuluran. Apabila suami-suami kedua mereka mati, Naomi berputus untuk kembali, kerana kedengarannya sudah terdapat makanan di tanah Yehuda. Orpa dan Rut mula-mula mengikuti ibu mertua mereka. Namun pada pertengahan jalan, Naomi menggesa mereka kembali ke bangsa sendiri dan jangan mengikutinya ke Betlehem. Dia tidak mahu mereka menderita bersamanya sebagai janda muda di tanah asing, di mana tiada harapan realistik untuk mereka berkahwin lagi.

Dua kali Naomi memujuk menantu-menantunya. Pada kali pertama, kedua-dua mereka enggan meninggalkan Naomi. Tetapi pada kali kedua, dengan tangisan keras, Orpa mencium Naomi dan minta diri, berpatah balik ke negeri, bangsa dan para ilah Moab.

Kedua-dua Rut dan Orpa bermula di tempat yang sama. Sampai pertengahan jalan, satu patah balik manakala yang satu lagi meneruskan perjalanan. Keputusan berlainan dua-dua perempuan ini membawa akibat bertentangan. Rut akan mara ke depan mencatat

sejarah keturunannya sebagai nenek moyang Mesias. Orpa tidak disebut lagi selepas dia meninggalkan Naomi. Dia hilang dari sejarah Alkitab.

Orpa berpotensi untuk berjaya. Pada kali pertama dia masih bertekad mengikuti Naomi. Dia hampir-hampir meninggalkan tanah asal dan agama lamanya. Malangnya dia mematah balik kepada yang biasa-biasa. Dia memilih mengambil jalan keluar yang nampaknya lebih senang dan selamat. Bak kata pepatah Inggeris, dia tidak sanggup menggoncang perahunya. Orpa cenderung melekat kepada apa yang dia kenal daripada menampilkan ke dalam sesuatu yang tidak dikenali. Dia membiarkan dirinya dipujuk. Dia mungkin takut, kecewa, bingung atau terganggu oleh perkataan negatif Naomi mengenai masa depannya.

Kita akan menghadapi saat-saat penentuan, di mana kita perlu memilih samada membelakangi yang lama dan menuju ke hadapan, tanpa apa-apa kepastian kecuali bahawa Tuhan menyertai kita. Rasul Paulus menulis dalam *Fil 3:13-14 Saudara-saudara, aku sendiri tidak menganggap, bahwa aku telah menangkapnya, tetapi ini yang kulakukan: aku melupakan apa yang telah di belakanku dan mengarahkan diri kepada apa yang di hadapanku, dan berlari-lari kepada tujuan untuk memperoleh hadiah, yaitu panggilan sorgawi dari Allah dalam Kristus Yesus.*

Tuhan telah menanam benih kehebatan yang berpotensi tumbuh dalam setiap diri kita. Kita sudah mengenal dan mengecap betapa baiknya Tuhan. Namun seperti berlaku kepada Orpa, tekanan akan datang dari keluarga, sahabat, rakan sekerja dan si-jahat, bahkan kadang-kadang dari diri sendiri untuk mematah balik dalam perjalanan iman kita. Jangan kita seperti Orpa, kembali kepada dunia dan “allah” – tabiat, gaya hidup, sikap, dosa – yang lama, kerana jalan itu ialah jalan mati.

RENUNGAN:

1. Apakah yang mengganggu atau melemahkan iman kamu?
2. Apakah sikap kamu menghadapi yang baru?

DOA:

Bapa, Engkau telah menyelamatkan saya untuk dijadikan ciptaan baru. Saya mengakui kadang-kadang saya enggan atau takut memasuki yang baru yang Engkau telah sediakan untuk saya. Tolonglah saya, Roh Kudus, supaya jangan patah balik, tetapi tekad dan terus tampil masuk dan mara ke dalam destini hebat dengan Engkau.

INTAN 36 : PENINA YANG SAKIT MENYAKITI



FIRMAN: 1 SAM 1:1-7

1 Sam 1:7 Demikianlah terjadi dari tahun ke tahun; setiap kali Hana pergi ke rumah TUHAN, Penina menyakiti hati Hana...

Penina selalu dilukis sebagai perempuan yang kejam kerana dia menindas Hana, isteri pertama Elkana yang mandul. Perbuatannya menyakiti Hana memang adalah kejahatan. Akan tetapi kalau kita menjenguk di belakang tabir perhubungan keluarga ini, kita mungkin tidak begitu keras mengecam Penina. Mengikut sumber tradisi, perempuan ini telah melahirkan 10 anak lelaki dan 2 anak perempuan untuk suaminya. Kita boleh bersimpati sedikit sebanyak dengan seorang isteri yang tidak dikasihi suami, walaupun dia telah melakukan “tanggung-jawab” melahirkan begitu ramai anak-anak untuknya. Bayangkan betapa pedih hati Penina setiap kali Elkana bertindak berat sebelah, memberikan Hana dua bahagian lebih persembahan korban daripada yang diberi kepadanya dan anak-anaknya.

Cuba kita memahami kecemburuan Penina terhadap Hana. Seperti semua isteri, perempuan ini hanya mahu dikasihi oleh suaminya. Asal perkataan “madu” dalam 1 Sam 1:6 yang dipakai untuk Penina bererti seteru atau musuh. Ini menggambarkan betapa dalam kegeraman Penina kepada Hana. Dia mempunyai anak tetapi merindui kasih suami. Hana pula mempunyai kasih suami tetapi merindui anak.

Kita selalu melihat orang lain dan menganggap hidup mereka lebih baik berbanding dengan keadaan kita. Kebetulannya kita tidak mengetahui apa yang orang itu telah melalui untuk berada di tempat “baik” mereka. Apabila kita fokus kepada apa yang kita tiada, kita membuka pintu kepada roh kepahitan terhadap orang yang ada apa yang kita inginkan. Kita menganggap orang itu musuh kita.

Kemandulan dipandang sebagai kutukan dari Tuhan di zaman itu. Sebagai seorang wanita, Penina pasti mengetahui keaiban Hana. Dia boleh pilih menjadi seorang yang menggalakkan dan menghibur orang lain yang sakit hati. Sebaliknya dia menambahkan kesakitan Hana. Kebetulannya roh Penina bekerja bukan sahaja dalam keluarga. Di tempat kerja, rakan mengumpat rakan untuk memperolehi posisi yang lebih tinggi. Malah seorang percaya mendengki yang lain kerana cemburu pelayanannya lebih berhasil atau gerejanya lebih besar.

Elaklah daripada membuka pintu kepada roh Penina. Kita boleh belajar seperti Paulus untuk *“mencukupkan diri dalam segala keadaan”* (Fil 4:11) dan memuaskan diri dalam Tuhan daripada bergantung kepada manusia.

RENUNGAN:

1. Apakah kesakitan yang masih terpendam dalam hati kamu? Selidiki samada kamu menyakiti orang lain kerana belum mengurus kesakitan peribadi.
2. Bagaimanakah kamu boleh menolong mereka yang mengalami kesakitan batin?

DOA:

Abba Bapa, ampuni saya kerana kerap-kali saya cepat menghakimi orang lain dengan tidak mengetahui keadaan hidup mereka sebenarnya. Saya mengakui hati saya masih sakit kerana..... Hari ini balutlah luka-luka hatiku dengan tangan-Mu sendiri; maka saya disembuhkan dalam nama Yesus. Tolong saya supaya tidak menyakiti orang lain.

INTAN 37 : RAHEL

PERMULAAN BAIK TIDAK MENJAMIN PENGHABISAN BAIK



FIRMAN: KEJ 29:5-18, 30:1-15,
31:14-19, 32-35, 35:16-20

Kej 29:10 Ketika Yakub melihat Rahel, anak Laban saudara ibunya, serta kambing domba Laban, ia datang mendekat, lalu menggulingkan batu itu dari mulut sumur, dan memberi minum kambing domba 29:11 Kemudian Yakub mencium Rahel serta menangis dengan suara keras.

Kej 31:34 Tetapi Rahel telah mengambil terafim itu dan memasukkannya ke dalam pelana untanya, dan duduk di atasnya. Laban menggeledah seluruh kemah itu, tetapi terafim itu tidak ditemuinya.

Kita cepat andaikan pertemuan pertama antara Yakub dan Rahel romantik sekali. Yakub telah diutus oleh bapanya Ishak untuk pergi mengambil isteri dari keluarga Laban, saudara ibunya. Rahel seorang gadis belasan tahun datang mendekat sumur dengan kambing domba ayahnya. Sebenarnya pada masa itu, Yakub sudah berumur lebih kurang 70 tahun. Mata bertemu mata. Lelaki ini nampaknya matang dan beradab. Dia kuat menggulingkan batu dari mulut sumur dan memberi minum kepada binatang Rahel. Permulaan kelihatan begitu baik. Yakub diterima dengan besar hati ke dalam keluarga Laban saudara sedaging sedarah sendiri.

Alkitab mencatatkan bahawa Yakub sangat mencintai Rahel sehingga dia sanggup menahan penipuan Laban dan bekerja 14 tahun untuk mengahwininya. Namun Alkitab tidak mencatatkan bahawa Rahel mencintai Yakub. Perhubungan cinta tiga segi antara Yakub dan 2 isterinnya, Lea dan Rahel, sedih sekali. Perkahwinan mereka dipenuhi sengketa,

kecemburuan, dan persaingan antara dua adik-beradik perempuan untuk membuktikan siapa yang boleh melahirkan lebih ramai anak. Selepas kakaknya melahirkan empat anak lelaki berturut-turut, Rahel begitu putus asa dia memarahi dan menyalahkan Yakub kerana tidak memberinya anak. Seterusnya diberi budak perempuannya untuk diperisterikan Yakub supaya dia boleh “mempunyai keturunan.” Rahel begitu terikat oleh dan dalam tradisi adat-resam mengenai peranan wanita zaman itu. Apakah dia telah menjadikan suaminya semata-mata “alat” untuk memenuhi kehendak peribadi?

Kita juga boleh terpengaruh oleh budaya duniawi sehingga mengejar atau mengutamakan perkara-perkara yang salah dalam hidup kita. Jangan-jangan kita “memakai” manusia dalam perhubungan kita untuk mencapai matlamat sendiri.

Suasana yang tidak sihat dalam keluarga Yakub dipindahkan kepada anak-anak mereka. Rahel “menawarkan” Lea satu malam dengan Yakub untuk mendapatkan buah dudaim (dipercayai zat perangsang nafsu) yang telah dipetik Ruben, anak sulung Lea untuknya. Tidak hairanlah perhubungan generasi anak-anak Yakub ditandakan kecemburuan juga.

Di zaman ini, ramai wanita masih menderita kerana mandul. Mungkin ada yang menganggap ketidakupayaan fizikal ini membuat kita kurang sebagai wanita. Hakikatnya kebolehan melahirkan anak untuk meneruskan keturunan keluarga tiada kena-mengena dengan identiti kita sebagai Wanita Tuhan.

Penghabisan cerita Rahel menyedihkan sekali. Dia mencuri dan menyembunyikan terafim bapanya. Tindakan Rahel mendatangkan kutukan atas dirinya sendiri (Kej 31:32). Dia mati muda, pada umur 36 tahun, dalam kesakitan bersalin. Rahel meninggal melakukan apa yang dia begitu rindukan sepanjang hidupnya – melahirkan anak. Tiada manafaat kita menghadkan fokus hidup hanya kepada satu perkara yang sebenarnya tidak perlu. Hakikatnya Tuhan mempunyai rencana yang lebih indah daripada apa yang kita atau dunia kita anggap penting atau perlu.


Keinginan untuk beranak giat “memakan” Rahel sehingga saat kematiannya. Daripada perspektif lain, sebagai orang percaya, adakah kita ghairah dan sanggupkah kita mati untuk “melahirkan” anak rohani untuk kerajaan dan keluarga Allah?

RENUNGAN:

1. Adakah kamu cepat mempersalahkan orang lain apabila masalah timbul?
2. Apakah pengaruh- pengaruh duniawi yang kamu mungkin telah benarkan menyerap masuk ke dalam hidup seharian?

DOA:

Allah Bapa, saya tidak mahu menjejaskan perkara baik yang Engkau telah bermula dalam hidup saya. Saya mahu mengakhiri dengan baik. Periksalah hati saya, sucikan dan kuduskan diri saya dalam darah Yesus. Tolong saya fokus kepada kepentingan dan kehendak-Mu sahaja.



Kita jatuh tersandung walaupun kita mengenal keterangan. Tetapi apabila kita betul-betul dalam kegelapan rohani, kita tidak sedar pun bahawa kita telah jatuh. – Thomas Merton

INTAN 38 : RAHAB

DARI KETAKUTAN KEPADA KEPERCAYAAN



FIRMAN: YOS 2:1-21, 6:22-25,
MAT 1:5, IBR 11:31

Yos 2:11 Ketika kami mendengar itu, tawarlah hati kami dan jatuhlah semangat setiap orang menghadapi kamu, sebab TUHAN, Allahmu, ialah Allah di langit di atas dan di bumi di bawah. 2:12 Maka sekarang, bersumpahlah kiranya demi TUHAN, bahwa karena aku telah berlaku ramah terhadapmu, kamu juga akan berlaku ramah terhadap kaum keluargaku; dan berikanlah kepadaku suatu tanda yang dapat dipercaya, 2:13 bahwa kamu akan membiarkan hidup ayah dan ibuku, saudara-saudaraku yang laki-laki dan yang perempuan dan semua orang-orang mereka dan bahwa kamu akan menyelamatkan nyawa kami dari maut.

Hanya dua nama wanita yang termasuk dalam Ibr 11 sebagai saksi-saksi iman – Sara dan Rahab. Rahab tercatat dalam silsilah Yesus sebagai ibu Boas dengan Salmon. Rahab ialah seorang perempuan sundal, pendusta dan penyembah berhala dari latar-belakang kafir. Bagaimanakah seorang wanita yang mempunyai sejarah begini boleh diberi tempat terhormat dalam Alkitab?

Kerana dia takut kepada Allah Israel, Allah di langit di atas dan di bumi di bawah. Dia hanya mendengar tentang Allah ini dan tiada perhubungan peribadi dengan-Nya. Namun dia takut kepada Allah semesta alam lebih daripada raja manusia. Ketakutan itu menjadi kesempatan untuk dipercayai.

Allah tidak melihat masa lampau atau keadaan hidup lama kita. Tiada dosa yang Dia tidak boleh mengampuni. Tiada kenajisan yang darah Yesus tidak boleh bersihkan. Mungkin ada di antara kita dihantui kenangan lama yang masih menuduh kita, membangkitkan malu,

penyesalan dan kutukan diri. Adakah sesiapa antara kita berpendapat Tuhan tidak mungkin mempedulikan, apa tah lagi memakai, kita dalam kerajaan-Nya? Jika kita ragu-ragu, ingatlah Rahab.

Rahab memilih berdiri di pihak Allah Israel, berpaling daripada dewa-dewa Kanaan. Tindakannya menyembunyikan dua pengintai bangsa Yahudi tidak sahaja menyelamatkan dirinya tetapi seluruh keluarganya, apabila Yerikho tumpas di tangan tentera Yosua.

Ya, Rahab berdosa membohong kepada orang suruhan raja. Namun Rahab diperingati bukan untuk dosanya tetapi untuk imannya. Ternyata dalam Yak 2:25, dia *“dibenarkan karena perbuatan-perbuatannya, ketika ia menyembunyikan orang-orang yang disuruh itu di dalam rumahnya...”* Kebetulannya Allah telah menjanjikan Yosua kemenangan dalam penaklukan Yerikho dan seluruh tanan Kanaan.

Kota Yerikho di bawah kutukan untuk hukuman Allah dan ditetapkan untuk dibinasakan. Tetapi Rahab dan ahli keluarga yang berada dalam rumahnya di tepi tembok selamat. Ini hanya kerana dia taat menggantungkan tali kirmizi di jendela seperti diperintahkan. Tali itulah lambang terawal darah anak domba Paskah. Keluarga Rahab dari bangsa asing yang tidak termasuk dalam perjanjian dengan Allah selamat kerana berada di bawah naungan dan perlindungan Penebus Israel. Kita juga orang asing yang sudah memperoleh keselamatan dari Allah Israel, kerana darah Yesus Kristus yang menutupi kita.

Alkitab memberitahu dalam Yos 6:23 Rahab dan seisi keluarganya di beri tempat tinggal di luar perkemahan orang Israel. Tetapi Allah tidak membiarkan Rahab di luar. Allah meletakkan Rahab dalam pohon keluarga Mesias. Daripada seorang wanita sundal Rahab dijadikan wanita terpanggil Allah. Wanita jahat diubah menjadi pengantin Kristus. Semua ini berlaku kerana ketakutan kepada Allah Israel membawa Rahab kepada kepercayaan.

RENUNGAN:

1. Apakah anggapan kamu terhadap mereka yang dipandang sebagai “sampah masyarakat” seperti pelacur, penagih dadah, orang-orang gelandangan atau pekerja-pekerja asing?
2. Adakah berbohong “sedikit” boleh dibenarkan supaya mendatangkan akibat yang baik?

DOA:

Abba Bapa, saya mengucapkan syukur pengampunan dosa saya muktamad kerana dimeteraikan dalam dan oleh darah Yesus. Tolong saya supaya tidak menganggap remeh kasih karunia-Mu. Biar saya selalu takut kepada Engkau dalam menghormati, mengakui kebergantungan dan penyerahan kepada Engkau sebagai Allah, Tuhan dan Tuan saya, dalam nama Yesus.

**Yang ajaibnya mengenai TUHAN ialah apabila kamu takut akan Dia, kamu tidak akan takut apa—apa yang lain. Tetapi kalau kamu tidak takut akan Dia, kamu akan takut segala—gala yang lain –
Oswald Chambers**



INTAN 39 : RIBKAH SEBELAH KEGELAPAN



FIRMAN: KEJ 24:40-67, 25:20-28,
27:5-19, 42-46

Kej 25:23: Firman TUHAN kepadanya: “Dua bangsa ada dalam kandunganmu, dan dua suku bangsa akan berpecah dari dalam rahimmu; suku bangsa yang satu akan lebih kuat dari yang lain, dan anak yang tua akan menjadi hamba kepada anak yang muda.”

Cerita penjaduan pasangan ini betul-betul tercipta di syurga. Hamba Abraham yang telah diusut mencari isteri untuk Ishak menemukan Ribkah, seorang perawan yang sangat cantik parasnya, di sumur di luar kota. Tindakan sukarela Ribka menimba air untuk hamba itu dan sepuluh ekor unta-untanya mengesahkan dia sebagai pilihan Tuhan. Wanita muda ini menunjukkan sikap batin yang tidak takut kerja berat, suka menolong dan sedia melayani serta mesra menawarkan tumpangan kepada tetamu. Dia mengenal dan mentaati panggilan Tuhan atas hidupnya. Dia sendiri memilih untuk meninggalkan keluarganya tanpa berlengah-lengah.

Ribkah menjadi penghibur suami yang telah kehilangan ibu. Tidak hairanlah Ishak mencintainya. Namun untuk dua puluh tahun, perkahwinan mereka tidak menghasilkan anak. Alkitab mencatat Ishak berdoa kepada Tuhan untuk Ribka, dan Tuhan mengabulkan doa seorang suami yang bersyafaat.

Tetapi penghamilan Ribka amat susah sehingga dia meminta petunjuk dari Tuhan apa erti anak kembar dalam kandungannya bertolak-tolakan. Maka melalui firman Tuhan, Ribka mengetahui tentang destini kedua anak-anaknya, sebagai dua bangsa, di mana yang sulung akan menjadi hamba yang bongsu. Pengertian itu begitu kuat mempengaruhi Ribka selepas kelahiran anak kembarnya Esau dan Yakub.

Saya teringat tayangan gambar “Star Wars” di mana setiap pewira mempunyai dua watak. Watak yang baik dilambangkan sebagai terang, dan watak bertentangan yang jahat dilambangkan oleh kegelapan. Destini pewira itu bergantung kepada pilihan samada dia bergerak ke sebelah terang atau ke sebelah kegelapan. Wataknya akan berubah mengikut gerakannya. Begitulah dengan Ribka. Suatu perubahan telah berlaku selepas kelahiran anak yang diinginkan.

Suami-isteri bertentangan dan memilih kasih antara anak-anak mereka. Bagaimanakah Ribka sanggup memperdayakan suami yang mencintainya? Lebih-lebih lagi, dia menyuruh Yakub bersubahat bersama menipu ayahnya, yang sudah buta, untuk mencuri berkat kesulungan daripada abangnya Esau. Betapa buruk kelakuan Ribka yang dengan perinci merancang tipu-muslihat atas Ishak. Dia menyembelih binatang dari kandang keluarga dan memasak makanan kegemaran suaminya. Seterusnya diambil dan dikenakan pakaian indah kepunyaan Esau serta dipalutkan kulit anak kambing atas leher dan kedua tangan Yakub, supaya dia menyamar diri dihadapan Ishak.

Semua ini semata-mata kerana Ribka mahu memastikan anak kesayangannya diberkati, supaya digenapi firman Tuhan untuknya. Dia mungkin merasa dia perlu “menolong” Tuhan menyempurnakan janji-Nya. Bukankah sebagai manusia yang lemah dan terbatas, kita juga bertindak sewenang hati dalam keinginan melihat rencana Tuhan terjadi?

Ribka melakukan kesilapan besar apabila dia cuba melaksanakan kerja Tuhan tanpa penglibatan Tuhan. Dalam usaha mengejar berkat Tuhan, kita senang sahaja melepaskan Dia yang memberkati dan melupai bahawa Allah bertakhta atas segala-galanya. Adakah kasih yang berat sebelah kepada satu anak telah membutakan Ribka, sehingga kegelapan telah menutup watak terangnya? Sehingga dia tidak sanggup “hanya percaya” dalam janji Tuhan walaupun dia tidak tahu bagaimana ia akan terjadi.

Manipulasi Ribka dalam keluarganya memburukkan perhubungan antara satu sama lain dan menanam benih permusuhan dalam anak-anaknya. Yakub terpaksa lari ke Mesopotamia untuk mengelak daripada dibunuh Esau. Walaupun pasangan adik-beradik diperdamaikan akhirnya, permusuhan terus berpanjangan antara bangsa Israel keturunan Yakub dan bangsa Edom, keturunan Esau. Ribka sendiri tidak pernah melihat muka anak kesayangannya lagi. Celaan dan dukanya bertambah kerana anak sulungnya mengahwini perempuan-perempuan asing.

Apabila kita cuba mengawal dan mengambil-alih rencana Tuhan, kita akan mengalami kerugian. Cara yang salah untuk mencapai niat hati yang baik tetap salah. Sedihnya legasi yang ditinggalkan Ribka yang telah bermula dengan hati yang betul tetapi terjerumus dalam dosa. Semata-mata kerana dia tidak boleh atau tidak mahu melepaskan keluarganya kepada Tuhan.

Sebagai ibu tunggal, saya faham betul betapa susahnyanya untuk menyerahkan ahli keluarga yang disayangi ke dalam tangan Tuhan. Saya pernah takut anak-anak saya akan terlepas daripada berkat Allah yang telah dijanjikan-Nya sebagai Bapa kepada yang tiada berbapa. Namun, sebagai ibubapa, kita perlu percaya Allah mengasihi ahli keluarga kita lebih daripada kita. Dia adalah Allah setia yang sanggup menjaga dan memelihara setiap ahli keluarga kita dengan baik.

RENUNGAN:

1. Adakah terdapat pilih kasih antara ahli-ahli keluarga kamu? Bagaimanakah kamu menghadapi isu ini?
2. Pernahkah kamu cuba “menolong” Tuhan? Apa akibatnya?

DOA:

Tuhan, ampuni saya kerana tidak sanggup melepaskan dan menyerah sepenuhnya isu (nyatakan) kepada Engkau. Ada kalanya saya masih berusaha dalam kekuatan daging sendiri. Ajarlah saya, supaya yakin kepada Engkau untuk menggenapi semua janji-Mu bagi peribadi, keluarga, bangsa dan negara saya.

INTAN 40 : RODE

PELAJARAN DARI HAMBA MUDA



FIRMAN: KIS 12:12-16

Kis 12:14 Ia terus mengenal suara Petrus, tetapi karena girangnya ia tidak membuka pintu gerbang itu dan segera masuk ke dalam untuk memberitahukan, bahwa Petrus ada di depan pintu gerbang 12:15 Kata mereka kepada perempuan itu: “Engkau mengigau.” Akan tetapi ia tetap mengatakan, bahwa benar-benar demikian. Kata mereka: “Itu malaikatnya.”

Dia hanya seorang anak gadis, dijangka dalam lingkungan umur 12-15 tahun. Hari sudah lewat malam, namun hamba asing ini termasuk dalam persekutuan doa yang berlangsung ketika itu. Begitu menggalakkan sekali apabila para muda-mudi mengambil masa berdoa.

Di zaman itu, hamba dikira antara yang terbawah di tangga masyarakat. Kerja Rode ialah untuk menerima dan mengikuti arahan orang lain. Sebagai wanita, anak muda dan hamba asing, tiada orang yang akan mendengar kata-katanya.

Sering-kali kita yang lebih tua, lebih berpengalaman dan lebih makan garam silap tidak mengendahkan suara para muda-mudi atau kumpulan pinggiran di kalangan kita. Maka ramai yang kecewa bukan sahaja dengan pimpinan gereja tetapi dengan orang percaya yang sepatutnya memperlihatkan kasih dalam cara kita meresponi mereka. Dikalangan kita, pasti terdapat “Rode” yang kita tidak pedulikan. Kita cepat menganggap mesej mereka terlalu radikal, tidak masuk akal atau mustahil dipercayai.

Mereka yang berkumpul malam itu sedang berdoa untuk Petrus dilepaskan dari penjara. Anihnya apabila doa mereka dijawab, mereka tidak percaya. Adakah kita juga seperti

itu? Kita berdoa bersungguh-sungguh untuk kebangkitan generasi muda, tetapi kita tidak menyokong mereka apabila mereka bangkit. Kita berdoa untuk kesatuan gereja tetapi kita enggan merobohkan dinding-dinding denominasi yang memisahkan. Kita berdoa untuk penambahan jemaat tetapi apabila orang “asing” yang tidak seperti kita datang, kita gagal melayani mereka.

Adakah kita betul-betul percaya doa kita pasti dikabulkan, walaupun dari segi lahiriah nampaknya mustahil? Atau kita hanya berdoa semata-mata untuk menunaikan tanggungjawab agama? Kumpulan orang-orang saleh di rumah itu tidak percaya kata-kata seorang hamba wanita muda. Mereka memperkecilkannya “*Engkau mengigau*”, dalam versi lain gila. Seterusnya mereka memberi alasan bahawa bukan Petrus tetapi malaikatnya yang diperlihatkan kepada Rode.

Bagaimanakah kamu akan meresponi orang yang memanggil engkau gila atau meragui ketepatan kesaksianmu? Rode tidak marah. Dia hanya tetap menegaskan kebenaran. Dia tahu apa yang dia katakan betul dan benar. Dia tahu Tuhan memang telah menjawab doa mereka. Dia tahu Petrus telah terlepas dan sedang berdiri di luar pintu. Adakah kita begitu tegas mempertahankan kebenaran iman kita bahawa Tuhan sanggup melepaskan dan tiada yang mustahil bagi Dia? Jika kita dicela orang tidak percaya sebagai gila apabila memberitakan khabar sukacita, adakah kita akan mengalah, naik angin atau mendinginkan diri?

Saya tertanya-tanya kenapa Rode tidak terus membuka pintu kalau dia sudah mengenal suara Petrus yang mengetuk? Kalau dia buat begitu, tiada yang akan dapat menafikan kebenaran. Alkitab menerangkan ini adalah kerana Rode terlalu girang sehingga dia terus segera masuk memberitahu yang lain, meninggalkan Petrus di luar. Adakah kita berasa girang apabila kita membawa khabar sukacita kepada orang lain?

Satu hal lagi yang menarik perhatian saya ialah tindakan Rode keluar dari persekutuan doa untuk pergi melihat siapa yang tengah mengetuk pintu. Berdoa memang adalah keutamaan yang penting. Namun, ada masanya kita patut berhenti berdoa seketika untuk mengerjakan tanggungjawab lain. Kadang-kala tindak-laku seharian yang kecil sekali seperti membuka pintu untuk orang lebih berkenan kepada Tuhan daripada apa-apa doa hebat yang kita boleh melafazkan.

Nama Rode bererti bunga mawar. Keharuman iman pemuda ini telah dikekalkan untuk kita belajar daripada seorang hamba asing yang mengenal dan menegakkan kebenaran.

RENUNGAN:

1. Adakah kamu seorang yang girang membawa khabar sukacita kepada orang?
2. Bagaimanakah kamu membalas tentangan terhadap kepercayaan kamu?

DOA:

Allah Bapa, saya mengaku ada kalanya saya berdoa dengan tidak bersungguh-sungguh percaya bahawa doa saya akan dikabulkan. Berikan saya keyakinan sepenuh hati untuk berdiri atas semua janji-janji-Mu yang tertulis dalam firman-Mu dan keberanian untuk menegakkan kebenarannya. Jadikan saya seorang yang penuh kegirangan kerana saya adalah pembawa khabar sukacita-Mu dalam nama Yesus.

INTAN 41 : RUT

BERNAUNG DI BAWAH SAYAP PERLINDUNGAN



FIRMAN: RUT 1:14-19, 2:11-12,
3:1-18, 4:11-17

Rut 1:16 Tetapi kata Rut: “Janganlah desak aku meninggalkan engkau dan pulang dengan tidak mengikuti engkau; sebab ke mana engkau pergi, ke situ jugalah aku pergi, dan di mana engkau bermalam, di situ jugalah aku bermalam: bangsamulah bangsaku dan Allahmulah Allahku.

Rut 3:9 Bertanyalah ia: “Siapakah engkau ini?” Jawabnya: “Aku Rut, hambamu: kembangkanlah kiranya sayapmu melindungi hambamu ini, sebab engkaulah seorang kaum yang wajib menebus kami.”

Berapa kerapnya kita mendengar cerita pertelingkahan antara menantu dan mertua menyebabkan perpecahan keluarga dan perselisihfaham. Kisah Rut menantu Naomi begitu mengalakkan. Ia memaparkan kasih dan komitmen antara dua orang wanita yang bermula dengan keduakaan tetapi berakhir dengan keriaan dan penuh harapan.

Rut seorang wanita biasa, janda dari negara Moab. Naomi, ibu mertuanya telah cuba memujuk menantu-menantunya Rut dan Orpa supaya jangan mengikuti dia kembali ke Betlehem. Memang tiada apa-apa harapan untuk mereka di Betlehem. Akan tetapi Rut memilih untuk tetap di sisi mertuanya. Terkeluar dari mulut Rut ungkapan kasih yang membuktikan dedikasi dan pengorbanan diri – “...bangsamulah bangsaku dan Allahmulah Allahku...”

Rut memilih mengikuti Naomi dan Allah Naomi. Dia sanggup meninggalkan bangsa, tanah dan hidup lamanya untuk sesuatu yang tiada jaminan. Dia berani mengambil risiko melangkah ke dalam yang baru. Sedarlah masa lampau kita bukan destinasi muktamad

apabila kita memilih mengubah haluan dalam iman. Seperti Rut, perubahan haluan akan memerlukan kita tinggalkan sesetengah perhubungan atau tempat tertentu. Kita perlu membuang “allah” yang bertakhta dalam hidup kita – tabiat, paradigma, sikap – dan semua yang menjejaskan pertumbuhan manusia roh kita. Perubahan haluan bererti kita tidak boleh beroperasi dalam tahap dan cara lama seperti dahulukala.

Rut menghormati dan mengasihi mertuanya. Dia bekerja keras untuk menampung hidup mereka. Alkitab merekodkan dalam Rut 3:11 bahawa semua orang kota memang tahu bahawa Rut seorang perempuan baik-baik. Segala tindakan dan sikap Rut memaparkan budi pekertinya, sehingga perempuan-perempuan kota memujinya sebagai *“perempuan yang lebih berharga ...dari tujuh anak laki-laki.”* (Rut 4:15) Di musim kepahitan dan kedukacitaan mertuanya, Rut membawa penghiburan.

Kasih Rut kepada Naomi melambangkan tauladan kasih Kristus yang telah menggorbankan segala-galanya untuk kita. Tuhan Yesus meninggalkan syurga, datang ke bumi manusia, sebagai Imanuel – Allah menyertai kita. Rut mengalami duka-lara hidup bersama-sama mertuanya dalam perhubungan kasih yang terjalin kuat. Tuhan Yesus menjadi manusia, berkongsi dalam seluruh pengalaman hidup manusia, melalui segala yang kita melalui. Itu yang menyakinkan kita Dia benar-benar memahami manusia.

Dalam gambaran besar, kisah Rut adalah kisah pemeliharaan Allah Israel dalam kehidupan semua orang yang sedia dan sanggup percaya kepada-Nya. Tepat masanya tangan Tuhan membawa Rut ke Boas, penebus-kerabat keluarga Naomi. Permohonan Rut kepada Boas *“kembangkanlah kiranya sayapmu melindungi hambamu”* menunjukkan keberanian, dan pada masa yang sama, kerendahan hati Rut yang mengingini naungan si penebus. Semua yang mahu diselamatkan perlu mengamalkan sikap Rut. Rut mengejar Boas, dan Boas menebus. Sesiapa yang mengejar Tuhan pasti mendapat penebusan.

Apabila kita berani percaya dan rendahkan diri di kaki-Nya, kita akan ditinggikan di hadapan semua orang. Boas melakukan tanggung-jawabnya membawa kes Rut kepada para tua-tua kota di pintu gerbang umum. Seterusnya dia berunding dan membayar harga penebusan Rut. Semua hal-hal resmi ditentukan di hadapan saksi-saksi di pintu gerbang kota. Inilah gambaran “Boas” kita, Yesus Kristus, yang telah berunding dan membayar dengan nyawa sendiri untuk menebus kita sebagai pengantin-Nya di hadapan pintu gerbang syurga.

Begitu cantik akhir cerita Rut, janda asing dari Moab. Berkat kemakmuran keturunan dilepaskan atasnya dengan kelahiran anaknya Obed, ayah Isai, ayah Daud. Mereka semua tercatat dalam silsilah Yesus Mesias. Kita tidak mungkin menjangka berkat besar-besaran yang Allah telah persediakan untuk kita yang bernaung di bawah sayap-Nya.

RENUNGAN:

1. Apakah makna “perempuan yang baik-baik” dalam pandangan kamu?
2. Bagaimanakah kamu mungkin menjadi seorang “Rut” kepada orang lain yang berada dalam musim kepahitan?

DOA:

Bapa, saya berterima kasih saya berada di bawah naungan sayap-Mu. Engkau melindungi dan memelihara saya dalam kasih-Mu yang tiada berkesudahan. Terima kasih Engkau bekerja dalam hidup seharian saya, membawa saya masuk ke tahap yang lebih tinggi, terbang untuk Engkau.

INTAN 42 : SAFIRA BERSEPAKAT DALAM ROH JAHAT



FIRMAN: KIS 4:32-37, 5:1-14

Kis 5:2 Dengan setahu isterinya ia menahan sebagian dari hasil penjualan itu dan sebagian lain dibawa dan diletakkannya di depan kaki rasul-rasul.

Kis 5:9 Kata Petrus: “Mengapa kamu berdua bersepakat untuk mencobai Roh Tuhan? Lihatlah, orang-orang yang baru mengubur suamimu berdiri di depan pintu dan mereka akan mengusung engkau juga ke luar.”

Adakah kita akan serta-merta dipukul mati oleh kilat jika kita membohong? Kalau ya, ramai orang, yang percaya dan tidak percaya pasti rebah saat ini juga. Kalau ya, kenapa Tuhan tidak memukul mati Abraham, Sara, Rahab, Yakub, Daud, orang-orang alim dan pewira-pewira iman yang membohong? Itulah soalan saya apabila saya mengkaji watak Safira, isteri Ananias. Pasangan suami-isteri ini adalah penganut baru dalam jemaat Yerusalem, yang diketuai Petrus ketika itu.

Kisah mereka perlu dilihat dalam konteks gereja awal yang baru mula bertumbuh di bawah pimpinan rasul-rasul pertama selepas pengangkatan Tuhan Yesus ke syurga. Cara hidup jemaat awal ini berlandaskan kasih dan kemurahan hati di mana tiada “seorangpun yang berkata, bahwa sesuatu dari kepunyaannya adalah miliknya sendiri, tetapi segala sesuatu adalah kepunyaan mereka bersama” (Kis 4:32). Maka mengikut amalan mereka (Kis 4:34-35), semua orang yang mempunyai tanah atau rumah, menjual kepunyaannya itu, dan hasil penjualan itu mereka bawa dan mereka letakkan di depan kaki rasul-rasul; lalu dibagikan kepada setiap orang sesuai dengan keperluannya.

Dengan pengetahuan Safira, Ananias telah menjual tanah mereka, mengikut tauladan seorang jemaat bernama Barnabas. Yang berbeda mereka telah bersepakat menahan sebahagian hasil jualan daripada menyerahkan seratus peratusnya kepada pemimpin gereja. Tuhan telah mendedahkan komplot mereka dan suami-isteri dipukul mati serta-merta dalam konfrontasi dengan Petrus.

Masalah besar ialah hati Ananias yang telah *“dikuasai Iblis sehingga...mendustai Roh Kudus.”* Perkataan asal *“dikuasai”* bererti *“dipenuhi”* iblis. Safira pula tidak mengambil peluang yang diberikannya Petrus untuk bertaubat apabila ditanya tentang hal itu. Teguran Petrus tajam sekali, *“Mengapa kamu berdua bersepakat untuk mencobai Roh Tuhan?”*

Pasangan ini ialah anggota jemaat orang yang percaya. Namun hati dan roh yang bekerja dalam diri mereka tidak sama dengan jemaat lain. Jangan kita cepat anggap bahawa semua orang percaya adalah pengikut Tuhan yang benar. Ada yang boleh kelihatan alim sekali, giat melayani dan melakukan kerja-kerja amal. Namun mereka boleh menyembunyikan hati yang telah dikuasai iblis. Perkahwinan dengan orang seiman, persekutuan dalam jemaat, penglibatan dalam aktiviti-aktiviti rohani, perkongsian di kalangan yang percaya tidak menjamin hidup orang itu benar.

Dosa Safira dan suaminya bukan semata-mata berdusta. Mereka adalah orang kaya yang mempunyai tanah sendiri. Mereka tidak perlu kedekut menyorok sebahagian hasil penjualan. Inti isunya ialah motif dalam hati pasangan ini yang jahat dan salah. Mereka berpura-pura hendak menolong jemaat kerana inginkan pengiktirafan dan pujian manusia tanpa pengorbanan daripada hati yang tulus. Tindakan mereka seolah-olah untuk *“membeli”* pengaruh di kalangan jemaat dan pemimpin gereja.

Tuhan Yesus mengecam orang begini sebagai munafik, *“seperti kuburan yang dilabur putih, yang sebelah luarnya memang bersih tampaknya, tetapi yang sebelah dalamnya penuh tulang belulang dan pelbagai jenis kotoran...di sebelah luar tampaknya benar di mata orang, tetapi di sebelah dalam... penuh kemunafikan dan kedurjanaan”* (Mat 23:27-28). Kalau kita menyelidiki hati sendiri, apakah motif kita mengasihi atau melayani? Jangan sekali-kali untuk memperlihatkan *“kebaikan”* diri.

Mungkin ada yang berpendapat hukuman mati atas Safira dan suaminya kejam dan keterlaluan. Bukankah Allah kita penuh kasih karunia dan belas kasihan? Kita harus ingati jemaat Yerusalem adalah penganut baru percaya. Dalam konteks itu, akibat kematian mendadak pasangan yang mendustai Allah, seluruh jemaat dan semua orang lain yang mendengar sangat ketakutan. Tercetus banyak tanda dan mujizat di antara orang ramai. Jemaat terikat dalam persekutuan yang erat. Mereka sangat dihormati walaupun tiada yang berani menggabungkan diri kepada mereka. Akhir sekali *“makin lama makin bertambahlah jumlah orang yang percaya kepada Tuhan.”* Tuhan telah memperlihatkan kekudusan dan kuasa-Nya membongkar dan menghukum dua orang munafik di kalangan jemaat, supaya gereja-Nya bertumbuh dan bertambah.

RENUNGAN:

1. Bagaimanakah kamu membedakan pengikut Yesus yang benar dan yang munafik?
2. Adakah kamu berpendapat hukuman Allah atas Safira dan Ananias bercanggah dengan kasih karunia-Nya? Kenapa ya/tidak?

DOA:

Terpuji Engkau, Allah Maha Kudus, Allah Maha Adil. Segala penghakiman-Mu adalah benar dan betul. Tolong saya hidup dalam ketakutan Allah supaya tidak dipengaruhi hawa nafsu untuk menyeleweng dari jalan-Mu. Penuhilah saya, Roh Kudus, supaya tiada tempat untuk roh jahat bekerja dalam hati saya, dalam nama Yesus.

INTAN 43 : SARA

KETAWA KERAGUAN KEPADA KETAWA IMAN



FIRMAN: KEJ 17:15-19, 18:10-15, 21:1-7

Kej 17:16 Aku akan memberkatinya, dan daripadanya juga Aku akan memberikan kepadamu seorang anak laki-laki, bahkan Aku akan memberkatinya, sehingga ia menjadi ibu bangsa-bangsa; raja-raja bangsa-bangsa akan lahir daripadanya.”

Kej 18:12 Jadi tertawalah Sara dalam hatinya, katanya: “Akan berahikah aku, setelah aku sudah layu, sedangkan tuanku sudah tua?”

Kej 21:6 Berkatalah Sara: “Allah telah membuat aku tertawa; setiap orang yang mendengarnya akan tertawa karena aku.”

Allah menukar nama Abram kepada Abraham pada umur 99 tahun, menjanjikan dia akan menjadi bapa sejumlah besar bangsa. Serentak dengan itu, Allah menukar nama isterinya Sarai kepada Sara, menjanjikan dia akan menjadi ibu bangsa-bangsa. Pasangan suami-isteri ini telah berada di tanah Kanaan selama 24 tahun. Sara sudah berumur 90 tahun. Kalau kita anggap Sara berkahwin pada umur kebiasaan 15 tahun, dia sudah mandul selama 75 tahun.

Sara telah memberi Hagar, hamba perempuannya, kepada Abraham untuk memperoleh anak. Akibatnya Ishmael yang lahir sudah berumur 13 tahun. Tetapi itu bukan rancangan syurgawi. Tuhan telah memilih Sara sebagai pasangan janji dengan Abraham dari mula-mula lagi. Bukankah kerap kali kita pandai-pandai campur tangan dalam rancangan Tuhan dan merumitkan keadaan sendiri? Namun kesalahan manusia tidak mengubah kasih Tuhan terhadap kita. Kesedaran bahawa Tuhan dapat memperbetulkan semua kesilapan saya begitu mententeramkan hati saya. Ia memberi saya keyakinan teguh bahawa Tuhan lebih besar dan tidak akan membiarkan saya menjejaskan destini dan panggilan-Nya untuk hidup saya.

Masalahnya tidak pernah mengenai Tuhan, tetapi selalu mengenai kita. Tuhan tetap setia mengingati dan menggenapi janji-Nya kepada Sara. Tuhan melawati Abraham di Mamre dan mengulangi janji-Nya. Sara yang berada di pintu belakang masa itu mendengar bahawa dia akan melahirkan anak lelaki tahun depan. Bayangkan emosi Sara – bagaimanakah dia mungkin menjadi ibu sedangkan dia sudah mati haid? Tidak hairanlah dia ketawa dalam keraguan. Jawapan Tuhan kepada keraguan Sara (dan keraguan kita juga): *“Adakah sesuatu apapun yang mustahil untuk TUHAN?”* (Kej 18:14). Tuhan tidak terbatas oleh undang-undang biologi dan fiziks seperti manusia. Dia Pencipta alam semesta.

Tepat setahun kemudian, Sara melahirkan putra, pada umur 91 tahun, dengan suami yang berumur 100 tahun. Kita akan menghadapi ujian iman dan percobaan hidup, walaupun kita sudah lanjut usia. Kadang-kadang generasi tua salah-anggap kita terkecuali daripada cobaan kerana kita sudah melalui pelbagai pengalaman hidup panjang. Kita mungkin menjadi sombong pula, menjangka kita sudah tahu segala-galanya. Hakikatnya kita adalah pelajar Tuhan sepanjang hidup kita.

Tuhan telah menetapkan nama anak Sara sebelum kelahirannya. Kebetulannya nama Ishak ertinya “dia tertawa.” Begitu tepat sekali namanya, kerana apabila Sara mendukung anak yang baru lahir, dia betul-betul boleh tertawa. Kali ini kerana *“Allah telah membuat aku tertawa; setiap orang yang mendengarnya akan tertawa kerana aku.”* Ini ialah ketawa iman dalam Allah yang setia menggenapi janji-Nya, seperti tercatat dalam *Ibr 11:11 Karena iman ia (Abraham) juga dan Sara beroleh kekuatan untuk menurunkan anak cucu, walaupun usianya sudah lewat, kerana ia mengangap Dia, yang memberikan janji itu setia.*

RENUNGAN:

1. Imbas kembali masa-masa kamu meragui Tuhan. Apa yang terjadi?
2. Apakah yang kamu boleh melakukan untuk mengekalkan iman yang teguh?

DOA:

Allah Bapa, terima kasih kesetiaan-Mu tetap untuk selama-lamanya. Ampuni saya apabila saya kurang berkeyakinan, kerana keadaan yang nampaknya mustahil. Teguhkan saya supaya mengingati Engkau Allah Maha Perkasa yang sanggup melakukan apa sahaja untuk menggenapi rencana-Mu yang sempurna dalam hidup saya.

INTAN 44 : SIFRA DAN PUA TAKUT AKAN ALLAH, BERANI MENENTANG JAHAT



FIRMAN: KEJ 1:15-22

Kej1:17 Tetapi bidan-bidan itu takut akan Allah dan tidak melakukan seperti yang dikatakan raja Mesir kepada mereka, dan membiarkan bayi-bayi itu hidup.

Mulut kita begitu senang melafazkan kita takut akan Allah. Buktinya terletak bukan dalam perkataan tetapi dalam tindakan kita. Apabila nyawa kita terancam dan kita terpaksa memilih antara mematuhi Allah atau manusia, di pihak manakah kita akan berdiri? Sifar dan Pua dua orang bidan wanita berani menentang raja manusia yang jahat kerana mereka takut akan Raja segala raja, Allah semesta alam.

Terdapat pepatah yang mengatakan keberanian tidak bererti tiada ketakutan, keberanian bererti melakukan apa yang betul walaupun takut. Raja Mesir telah memerintahkan Sifra dan Pua untuk membunuh anak laki-laki yang lahir kepada perempuan-perempuan Ibrani dalam kerja kebidanan mereka. Alkitab mencatatkan mereka melanggar perintah raja kerana mereka takut akan Allah. Mereka sedar kepentingan dan nilai semua nyawa. Allah pemberi hidup. Dia sahaja yang berhak menetapkan akhir nyawa setiap insan. Malangnya manusia telah merampas kuasa menetapkan hidup dan mati ke dalam tangan sendiri, mengagungkan hak asasi manusiawi.

Penderaan, pengguguran atau pembunuhan anak, penganiayaan kumpulan orang kurang upaya, orang tua-tua, pendatang asing, semuanya adalah jahat. Sepatutnya kita berdiri mempertahankan mereka yang tidak sanggup atau tidak boleh mempertahankan diri.

Namun takut akan Allah tidak memberi kita kebebasan memberontak terhadap pemimpin-pemimpin yang Dia telah mengangkat atas kita. Tuhan Yesus tidak pernah mengalakkan

penggulingan pemerintahan Roma yang menindas bangsa Israel masa pelayanan-Nya di bumi. Sebaliknya rasul Paulus mengatakan dalam *Rom 13:1 Tiap-tiap orang harus takluk kepada pemerintah yang di atasnya, sebab tidak ada pemerintah, yang tidak berasal dari Allah; dan pemerintah-pemerintah yang ada, ditetapkan oleh Allah*. Kita perlu kebijaksanaan bagaimana meresponi menentang kejahatan. Sifra dan Pua bertindak daripada hati yang takut akan Allah dalam kapasiti individu mereka di mana perintah atasan berkaitan dengan kerja persendirian mereka.

Mereka membohong kepada raja Mesir apabila dipersoalkan kenapa dibiarkan lelaki Ibrani hidup. Alkitab memberitahu Allah berbuat baik kepada mereka dan membuat mereka berumah-tangga, kerana mereka takut akan Allah, bukan kerana mereka berbohong. Perkataan “berumah-tangga” tidak terhad kepada ahli keluarga sendiri, tetapi merangkumi kaum keturunan mereka selanjutnya. Tuhan memahami segala kesulitan yang kita akan menghadapi apabila kita memilih kebenaran dan keadilan. Dia tetap memberkati hati yang takut akan-Nya.

Keberanian dua wanita ini mengimpak generasi bangsa Ibrani. Dicitit bahawa “*bertambah banyaklah bangsa itu dan sangat berlipat ganda*” (Kej 1:21). Tidak terkira luas pengaruhnya satu tindakan benar yang dilakukan kerana takut akan Allah.

RENUNGAN:

1. Apakah yang kamu akan lakukan kalau terdapat undang-undang negara yang jelas bercanggah dengan prinsip-prinsip Alkitabiah?
2. Bagaimanakah kamu boleh menunjukkan takut akan Allah dalam akitiviti seharian kamu?

DOA:

Allah Bapa, beranikan saya untuk hidup takut akan Engkau, dan bukan kepada manusia. Beri saya kebijaksanaan bagaimana menghadapi keadaan-keadaan yang memerlukan saya berdiri menentang kejahatan dalam masyarakat dan dunia saya sebagai anak Tuhan yang benar.

INTAN 45 : TAMAR, MENANTU YEHUDA APABILA HIDUP TIDAK ADIL



FIRMAN: KEJ 38:6-30, MAT 1:3

Kej 38:26 Yehuda memeriksa barang-barang itu, lalu berkata: “Bukan aku, tetapi perempuan itulah yang benar...”

Mat 1:3 Yehuda memperanakan Peres dan Zerah dari Tamar...

Silsilah Kristus dalam injil Matius mengandung nama empat orang wanita, antaranya Tamar sebagai ibu Peres dan Zerah dengan bapa mertuanya Yehuda. Ya, betul, bapa mertuanya, iaitu dari perhubungan sumbang. Bukankah itu suatu kekejian? Bagaimanakah Tamar termasuk ke dalam silsilah Tuhan? Kisah Tamar mengajar saya Tuhan tidak memilih kasih. Sebenarnya Alkitab tidak pernah menyembunyikan kelemahan mahupun dosa manusia, tidak mengira siapa mereka, samada raja atau hamba.

Apa yang Tamar lakukan untuk melanjutkan nama keluarga dan menghasilkan keturunan nampak sungguh luar dari kebiasaan. Suami pertamanya, Er, anak sulung Yehuda, telah mati dibunuh Allah kerana kejahatannya. Mengikut hukum, Onan, anak kedua Yehuda, dipanggil memperisterikan Tamar untuk membangkitkan keturunan abangnya. Tetapi Onan enggan menunaikan tanggung-jawab itu. Maka nyawanya juga diambil Allah. Lalu Yehuda berjanji akan memberi anaknya yang ketiga Syela kepada Tamar apabila dewasa nanti. Sementara itu Tamar tinggal sebagai seorang janda di rumah bapanya. Tetapi Yehuda tidak menepati janjinya.

Kasihani Tamar; keadaan hidupnya begitu tidak memuaskan. Zaman itu peranan wanita sebagai isteri dan ibu dianggap terpenting sekali. Tamar telah dijadikan janda dua kali, tanpa melahirkan anak. Ini bukan salahnya. Sebagai janda, dia sebatang kara dan tidak berkemampuan menampung diri. Sekarang dia telah ditipu oleh bapa mertuanya. Dari awal lagi Yehuda memang tidak berniat memberi anak ketiganya kepada Tamar, kerana dia takut anak ini juga akan mati. Semua hal ini tidak adil bagi Tamar, yang merupakan mangsa keadaan yang di luar kawalannya.

Pernahkah kamu merasakan hidup tidak adil? Mungkin kamu ditolak, dianiyai, dibuang atau dilupakan seperti Tamar. Namun apapun perkara buruk yang berlaku kepada orang yang tidak bersalah, Allah tetap boleh mengerjakan kebaikan dalam keburukan. Walaupun kita tidak dapat melihat atau memahami rencana-Nya.

Tamar bertekad hati untuk melahirkan anak, melanjutkan keturunan dan nama keluarga. Secara rohani, adakah kita pernah berfikir tentang “melahirkan anak” untuk melanjutkan generasi keluarga Tuhan, memuliakan nama-Nya turun-temurun?

Tamar menyamarkan diri sebagai perempuan sundal dan duduk di pinggir jalan apabila Yehuda melewati. Sebagai tanggungan untuk meniduri Tamar, Yehuda meninggalkan cap meterai, kalung dan tongkatnya. Apabila didapati Tamar sudah mengandung, Yehuda cepat menjatuhkan hukuman mati atasnya. Hanya bila dikonfrontasikan dengan barang-barang kepunyaannya yang tertinggal dengan Tamar, Yehuda tersabit dengan kemunafikan dan ketidakadilan hati sendiri. Kadang-kala kita perlu mengkonfrontasikan orang dengan kebenaran, supaya dosa didedahkan.

Pendirian kita sebagai orang percaya adalah suatu perjuangan menentang kefasikan dan ketidakadilan. Namun biar kita lakukan dengan cara yang betul, bukan dengan tipu-muslihat seperti Tamar yang sengaja mengenakan pakaian perempuan sundal untuk memperdayakan Yehuda. Kita bukan perempuan sundal. Sebaliknya Alkitab mengatakan dalam *Yes 61:10* Allah telah “*mengenakan pakaian keselamatan kepadaku dan menyelubungi aku dengan jubah kebenaran, seperti pengantin laki-laki yang mengenakan perhiasan kepala dan seperti pengantin perempuan yang memakai perhiasannya.*” Justeru itu, kita mengenakan Yesus sebagai pakaian seharian kita.

Allah kita benar. Dia tidak mungkin berkenan kepada penipuan Tamar. Namun Dia menggunakan tindakan salah untuk mendedahkan kebenaran situasi itu dan mengerjakan sesuatu yang lebih besar – melahirkan keturunan Mesias melalui Tamar. Marilah kita sediakan dan kuduskan rahim rohani kita supaya sesuai untuk menghasilkan buah generasi berketurunan untuk keluarga Tuhan.

RENUNGAN:

1. Apakah yang kamu merasa tidak adil dalam hidup peribadi dan dalam masyarakat?
2. Apakah yang Tuhan mahu “melahirkan” dalam dan melalui kamu?

DOA:

Tuhan, saya mengucapkan syukur Engkau menanam benih baik dalam diri saya untuk berbuah. Jangan biarkan apa-apa membunuh atau menghalang pertumbuhan dan kelahiran karya-Mu dalam hidupku, dalam nama Yesus.

INTAN 46 : TAMAR, PUTERI DAUD CINTA ATAU NAFSU



FIRMAN: 2 SAM 13:1-39

2 Sam 13:15 Kemudian timbullah kebencian yang sangat besar pada Amnon terhadap gadis itu, bahkan lebih besar benci yang dirasanya kepada gadis itu daripada cinta yang dirasanya sebelumnya. Lalu Amnon berkata kepadanya: “Bangunlah, enyahlah!”

Bagaimanakah seorang abang sanggup memperkosa adiknya sendiri? Inilah cerita Amnon, putra Daud yang melakukan kekejian atas Tamar, adik perempuannya. Mulut melafazkan cinta tetapi perbuatan lelaki ini timbul daripada nafsu dalam hati yang begitu tergoda sehingga dia jatuh sakit. Wanita, jaga-jagalah, jangan diperdayakan oleh perkataan mulut manis yang menyembunyikan niat hati yang jahat. Nabi Yeremia memberi amaran mengenai hati manusia dalam *Yer 17:9 Betapa liciknya hati, lebih licik daripada segala sesuatu, hatinya sudah membatu: siapakah yang dapat mengetahuinya?* Apabila seorang lelaki memujuk wanita melakukan sesuatu yang salah dengan alasan cinta, itulah bukti dia tidak mencintainya. Jauhilah daripada mereka yang menawarkan cinta palsu semata-mata untuk memuaskan kemahuan sendiri.

Amnon telah membuka pintu kepada iblis kerana tergoda oleh nafsu yang tidak terkawal. Dia mendengar nasihat sahabat yang mengajarnya bagaimana memerangkap Tamar dengan berpura-pura sakit. Selanjutnya dia menyakinkan bapanya raja Daud untuk membenarkan Tamar membawa makanan kepadanya. Liciknya rencana penipuan Amnon. Dia menyuruh semua orang lain keluar dan mengatur supaya Tamar masuk mendekatinya semasa dia berbaring di atas katil. Wanita, awaslah, lindungi diri dengan jangan terlalu mempercayai.

Minta dan pakailah kebijaksanaan syurgawi untuk menimbang setiap keadaan. Pandai-pandailah memastikan kita tidak terperangkap dalam jaring orang yang mahu mengambil kesempatan melakukan yang tidak senonoh. Secara praktikal, tentukan semua pertemuan antara jantina berlainan diadakan di tempat umum yang terbuka, bukan dalam bilik persendirian. Sebaik-baiknya bawalah orang lain menjadi saksi.

Sebagai anak dan adik yang taat dan baik hati, Tamar menyediakan makanan untuk melayani Amnon, abang yang kononnya sakit. Tamar tidak mungkin mengesyaki ahli keluarga sendiri akan melakukan perkara keji. Wanita muda ini tidak senang panik. Dia cuba sedaya upaya untuk melepaskan diri dengan perkataan munasabah. Namun Amnon tidak terkawal dan kerana dia lebih kuat, Tamar diperkosanya. Ternyata Amnon tidak mencintai Tamar. Segala cintanya telah bertukar menjadi benci yang sangat besar, selepas nafsunya dipuaskan. Lebih jahat lagi, dia menambahkan keaiban Tamar, menghalaunya keluar dengan sungguh kejam.

Kadang-kala walaupun kita sudah melakukan segala apa yang kita patut dan boleh lakukan untuk mengelak sesuatu yang jahat, namun kita ditimpa kemalangan juga. Tamar menjadi mangsa yang menanggung akibat dahsyat kerana dosa orang lain terhadapnya. Dosa bertambah dosa dalam keluarga diraja ini. Bapa Tamar, raja Daud, mengabaikan tanggungjawabnya untuk menegakkan keadilan. Walaupun dia sangat marah, dia tidak melakukan apa-apa untuk menghukum Amnon atau mempertahankan Tamar. Absalom, abang Tamar, menyimpan dendam sehingga dua tahun kemudian, dia mengaturkan pembunuhan Amnon. Akibat dosa sangat berleluasa. Ia bakal menyebar melibatkan lebih daripada seorang dua, satu keluarga, bangsa, keturunan, komuniti dan negara.

Hakikatnya semua manusia akan mengecewakan kita. Seringkali, mereka yang menyakiti kita ialah orang-orang yang terdekat seperti ahli keluarga, kawan-kawan karib atau pemimpin yang kita hormati. Tuhan Yesus disangkal, dikhianati dan ditinggalkan oleh murid-murid yang mengikuti-Nya selama tiga tahun dalam perhubungan intim sekali. Bagaimana Tuhan meresponi keburukan yang Dia biarkan menimpa atas diri-Nya mengajar kita menghadapi ketidakadilan dalam hidup kita.

RENUNGAN:

1. Apakah perbedaan antara cinta dan nafsu? Bagaimanakah kamu boleh mengenal cinta yang benar?
2. Bagaimanakah kamu membalas apabila disakiti orang?

DOA:

Bapa, saya akui saya tidak faham dan susah menerima keburukan yang berlaku dalam hidup saya. Namun saya tetap percaya Engkau memakai setiap pengalaman saya untuk membawa saya mendekati dan mengenal Engkau dengan lebih mendalam lagi. Apabila manusia mengecewakan, saya mengingati Engkau mencukupi untuk saya, menabahkan, menyembuhkan dan menghibur hati saya.



TUHAN hendak memakai kamu tidak kira dimana kamu berada, apa yang kamu sedang buat atau siapa kamu waktu dahulu – Heather Lindsey

INTAN 47 : WASTI RATU YANG “TAK NAK”



FIRMAN: EST 1:1-12

Est 1: 11 supaya mereka membawa Wasti, sang ratu, dengan memakai mahkota kerajaan, menghadap raja untuk memperlihatkan kecantikannya kepada sekalian rakyat dan pembesar-pembesar, karena sang ratu sangat elok rupanya. 1:12 Tetapi ratu Wasti menolak untuk menghadap menurut titah raja yang disampaikan oleh sida-sida itu, sehingga sangat geramlah raja dan berapi-apilah murkanya.

Alkitab memperihalkan perjamuan besar-besaran yang diadakan Raja Ahasyweros selama 180 hari untuk mempamerkan kekayaan kemuliaan kerajaannya serta keindahan kebesarannya yang bersemarak. Sebagai kemuncak diadakan lagi perjamuan tujuh hari bagi semua rakyat jelata di kota Susan di taman istana kerajaan yang dihias dengan penuh gemilang. Disediakan pula makanan dan minuman anggur yang berlimpah-limpah untuk dijamu selera menurut keinginan setiap peribadi, tanpa paksaan.

Banyak yang menganggap bahawa Raja Ahasyweros mabuk apabila baginda memerintah ratu Wasti dibawa menghadap untuk diperlihatkan kecantikannya di hadapan semua orang. Namun kata asal dalam Est 1:10 bahawa raja “riang gembira” hatinya kerana minum anggur ialah “towb” yang tidak bermakna mabuk. Ertinya ialah “baik, seronok atau nyaman.” Maka tiada ada apa-apa konnotasi negatif atau tidak diingini dalam konteksnya. Dalam bahasa Ibrani, perkataan lain “shakar” dipakai untuk mabuk sepertimana tercatat di Kej 9:21 Nuh minum anggur sehingga mabuk dan tidur telanjang dalam khemahnya.

Sebenarnya isu samada Raja Ahasyweros mabuk atau tidak bukan hal terpenting. Apa yang utama ialah baginda menyuruh ratu Wasti menghadap semata-mata untuk memperlihatkan kecantikannya “*kerana dia sangat elok rupanya.*” Mungkin ada orang menganggap

tiada salahnya seorang suami berbangga dengan isteri yang cantik. Tetapi tidakkah ini mengurangkan nilai wanita menjadi hanya suatu “benda” untuk ditayang, sepertimana Raja telah menayangkan segala kemewahan kerajaannya (Est 1:6-7)? Dalam keangkuhan, Raja Ahasyweros ingin menunjuk-nunjuk Wasti sebagai piala kepunyaannya.

Setiap wanita mempunyai harga diri. Kita bukan “perhiasan” untuk dipamerkan atas lengan lelaki. Seorang wanita dalam perhubungan dengan seorang lelaki patut berjaga-jaga jika dia mempunyai sikap keangkuhan atau menggunakan kamu untuk bercap besar. Kita tidak mahu dan tidak patut dilihat dan dinilai mengikut kecantikan lahiriah.

Ada yang berpendapat bahawa Wasti salah kerana tidak tunduk kepada perintah raja dan suaminya. Penundukan seorang isteri kepada suami tercatat dalam Ef 5:22 sebagai “*seperti kepada Tuhan.*” Ini tidak bererti suami ada hak berkehendaki isteri melakukan apa yang menghina atau menyebabkannya berdosa, samada di kalangan umum atau dalam hidup peribadi. Dari mulanya wanita diciptakan Tuhan untuk berkuasa dan menakluki bumi bersama-sama dengan lelaki (Kej 1:26-28). Nampaknya niat Ahasyweros adalah semata-mata untuk memegahkan diri sendiri dengan menayangkan kecantikan isterinya. Rasul Paulus mengingatkan orang percaya dalam 1 Yoh 2:16 “*Sebab semua yang ada di dalam dunia, yaitu keinginan daging dan keinginan mata serta keangkuhan hidup, bukanlah berasal dari Bapa, melainkan dari dunia.*”

Wasti dibuang negeri kerana ketidaktaatannya. Kadang-kala kita akan ditimpa akibat buruk apabila kita berdiri menegakkan pendirian peribadi yang benar dan betul, terutama dalam perhubungan atau kerjaya. Namun hakikatnya kalau kita berani berdiri di pihak Allah, Dia akan mengerjakan sesuatu yang baik dalam jangka masa panjang. Betul atau salah, tindakan Wasti membuka jalan untuk Allah menaikkan Ester sebagai ratu menggantinya empat tahun terkemudian. Seterusnya Ester bangkit menyelamatkan bangsa Yahudi dalam pembuangan. Allah mengatur perbuatan besar apabila ada orang yang sanggup berdiri menegakkan kebenaran.

RENUNGAN:

1. Bagaimanakah kamu meresponi “permainan kuasa” antara lelaki dan perempuan dalam perhubungan keluarga, tempat kerja dan masyarakat umum?
2. Dalam pendapat kamu, adakah hukuman yang dijatuhkan atas Wasti adil? Kenapa ya/tidak?

DOA:

Allah Bapa, daripada-Mu, kepada-Mu dan untuk-Mu segala-galanya. Saya berterima kasih untuk pimpinan Roh Kudus yang mengatur setiap langkah saya. Di masa krisis, beranikan saya untuk kukuh dan teguh berdiri dalam kebenaran-Mu, walau apa pun akibat yang mungkin terjadi kepada saya, dalam nama Yesus.

Penundukan adalah kekuatan kepada jiwa seorang wanita yang mendapat nilai dan tujuan dalam mata Bapa yang mengasihi, Rajanya . – Julia Dougherty



INTAN 48 : Yael

KEKEJAMAN SEBAGAI ALAT PELEPASAN



FIRMAN: HAK 4:9, 17-24, 5:24

Hak 4:9 Kata Debora: "Baik, aku turut! Hanya, engkau tidak akan mendapat kehormatan dalam perjalanan yang engkau lakukan ini, sebab TUHAN akan menyerahkan Sisera ke dalam tangan seorang perempuan." Lalu Debora bangun berdiri dan pergi bersama-sama dengan Barak ke Kedes.

Hak 4:21 Tetapi Yael, isteri Heber, mengambil patok kemah, diambilnya pula palu, mendekatinya diam-diam, lalu dilantaknyalah patok itu masuk ke dalam pelipisnya sampai tembus ke tanah--sebab ia telah tidur nyenyak karena lelahnya--maka matilah orang itu.

Pembunuh atau wirawati? Apakah ajaran dari kisah Yael, perempuan yang memukul kalah Sisera, panglima tentera yang telah menindas orang Israel untuk 20 tahun? Banyak yang tidak menyenangkan kalau kita melihatnya dalam konteks zaman ini. Namun Alkitab memanggil Yael *"Diberkati...melebihi perempuan-perempuan lain, melebihi perempuan-perempuan yang di dalam kemah"* dalam nyanyian pujian Debora.

Sisera ialah panglima tentera Yabin, raja Kanaan yang ada perhubungan baik dengan Heber, suami Yael. Pada waktu berkenaan Sisera telah melarikan diri dari medan pertempuran, apabila Tuhan mengacaukan seluruh tentaranya oleh mata pedang di depan Barak. Sisera berjalan kaki ke kemah Yael untuk menyembunyikan diri daripada Barak yang mengejarnya. Sebenarnya Sisera telah melanggar tatacara zaman itu kerana lelaki tidak patut menghampiri kemah perempuan yang terasing. Selanjutnya dia meminta minuman dari Yael dan mengarahkannya membohong untuk melindunginya. Lelaki ini bertindak mengambil

kesempatan atas Yael yang terikat oleh adat-resam keramahtamahan masyarakatnya untuk memperlakukan Sisera sebagai tetamu.

Yael telah berdosa membunuh orang. Namun perbuatannya perlu dilihat dalam konteks nubuat Debora. Debora telah meramalkan terlebih dahulu sebelum pertempuran tentara Barak dengan tentara Sisera bahawa Tuhan akan menyerahkan Sisera ke dalam tangan seorang perempuan. Yael perempuan yang dipilih Tuhan untuk menggenapi nubuat itu sebagai pelaksana. Yael bukan seorang Yahudi pun. Dia berketurunan Keni dari kaum Midian, seperti mertua Musa, Yithro.

Ini mengajar saya Tuhan boleh memakai siapa dan apa cara pun, malah menggunakan apa yang jahat untuk menghukum kejahatan. Alkitab tidak memberitahu apakah motif Yael membunuh Sisera dalam tidurnya. Tetapi tercatat dalam *Hak 4:23-24 Demikianlah Allah pada hari itu menundukkan Yabin, raja Kanaan, di depan orang Israel. Dan kekuasaan orang Israel kian keras menekan Yabin, raja Kanaan, sampai mereka melenyapkan Yabin, raja Kanaan itu.*

Hari ini, firman Tuhan dalam Ef 6:12 mengingatkan kita juga terlibat dalam peperangan, tetapi bukan menentang manusia. *Perjuangan kita bukanlah melawan darah dan daging, tetapi melawan pemerintah-pemerintah, melawan penguasa-penguasa, melawan penghulu-penghulu dunia yang gelap ini, melawan roh-roh jahat di udara.*

Yael tidak perlukan apa-apa senjata peperangan, hanya patok kemah yang dilantak sekali masuk tepat pada pelipis Sisera dengan palu. Tuhan akan memampukan kita yang dipanggil hari ini untuk berperang menentang kuasa-kuasa kejahatan yang menindas manusia. Telah disediakan untuk kita seluruh perlengkapan senjata Allah, mengikut *Ef 6:13 supaya kami dapat mengadakan perlawanan pada hari yang jahat itu dan tetap berdiri, sesudah kami menyelesaikan segala sesuatu.*


Tindakan Yael kejam sekali. Sebenarnya kekejaman memang perlu dalam peperangan rohani. Kita tidak boleh lemah-lembut menentang kuasa-kuasa kegelapan yang tidak akan lemah-lembut terhadap anak-anak terang. Mereka akan menyeludup masuk ke dalam kemah hidup kita. Biar kita seperti Yael, cepat membalas gerakan Roh Kudus, sedia dengan senjata syurgawi untuk mematikan musuh penindasan dan melepaskan mereka yang di bawah kuasanya.

RENUNGAN:

1. Apakah yang kamu pelajari mengenai pengenapan rencana Allah dari kisah Yael?
2. Apakah penindasan yang kamu mengesan wujud di kalangan masyarakat zaman ini?

DOA:

Allah Maha Perkasa, terpujilah Engkau yang mengenal permulaan dan penghabisan semua perkara, dan mengendalikan segala-galanya dengan baik. Engkau adalah Allah yang benar dan adil, pasti membalas dan menghukum kejahatan. Tolonglah saya supaya selalu berjaga-jaga, sedia mengambil tempat saya dalam tentara-Mu untuk menghadapi dan mengalahkan kuasa-kuasa kejahatan dalam nama dan otoriti Yesus Kristus.



**Iman, tanpa kesusahan atau perlawanan,
adalah iman yang curiga; iman yang benar
adalah iman yang sanggup melawan dan
bergelut – Ralph Erskine**

INTAN 49 : YEMIMA, KEZIA, KERENHAPUKH, ANAK-ANAK PEREMPUAN AYUB TIDAK ADA YANG SECANTIK



FIRMAN: AYUB 42:12-15

Ayub 42:15 Di seluruh negeri tidak terdapat perempuan yang secantik anak-anak Ayub, dan mereka diberi ayahnya milik pusaka di tengah-tengah saudara-saudaranya laki-laki.

Ayub ditimpa kemalangan berturut-turut sehingga kehilangan semua anak-anak, hamba, binatang dan hasil tanahnya. Tetapi Allah memulihkan dan memberkati Ayub dalam hidup yang selanjutnya lebih daripada dalam hidupnya yang dahulu. Ternakannya dipergandakan dua kali dan dikembalikan kepadanya tujuh putra dan tiga puteri.

Nama-nama puteri Ayub sungguh bermakna. Anak perempuan pertama dinamakan Yemima yang bererti hari demi hari atau siang hari. Mungkinkah dia memperingatkan Ayub tentang perjalanan hidupnya melalui kegelapan pengalaman yang dahulu, melangkah masuk ke dalam hari yang baru? Ada yang mengerti nama Yemima sebagai merpati, simbol damai sejahtera. Nama puteri kedua Kezia berasal daripada semak cassia yang menghasilkan minyak wangian, seperti dinyatakan dalam Maz 45:8. Manakala nama Kerenhapukh merujuk kepada tanduk yang mengandungi pencilup warna mata yang dipakai sebagai bahan kosmetik para wanita purbakala.

Nama-nama ketiga puteri Ayub merujuk kepada yang cantik dan indah permai. Malah Alkitab mencatat bahawa tiada perempuan yang secantik mereka di seluruh negeri. Mereka

INTAN 49 : YEMIMA, KEZIA, KERENHAPUKH, ANAK-ANAK PEREMPUAN AYUB
TIDAK ADA YANG SECANTIK

melambangkan keterangan, keharuman dan kecantikan berkat Allah yang dipertambahkan, yang jauh melebihi segala kesengsaraan yang boleh menimpa hidup kita di dunia manusia. Itulah yang menanti-nantikan kita di akhir jalan yang telah dipersediakan Allah untuk anak-anakNya yang percaya.

Hanya anak-anak perempuan Ayub dan bukan anak-anak lelakinya yang dinamakan dalam Alkitab. Satu lagi fakta yang menarik ialah ketiga-tiga puteri ini mendapat bahagian dalam warisan pusaka ayah mereka. Mereka diperlakukan sama seperti anak lelaki. Di zaman Ayub, perbuatan ini luar biasa. Di zaman sekarang, masih terdapat kalangan kaum yang berpendapat anak perempuan kurang daripada anak lelaki. Maka kelahiran anak lelaki lebih diperkenankan. Akan tetapi puteri-puteri Ayub mengajar kita bahawa anak-anak perempuan adalah sama tara dengan anak-anak lelaki. Mereka boleh mengindahkan pengalaman hidup kita.

RENUNGAN:

1. Antara 3 nama puteri Ayub, yang mana kamu suka sekali? Kenapa?
2. Apakah detik terindah dalam perjalanan iman kamu setakat ini?

DOA:

Allah semesta alam, Pencipta segala yang baik, saya mengucap syukur penghabisan hidup saya pasti lebih baik daripada permulaannya. Di dalam keburukan dunia manusia yang remuk, saya berfokus kepada keterangan, keharuman dan kecantikan Yesus Kristus, satu-satunya yang memberi saya harapan yang menghidupkan.

INTAN 50 : YOKHEBED MENGAMBIL RISIKO DALAM IMAN



FIRMAN: BIL 26:59, KEL 2:1-10

Kel 2:3 Tetapi ia tidak dapat menyembunyikannya lebih lama lagi, sebab itu diambilnya sebuah peti pandan, dipakainya dengan gala-gala dan ter, diletakkannya bayi itu di dalamnya dan ditaruhnya peti itu di tengah-tengah teberau di tepi sungai Nil.

Apabila kita membaca tentang pelepasan bangsa Yahudi dari kuk Mesir, kita seringkali tertumpu kepada Musa. Tiada ramai yang mengingati Yokhebed, ibu Musa. Dia telah melanggar perintah raja Mesir dengan menyembunyikan kelahiran Musa sehingga bayi itu terlalu besar. Yokhebed menghadapi krisis hidup. Sebagai seorang ibu, saya cuba bayangkan perasaan hati Yokhebed sedang ia meletakkan putranya, berumur tiga bulan, ke dalam peti, memasang penutup dan membiarkannya di bawa arus sungai Nil. Tindakan wanita ini melepaskan nyawa yang baru dilahirkannya memerlukan kekuatan iman yang luar biasa.

Kalau saya dalam keadaan itu, saya pasti bingung adakah Sungai Nil penuh dengan buaya, badak sungai, badak sumbu, mungkin gajah atau entah apa lagi binatang liar yang berkeliaran di sepanjang sungai. Sebenarnya Yokhebed tiada apa-apa jaminan bahawa tindakan itu boleh menyelamatkan nyawa bayinya. Sebaliknya besar risiko bahawa kalau dijumpai manusia, anak lelaki itu mungkin dibunuh, berikutan perintah Firaun dalam Kel 1:22.

Wanita ini memang tidak mengetahui apa yang akan terjadi kepada anak kesayangannya. Tetapi dia mengambil risiko dalam iman, sanggup meletakkan nyawa putranya ke dalam tangan Allah nenek-moyangnya. Dia hanya boleh percaya Allah akan melindungi anaknya. Kita semua juga akan menghadapi situasi hidup di mana kita perlu mengambil risiko dan hanya boleh bergantung kepada Allah kita.

Walaubagaimana pun Yokhebed tidak sekadar hanya menyerah keadaannya kepada Allah. Banyak kali kita cenderung berkata kita berdoa sahajalah. Semestinya kita berdoa. Namun kita bertanggung-jawab melakukan semua yang kita boleh lakukan, serentak percaya dan membiarkan Allah melakukan apa yang kita tidak dapat melakukan.

Alkitab menceritakan Yokhebed mengambil sebuah peti atau bakul dan dipakainya dengan gala-gala dan ter. Perkataan asalnya ialah bahtera, perkataan sama yang dipakai untuk bahtera Nuh. Mungkinkah wanita ini mengingati kembali bagaimana Nuh diarahkan Allah untuk membina bahtera yang melindungi mereka sekeluarga dari bencana banjir besar yang memusnahkan bumi? Kita mempunyai firman Tuhan yang diperturunkan kepada kita dari dahulukala. Adakah kita ingat kembali, menerungi dan menerapi apa yang kita baca dalam Alkitab? Firman-Nya yang hidup mengajar, menguatkan dan menyempurnakan iman kita bahawasanya Allah kita setia dan sedia menyelamatkan.

Kita akan sampai satu tahap di mana kita tidak sanggup lagi berbuat apa-apa untuk menyelesaikan masalah hidup. Saat itu, kita hanya boleh melepaskan dan menyerahkan kepada tangan Allah sahaja. Saat itulah, Yokhebed perlu menghanyutkan peti yang mengandungi anak yang tersayang ke dalam sungai dan biar arus air membawanya. Saya membayangkan Allah mengutus malaikat-Nya untuk memimpin peti itu sampai ke tempat puteri Firaun tengah bermandi-manda. Seterusnya malaikat membuat bayi dalam peti menangis tepat masa itu dan Roh Allah menggerakkan hati puteri Firaun dengan belas kasihan. Akhirnya Yokhebed mendapat kembali apa yang dia lepaskan. Dia tidak sahaja menerima balik anaknya tetapi diberi upah untuk menjaganya di rumah sendiri. Maka dia berpeluang mendidik Musa dalam cara-cara Tuhan sepanjang usia mudanya. Yokhebed tidak mungkin boleh menjangka ganjaran sebegitu besar menunggunya semasa dia memutuskan tidak akan takut dan mengambil risiko dalam iman, meninggalkan bayi Musa di tepi sungai.

Kita semua akan menghadapi saat-saat penentuan begitu. Apabila krisis melanda hidup, biar kita berani bertindak dalam iman serta mengandalkan kepada Dia yang kita panggil Tuhan dan Allah kita.

RENUNGAN:

1. Apakah yang menghalang kamu daripada mengambil risiko dalam hidup?
2. Apakah “anak-anak kesayangan” yang kamu perlu “meletak dalam peti” dan mengalirkan ke dalam sungai Tuhan?

DOA:

Allah Bapa, saya kagum menyedari kuasa-Mu yang mengendalikan setiap perkara dalam hidup saya, bahkan di seluruh dunia. Ajarlah saya supaya senang dan cepat melepaskan..... (sebutkan beban) ke dalam tangan-Mu, kerana saya tiada daya-upaya lagi untuk menguruskannya. Dalam nama Yesus, kerjakanlah mukjizat penterohbosan dalam keadaan saya.

Kita tidak selalu mengesan tangan Tuhan, tetapi kita boleh sentiasa mempercayai hati Tuhan – Charles Spurgeon



INTAN 51 : YOSEBA

PELEPASAN DARIPADA LEGASI KETURUNAN



FIRMAN: 2 RAJ 11:1-3

2 Raj 11:2 Tetapi Yoseba, anak perempuan raja Yoram, saudara perempuan Ahazia, mengambil Yoas bin Ahazia, menculik dia dari tengah-tengah anak-anak raja yang hendak dibunuh itu, memasukkan dia dengan inang penyusunya ke dalam gudang tempat tidur, dan menyembunyikan dia terhadap Atalya, sehingga dia tidak dibunuh.

Tanpa wanita ini, silsilah Mesias mungkin lenyap sama sekali dan sejarah dunia akan sungguh berbeda. Kerja Yoseba boleh diringkaskan dalam satu perkataan – pemeliharaan. Dia seorang diri bertanggung-jawab melindungi benih diraja warisan Daud, dari mana Mesias diperturunkan. Namun yang mengejutkan ialah latar-belakang Yoseba sendiri daripada keturunan yang sangat jahat.

Perempuan ini ialah puteri raja Yoram. Selepas menaiki takhta, Yoram membunuh semua saudaranya dan beberapa pembesar Israel dengan pedang. Ia mengambil Atalya, anak Ahab, menjadi isteri, dan pasangan ini melakukan yang jahat di mata Tuhan. Selepas Yoram dibunuh, Atalya menjadi penasihat kepada putranya Raja Ahazia yang terus mengamalkan kejahatan keturunan keluarga Ahab. Yoseba membesar dalam suasana rumah-tangga yang diikat dalam putaran kejahatan turun-temurun. Tetapi Yoseba berkahwin dengan Yoyada, imam besar pada masa itu. Mungkin pengaruh suami yang mengikuti jalan Tuhan mempersiapkan Yoseba untuk sanggup menolak dan keluar daripada legasi keturunan keluarganya yang jahat.

Ceritanya diungkapkan dalam satu ayat sahaja dalam 2 Raj 11:2 diulangi di 2 Taw 22:11. Dia menyelamatkan putra Yoas yang berumur satu tahun pada masa itu, dari antara semua anak-

anak raja lain yang dibunuh Atalya. Dengan penuh keberanian, Yoseba menyembunyikan Yoas dengan inang penyusunya ke dalam gudang tempat tidur dan selepas itu membawanya masuk rumah Tuhan. Yoseba sendiri tinggal bersama dengan Yoas selama enam tahun. Pada tahun ketujuh, suaminya imam Yoyada berjaya menghapuskan Atalya dan Yoas diangkat menjadi raja. Itu menandakan permulaan pemerintahan raja-raja Yehuda yang baik untuk lebih seratus tahun terkemudiannya. Pemulihan terjadi kerana pasangan suami-isteri yang berani bertindak menentang kejahatan di zaman mereka.

Hidup Yoseba adalah bukti Tuhan sanggup mencabut kita keluar daripada legasi keturunan yang jahat. Yoseba memilih untuk tidak mengikut nenek-moyangnya, sebaliknya dia mengikut pimpinan suami, imam besar yang benar. Kita juga boleh memotong belunggu ikatan generasi yang buruk, yang telah diperturunkan melalui agama, tradisi, gaya hidup atau dosa nenek-moyang kita. Kita boleh memilih menolak semua yang melanggar firman Tuhan. Kita boleh memilih yang berbeda dan yang benar.

Yoseba bertindak mengambil risiko menyelamatkan nyawa seorang anak kecil yang dalam bahaya dibunuh. Dengan itu generasi-generasi yang terkemudian dipelihara. Sebagai Wanita Tuhan, kita patut bangkit memelihara anak-anak muda generasi ini. Kita boleh menjadi nenek, ibu, kakak, saudara kepada mereka untuk melindungi, mengajar dan mendidik satu generasi yang mengenal Tuhan turun-temurun.

RENUNGAN:

1. Periksalah silsilah keluarga kamu kalau ada dan perlu pelepasan daripada ikatan/kutukan generasi yang jahat.
2. Apakah yang kamu boleh lakukan untuk menjangkau generasi muda?

DOA:

Abba Bapa, saya tidak mahu dirantaikan oleh belunggu generasi yang buruk. Saat ini, saya menolak segalanya dan berdoa darah Yesus menyucikan saya dan keturunan saya daripada semua kenajisan dan kutukan generasi lepas. Beranikan saya untuk tampil menyelamatkan, melindungi dan memelihara mereka yang dalam bahaya maut.

INTAN 52 : ZILPA DAN BILHA DARI HAMBA MENJADI IBU ISRAEL



FIRMAN: KEJ 30:1-13, 46:1-30

Kej 30:3 Kata Rahel: “Ini Bilha, budakku perempuan, hampirilah dia, supaya ia melahirkan anak di pangkuanku, dan supaya oleh dia akupun mempunyai keturunan.

Kej 30:9 Ketika dilihat Lea, bahwa ia tidak melahirkan lagi, diambilnyalah Zilpa, budaknya perempuan, dan diberikannya kepada Yakub menjadi isterinya.

Kita yang tinggal di zaman moden pasti mendapati susah untuk memahami atau menerima bahawa seorang isteri boleh “berkongsi” suami. Malah membiarkan anak yang dilahir sendiri dituntut perempuan lain dalam keluarga sama. Namun itulah adat-resam biasa di zaman Perjanjian Lama.

Yakub mengahwini Lea dan Rahel di tanah Kanaan. Zilpa dan Bilha adalah hamba perempuan kepada kedua isteri Yakub, yang dipakai dalam “pertandingan” antara dua adik-beradik ini untuk melahirkan anak bagi Yakub. Setelah Lea melahirkan empat anak lelaki, Rahel yang mandul masa itu memberi Bilha kepada suaminya. Bilha melahirkan dua anak lelaki untuk Rahel – Dan dan Naptali. Maka Lea pula memberi Zilpa yang memperanakan dua putera juga – Gad dan Asyer. Daripada empat perempuan inilah datang 12 suku bangsa Israel dan keturunan seterusnya, seperti tercatat dalam Kej 46:1-30.

Zilpa dan Bilha bermula sebagai hamba dalam keluarga Yakub kepada dua isterinya yang sering bersaing antara satu sama lain untuk kasih suami. Walaupun diangkat menjadi gundik, Zilpa dan Bilha mempunyai status yang lebih rendah dari isteri utama Yakub. Saya tertanya-tanya adakah mereka juga tertangkap dalam suasana keluarga yang penuh ketegangan. Bagaimana pula mereka merasa dijadikan semata-mata sebagai “mesin kelahiran?”

Saya pasti di zaman moden juga, ada di antara kita yang pernah diperlakukan sebagai “kelas kedua,” samada dalam keluarga atau komuniti. Malahan kita pernah diperalatkan untuk mencapai matlamat dan kemahuan orang lain. Lebih menyakiti lagilah untuk wanita yang perlu “berkongsi suami” dengan pihak ketiga, samada pihak ketiga itu perempuan lain, kerjaya ataupun kegiatan kelelakian.

Alkitab tidak memperihalkan hidup Zilpa dan Bilha. Nampaknya peranan mereka hanya untuk melahirkan anak. Mereka memenuhi pertanggung-jawaban tugas itu berkali-kali dan mereka tercatat sebagai ibu-ibu bangsa Israel. Hanya melalui kedua belas suku, bangsa Israel menjadi lengkap dan menggenapi rencana Tuhan. Kita tidak akan mengetahui bagaimana Tuhan dapat memakai kita sebagai alat-Nya untuk melahirkan sesuatu yang merentasi generasi. Biar kita taat sahaja di mana-mana Tuhan tempatkan kita dan melakukan bahagian kita, betapa kecil pun.

RENUNGAN:

1. Bagaimanakah kamu menghadapi masalah ketidaksamaan dalam masyarakat?
2. Pernahkah kamu diperalatkan? Apakah respon kamu?

DOA:

Allah Bapa, saya mengucapkan syukur identiti saya kukuh dalam Yesus Kristus dan tidak bergantung kepada peranan saya di dunia manusia. Terima kasih Engkau menjadikan saya perabot dalam rumah Tuhan untuk maksud khas. Kuduskanlah saya supaya layak untuk dipakai Engkau sebagai Tuan saya dan disediakan untuk setiap pekerjaan yang mulia, mengikut rencana-Mu yang baik.

INTAN 53 : ZIPORA TIADA DALIH



FIRMAN: KEL 4:18-26, KEJ 17:10-14

Kej 4:25 Lalu Zipora mengambil pisau batu, dipotongnya kulit khatam anaknya, kemudian disentuhnya dengan kulit itu kaki Musa sambil berkata: “Sesungguhnya engkau pengantin darah bagiku.”

Kita selalu mengingat Musa sebagai nabi yang diutus dan diurapi Allah untuk membawa bangsa Israel keluar dari perhambaan Mesir. Namun sebelum dia sempat mula mengerjakan panggilannya, dia sudah hampir-hampir dibunuh Allah. Saya terkejut kali pertama saya membaca tentang kejadian ini. Allah baru sahaja menukar tongkat Musa menjadi alat-Nya memperbolehkan Musa melakukan tanda-tanda mukjizat di hadapan Firaun. Musa sedang dalam perjalanan balik dari Midian ke tanah Mesir dengan isterinya Zipora bersama anak-anak mereka. Alkitab mencatat bahawa ketika mereka berhenti di tempat bermalam, Allah menampakkan diri-Nya kepada Musa “*dan berikhtiar membunuhnya*” pada hal Musa telah gagal menyunatkan anaknya. Lalu Zipora mengambil pisau batu dan menyunati anak itu, maka nyawa Musa diselamatkan. Sesungguhnya tiga ayat yang tercatat dalam Kej 4:24-26 mengenai peristiwa ini telah mengelirukan pembaca dan pentafsir Alkitab berkurun-kurun. Ia susah difahami kerana tiada banyak butir-butir diperihalkan yang boleh menerangkannya.

Namun apa yang saya menangkap ialah Allah memandang berat ikatan perjanjian dengan umat-Nya. Sunat ialah tanda perjanjian yang diperturunkan Allah kepada Abraham dan keturunannya sebagai hukum kekal untuk seluruh bangsa Israel. Lelaki yang tidak disunat dikira telah mengingkari perjanjian Allah dan harus dilenyapkan dari antara orang-orang sebangsanya. Musa dipilih sebagai pemimpin mewakili bangsanya di hadapan Allah. Bagaimanakah dia membiarkan anaknya sendiri tidak dimeteraikan tanda perjanjian itu? Kenapa ia tidak melakukan tanggung-jawabnya mengikut hukum Allah tidak penting. Yang jelas tiada dalih yang boleh diterima Allah.

Betapa seriusnya kita patut mentaati firman Tuhan dan jangan menganggap remeh perintah-perintah-Nya. Sunat bukan semata-mata satu ritual dalam hukum bangsa Yahudi. Biar kita mengambil berat perjamuan kudus, pembaptisan, doa puasa, ibadah dan lain-lain yang kita mungkin memandang sebagai ritual agama sahaja. Kerana Allah mengambil berat tentang perhubungan kita dengan-Nya melalui expressi iman begitu.

Musa telah berdosa dalam mata Tuhan dan *upah dosa ialah maut* (Rom 6:23). Kita senang melupai hal ini, kerana kita yang percaya telah menerima keselamatan dalam Yesus. Tetapi dosa tetap dosa, tidak kira besar atau kecilnya. Kisah ini adalah amaran kepada kita yang percaya untuk sedar akan dosa dalam hidup peribadi kita. Bahawa kita orang percaya, seorang pemimpin yang dipilih Allah atau giat melayani-Nya tidak mengecualikan kita sama sekali daripada teguran Allah apabila kita berdosa.

Dalam kecemasan ini, Zipora isteri Musa tampil melakukan apa yang patut dan perlu. Wanita ini berketurunan orang Midian, bukan dari bangsa Israel. Tetapi dia mengenal Allah Israel dan cara-Nya. Maka dengan serta-merta dia menyunati anaknya. Tindakan itu menyelamatkan nyawa suaminya. Zipora bangkit berdiri dalam ruang di antara yang hidup dan yang mati. Apa yang Zipora buat melambangkan syafaat untuk Musa yang tidak sanggup bertindak sewajarnya. Darah yang mengalir dari kulit khitan anaknya yang dipotong dan dikenakan atas Musa menghentikan tangan Allah daripada membunuhnya. Biar kita juga sedia dan cepat bangkit bersyafaat, mengenakan darah Yesus untuk menutupi dosa manusia. Maka Allah akan cepat mengampuni.

RENUNGAN:

1. Apakah dalih-dalih yang kamu memakai apabila tidak taat melakukan kehendak Allah?
2. Untuk siapakah kamu boleh bersyafaat?

DOA:

Abba Bapa, saya mengakui dan bertaubat kerana tidak taat dalam (butirkan). Ampunilah dosa saya, bukan kerana saya baik, tetapi kerana darah Yesus yang bersyafaat untuk saya sekarang di depan takhta keadilan-Mu. Urapilah saya dengan roh syafaat dalam nama Yesus.

INTAN 54 : PEREMPUAN YANG SAKIT PENDARAHAN – MALU APA?



FIRMAN: MARK 5:25-34

Mark 5:34: Maka kata-Nya kepada perempuan itu: “Hai anak-Ku, imanmu telah menyelamatkan engkau. Pergilah dengan selamat dan sembuhlah dari penyakitmu!”

Bayangkan aliran haid kamu berterusan selama 12 tahun. Aduh, mengalaminya untuk beberapa hari sekali sebulan pun sudah begitu tidak menyenangkan. Apatah lagi 12 tahun tiada henti-henti untuk perempuan yang tidak ternama ini. Bayangkan berapa banyak lapisan sanitari yang perlu dibeli dan cucian baju yang tercemar sepanjang 12 tahun. Itu pun hal remeh berbanding dengan keadaan perempuan ini, kerana di zamannya, penyakit pendarahan dipandang kenajisan dalam hukum Taurat bangsa Yahudi. Mengikut Im 15:25-27 tempat tidurnya dan setiap barang yang didudukinya menjadi najis. Bahkan orang yang menyentuh atau kena pada barang-barangnya pun menjadi najis. Ini bermakna perempuan ini ditolak terus. Dia tidak boleh keluar di kalangan masyarakat umum, tidak boleh dipeluk oleh ahli keluarga. Semestinya 12 tahun ialah kuarantin kurungan yang panjang sekali.

Tidak terkata perasaan malu, sakit, letih-lesu dan kesunyian perempuan ini. Tambah lagi tidak terkira kekecewaan dan keputus-asaannya selepas menghabiskan duit dan masa mencari tabib dan mencuba segala macam ubat tanpa hasil. Sebaliknya keadaan makin memburuk. Di kala nampaknya tiada harapan lagi, dia terdengar tentang Yesus.

Tidak hairanlah dia malu berdepan dengan Yesus di kalangan orang ramai. Maka dia merebahkan diri memasuki celah-celah kaki mereka dan menjamah jubah Tuhan dari belakang. Sebab katanya: *“Asal kujamah saja jubah-Nya, aku akan sembuh”* (Mark 5:28). Kuasa Tuhan menemui iman seorang perempuan yang malu, dan penyembuhan terjadi. Bukan semata-mata penyembuhan fizikal, tetapi juga penyembuhan batin yang terluka.

Dia takut dan gementar apabila Tuhan berhenti memandang sekeliling sambil bertanya siapa yang telah menjamah-Nya dalam kesesakan orang ramai. Saya pasti Tuhan memang sudah mengetahui siapa yang telah melakukan tindakan itu. Adalah dengan sengaja Tuhan “memaksa” perempuan itu mendedahkan diri dihadapan semua orang. Kerana Tuhan mahu mengajar sesuatu yang mendalam sekali.

Selama 12 tahun, perempuan ini telah ditolak, dihina dan dipermalukan. Tetapi Tuhan Yesus meresponi dengan penuh kasih karunia. Tuhan tidak memarahi perempuan yang cuba menyembunyikan diri, tetapi memanggilnya “anak-Ku.” Tuhan menerimanya dan memberkatinya untuk pergi dengan selamat, (dalam versi lain damai, sejahtera) disembuhkan secara total.

Saya pasti ada di antara kita pernah atau pun masih berasa malu kerana hal-hal tertentu yang telah berlaku dalam hidup kita. Seperti perempuan ini, kita menyembunyikan kenangan dalam hati, tidak mengendakkannya, dalam harapan boleh dilupai. Tuhan “memaksa” kita menguruskannya di depan Tuhan sendiri. Kerana Kitab Suci berkata: *“Barangsiapa yang percaya kepada Dia, tidak akan dipermalukan”* (Rom 11:10). Sebaliknya kita diterima dan dipanggil “anak.” Maka kita boleh pergi dengan sejahtera. Kita tidak perlu malu di hadapan Tuhan atau manusia lagi.

Menarik sekali cerita perempuan ini diselit di tengah-tengah cerita anak perempuan Yairus yang sakit tenat. Di waktu Tuhan berhenti melayani perempuan yang sudah menderit 12 tahun itu, anak Yairus yang kebetulannya berumur 12 tahun telah mati di rumah. Seperti perempuan ini, anak muda Yairus tidak dinamakan. Namun Tuhan memanggilnya “Talita kum” (Mark 5:41) yang diterjemahkan sebagai anak perempuan. Tidaklah penting kita tidak dikenali atau apa nama kita dipanggil oleh manusia. Yang pentingnya Tuhan memanggil kita “anak.” Dalam pemahaman rohani, angka 12 melambangkan kesempurnaan kerajaan Allah. Kebetulannya kerajaan Allah telah turun ke dalam hidup kedua-dua anak perempuan ini apabila Yesus muncul.

RENUNGAN:

1. Apakah yang menarik perhatian kamu dalam kisah perempuan yang sakit pendarahan?
2. Apakah pendapat kamu apabila orang yang sakit tidak mendapat penyembuhan fizikal, walaupun sudah didoakan?

DOA:

Allah Bapa, saya ucapkan terima kasih kerana Engkau memanggil saya anak-Mu dan nama saya tertulis dalam buku kehidupan di syurga. Tiada hal yang lebih penting daripada itu.

Iman melihat yang tidak kelihatan, percaya apa yang tidak dapat dipercayai, dan menerima yang mustahil – Corrie ten Boom



INTAN 55 :

PEREMPUAN SAMARIA - MENCARI KEPUASAN



FIRMAN: 2 TAW 22:1-12

Yoh 4:17 Kata perempuan itu: “Aku tidak mempunyai suami.” Kata Yesus kepadanya: “Tepat katamu, bahwa engkau tidak mempunyai suami 4:18 sebab engkau sudah mempunyai lima suami dan yang ada sekarang padamu, bukanlah suamimu. Dalam hal ini engkau berkata benar.

Yoh 4:28 Maka perempuan itu meninggalkan tempayannya di situ lalu pergi ke kota dan berkata kepada orang-orang yang di situ 4:29 “Mari, lihat! Di sana ada seorang yang mengatakan kepadaku segala sesuatu yang telah kuperbuat. Mungkinkah Dia Kristus itu?”

Ramai yang menganggap perempuan Samaria yang menemui Yesus di sumur adalah perempuan yang tidak berakhlak kerana pernah berkahwin lima kali dan pada masa itu tinggal dengan seorang laki-laki yang bukan suaminya. Akan tetapi kalau kita memahami tradisi dan budaya masyarakat zaman itu dalam konteks kisahnya, kita mendapat gambaran lain yang memberi perspektif baru mengenai perempuan yang tidak dinamakan ini.

Alkitab tidak memberitahu kenapa perempuan ini mempunyai lima suami dahulu. Namun perempuan ini tidak mungkin telah menceraikan lima lelaki, kerana hak penceraian zaman itu terletak dalam tangan lelaki, bukan perempuan. Ada kemungkinan suami-suami perempuan ini telah mati, meninggalkannya sebagai janda. Atau mungkin juga dia mandul dan oleh itu diceraikan berkali-kali kerana tidak boleh melahirkan anak untuk mereka. Adakah itu sebabnya dia tinggal dengan lelaki yang tidak mengahwininya?

Merenungi hal-hal ini mengajar saya supaya jangan terlalu cepat mengandaikan dan

menghakimi orang apabila kita tidak tahu keadaan peribadinya dengan perinci. Kita hanya tahu perempuan ini ada masalah berhubung dengan lelaki dalam hidupnya. Bayangkan kesakitan hati sanubarinya, apatah lagi penghinaan dari orang-orang di kota itu.

Tuhan Yesus mendedahkan keadaan hidup perempuan ini bukan untuk mengecam. Tetapi untuk menyedarkan tentang keperluan batinnya dan kebenaran bahawa kepuasan hanya dalam Dia yang mempunyai air hidup. Kita sudah biasa mencari-cari kepuasan hidup dalam sumber-sumber duniawi atau dalam kasih manusia. Hakikatnya semua ini hanya mengecewakan.

Yesus mengisytiharkan Dialah Kristus, Mesias kepada perempuan Samaria itu. Apabila perempuan Samaria ini menangkap kebenaran kata-kata Yesus, dia terus meninggalkan tempayannya di sumur lalu kembali ke kota dan memberitakan kepada orang ramai kedatangan Mesias. Dengan itu perempuan yang tidak ternama ini menjadi mubaligh pertama menyebarkan khabar sukacita kepada orang-orang Samaria, yang kebetulannya tidak bergaul dengan bangsa Yahudi. Saya melihat kelakuan perempuan ini sebagai tindakan profetik meninggalkan beban-beban hidup lamanya. Inilah transformasi yang sepatutnya terjadi kepada setiap orang yang sudah mengecapi air hidup yang betul-betul memuaskan.

RENUNGAN:

1. Apakah prasangka yang kamu andaikan mengenai bangsa-bangsa atau orang-orang tertentu di persekitaran kamu?
2. Bagaimanakah kamu mungkin membangkitkan kesedaran orang-orang tentang keperluan batin mereka?

DOA:

Tuhan, saya mengakui sikap prasangka saya terhadap..... (nyatakan). Tolong besarkan hati saya dengan kasih Kristus supaya saya berfokus kepada keperluan orang yang dahaga dalam batin mereka. Dalam nama Yesus, pancarkanlah dari lubuk hati saya sungai air kehidupan-Mu sebagai saluran berkat Tuhan.

INTAN 56 : PEREMPUAN YANG BERZINA

ANTARA KEADILAN DAN BELAS KASIHAN



FIRMAN: YOH 8:1-11

Yoh 8:10 Lalu Yesus bangkit berdiri dan berkata kepadanya: “Hai perempuan, di manakah mereka? Tidak adakah seorang yang menghukum engkau?” 8:11 Jawabnya: “Tidak ada, Tuhan.” Lalu kata Yesus: “Akupun tidak menghukum engkau. Pergilah, dan jangan berbuat dosa lagi mulai dari sekarang.”

Saya teringat masa saya dihukum oleh guru darjah apabila ditangkap bercakap-cakap dalam kelas. Waktu itu saya berumur 11 tahun. Mulut saya dilekat dengan kertas bergam dan saya disuruh berdiri atas kerusi supaya semua yang melalui dapat melihat saya. Saya sungguh malu pada hari itu. Saya hanya boleh menduga berapa dahsyat lagi rasa malu perempuan yang ditangkap berzina oleh para pemimpin agama Yahudi. Perempuan ini pasti ketakutan mendengar mereka menegaskan perintah hukum Taurat untuk melemparinya. Mungkinkah dia marah juga, pada hal lelaki yang bersubahat berzina dengannya tidak ditangkap pula? Jelas bahawa para pemimpin agama hanya bertujuan menggunakan perempuan ini untuk menguji Tuhan Yesus.

Perempuan ini memang tahu dia tidak dapat membela diri dengan apa-apa alasan. Dia hanya boleh diam apabila dibawa kepada Yesus, dikerumuni oleh kumpulan lelaki yang menuding jari dan menuntut penghakiman yang tentu. Akan tetapi Tuhan Yesus tidak bercakap apa-apa pun untuk beberapa ketika. Apabila Dia bercakap, kata-kata-Nya tidak ditujukan kepada perempuan yang bersalah tetapi kepada penuduh-penuduhnya. Alkitab memberitahu bahawa setelah mereka mendengar perkataan Yesus, pergilah mereka seorang demi seorang, sehingga tinggal hanya Tuhan seorang diri dengan perempuan yang tetap di tempatnya. Hanya pada saat itu, Tuhan berfirman terus kepadanya.

Hakikatnya semua sudah berdosa. Seperti perempuan yang tidak dinamakan, kita juga tertangkap dalam pelanggaran. Akhir kata, segala yang kita cuba sembunyikan dalam kegelapan hati kita akan terdedah dan diperlihatkan apabila kita berdiri di hadapan-Nya secara peribadi. Tidak payah pun siapa-siapa orang lain hadir untuk menuduh kita. Itu berita buruk, kerana dosa menghukum kita bersalah di hadapan Allah yang Maha Adil.

Akan tetapi seperti perempuan yang ditangkap basah, kita boleh memperoleh kasih karunia dan belas kasihan Allah. Firman Yesus lembut tetapi tajam sekali: *“Akupun tidak menghukum engkau. Pergilah, dan jangan berbuat dosa lagi mulai dari sekarang.”* Ertinya Tuhan tidak mengecam perempuan yang berdosa, tetapi Dia memandang serius perbuatan dosanya. Kerana itu perintah-Nya tegas – *“...jangan berbuat dosa lagi mulai dari sekarang.”* Jangan kita salah anggap kasih karunia Tuhan membebaskan kita untuk berdosa atau bahawa Dia tidak peduli dosa kita. Sebaliknya, kepercayaan bahawa dosa kita terlalu besar dan tidak mungkin diampuni walaupun kita bertaubat adalah salah juga. Atas kayu salib, Yesus telah mati untuk semua dosa. Inilah berita baik: tiada dosa yang tidak boleh diampuni oleh dan melalui Yesus Kristus.

Bayangkan kelegaan perempuan yang berdiri di hadapan Yesus. Dia telah terlepas daripada hukuman mati untuk dosanya. Yesus memanggilnya “perempuan,” perkataan sama yang dipakai untuk ibu-Nya sendiri (dalam Yoh 2:4), mengembalikan kepadanya kehormatan berganti keaiban. Apabila kita diampuni dan diselamatkan, kita dipanggil berubah. Hasil pertaubatan ialah meninggalkan hidup dosa, digantikan dengan hidup kesucian.

RENUNGAN:

1. Apakah dosa-dosa kamu yang telah diampuni Tuhan?
2. Adakah kamu sudah berhenti melakukan dosa yang sama?

DOA:

Terima kasih Allah, tiada terkata ucapan syukur saya kerana besar kasih, kasih karunia dan belas kasihan-Mu kepada saya. Bahawasanya Engkau mengampuni semua dosa-dosa saya, bukan berasaskan apa-apa kebaikan diri saya, tetapi hanya berasaskan apa yang Tuhan Yesus telah lakukan atas kayu salib. Tolonglah saya supaya jangan berdosa lagi dalam nama Yesus.

INTAN 57 : ANAK PEREMPUAN SALUM MEMBINA BERSAMA



FIRMAN: NEH 3:1-32

Neh 3:12 Berdekatan dengan mereka Salum bin Haloheh, penguasa setengah wilayah Yerusalem yang lain mengadakan perbaikan bersama-sama anak-anak perempuannya.

Kita senang terlepas signifikan satu ayat di rekod Nehemia yang mencatatkan dengan perinci siapa yang terlibat dalam pembaikan tembok Yerusalem. Terselit di dalam senarai panjang Nehemia 3 ialah nama Salum, seorang penguasa setengah wilayah Yerusalem. Dalam satu ayat ini, kita diberitahu dia dan anak-anak perempuannya menjalankan sebahagian daripada kerja pembaikan tembok kota bersama-sama dan serentak dengan rombongan tim lain yang masing-masing mengerjakan bahagian mereka.

Kita tidak tahu berapa, nama atau umur perempuan-perempuan ini. Saya tertanya-tanya bagaimanakah perempuan-perempuan ini menolong bapa mereka? Mungkinkah mereka kaya dan menyokong dengan sumbangan duit? Adakah mereka menyediakan makanan dan minuman untuk para pekerja? Atau mungkinkah mereka berganding-bahu dengan pihak lelaki membuang reruntuhan, mengangkat batu-bata dengan tangan sendiri? Apa pun sumbangan mereka, perempuan-perempuan ini adalah satu-satunya yang termasuk dalam rekod kerja pembaikan tembok Yerusalem ketika itu.

Saya tertarik kerana sebagai anak-anak seorang pemimpin dan pembesar yang berkuasa, mereka tidak perlu melibatkan diri dalam tugas pembinaan yang secara tradisi dilakukan oleh lelaki. Tambahan lagi, pembinaan semula tembok Yerusalem tidak senang. Ia tidak hanya

melibatkan kerja fizikal yang berat. Proses pembinaan ditentangi hebat oleh sesetengah pihak yang cuba mengganggu pelaksanaannya. Sehingga mereka terpaksa melakukan pekerjaan dengan satu tangan dan memegang senjata dalam tangan yang lain.

Walaupun terdapat cabaran-cabaran, perempuan-perempuan yang tidak ternama ini mengambil bahagian dalam kerja pembaikan dan pembinaan semula tembok kota yang telah hancur. Mereka sedar kota suci dalam bahaya. Mereka bertekad melakukan apa yang patut untuk melindungi peribadi, keluarga, rumah dan kota mereka.

Penglibatan anak-anak perempuan Salum mengingatkan kita bahawa kita boleh dan patut menolong memperbaiki reruntuhan di tengah-tengah kita. Terdapat banyak perpecahan dalam perhubungan keluarga, komuniti dan masyarakat yang perlu pembaikan dan pemulihan. Ramai pula yang perlu perlindungan daripada tentangan musuh dan pertolongan untuk membangkitkan apa yang telah roboh dalam hidup mereka.

RENUNGAN:

1. Apakah reruntuhan yang kamu boleh identifikasikan dalam hidup peribadi, keluarga, bangsa dan negara kamu?
2. Apakah yang kamu boleh buat untuk membina kembali reruntuhan tersebut?

DOA:

Allah Bapa, bukalah mata saya melihat keperluan-keperluan di sekeliling saya. Berikan saya tekad untuk melibatkan diri membina kembali bahagian saya atas tembok yang telah runtuh.

INTAN 58 : PEREMPUAN- PEREMPUAN LAIN TAAT DARI MULA HINGGA AKHIRNYA



FIRMAN: MAT 27:55-56,
MARK 15:40-41, LUK 8:1-3, 23:49,
55-56, 24:1-10, YOH 19:25

Luk 8:1 Tidak lama sesudah itu Yesus berjalan berkeliling dari kota ke kota dan dari desa ke desa memberitakan Injil Kerajaan Allah. Kedua belas murid-Nya bersama-sama dengan Dia 8:2 dan juga beberapa orang perempuan...

Mark 15:40 Ada juga beberapa perempuan yang melihat dari jauh, di antaranya Maria Magdalena, Maria ibu Yakobus Muda dan Yoses, serta Salome 15:41 Mereka semuanya telah mengikut Yesus dan melayani-Nya waktu Ia di Galilea. Dan ada juga di situ banyak perempuan lain yang telah datang ke Yerusalem bersama-sama dengan Yesus.

Luk 24:10 ...Dan perempuan-perempuan lain juga yang bersama-sama dengan mereka memberitahukannya kepada rasul-rasul.

Keempat-empat injil merekodkan mereka. Ada yang dinamakan dan ada yang tidak dinamakan. Satu faktor umum yang menghubungkan semua – mereka mengikuti Tuhan Yesus sampai akhirnya. Seperti kumpulan lelaki yang bersama Yesus, perempuan-perempuan ini telah mengikuti Tuhan dari permulaan pelayanan-Nya. Selaku murid-murid Tuhan, mereka telah meninggalkan segala-galanya – rumah-tangga, keluarga, perhubungan dan nama baik mereka. Kita mungkin menyangka perempuan-perempuan ini hanya melakukan kerja-kerja “domestik” dalam pelayanan mereka. Akan tetapi, Lukas 8:3 memberitahu mereka

menggunakan kekayaan sendiri untuk melayani rombongan Tuhan yang menggembara dari kota ke kota, desa ke desa.

Mereka mengikuti Yesus dari mula-mula, melihat mukjizat-mukjizat-Nya, mendengar ajaran-Nya, makan-minum, tinggal bersama-Nya, sehingga menyaksikan penyaliban-Nya di kayu salib dan kebangkitan-Nya dari kubur. Perjalanan dari Galilea ke Yerusalem memang mencabar dari segi fizikal, mengambil masa beberapa hari berjalan kaki dan merentasi banyak bukit-bukau. Namun perempuan-perempuan ini setia ikut.

Manakala semua murid-murid lain melarikan diri meninggalkan Yesus waktu Dia ditangkap (Mat 26:56), perempuan-perempuan tetap ada dengan-Nya. Mereka menyaksikan penghinaan Yesus semasa didera dan seterusnya kengerian penyaliban di mana Tuhan tergantung enam jam atas kayu salib. Tubuh-Nya telanjang mengalirkan darah, daging diremukkan oleh pukulan cemeti.

Kenapa perempuan-perempuan ini di sana? Tentu bukan kerana mereka lebih kuat daripada para lelaki. Mereka berada di bawah kayu salib semata-mata kerana kasih. Kasih yang setia walaupun mereka tidak faham kenapa boleh berlaku begini. Mereka telah mengikuti Yesus mungkin dalam harapan dan jangkaan Dia akan ditabalkan sebagai raja Israel di Yerusalem, menyelamatkan bangsa Israel daripada penindasan Roma. Semua itu nampaknya angan-angan yang sia-sia sahaja, terpaksa atas kayu salib seperti Tuhan Yesus. Namun mereka tetap taat dalam saat-saat kekeliruan dan keputus-asaan. Mereka berada dengan Tuhan, sehingga saat Dia menghembuskan nafas terakhir di bumi.

Perempuan-perempuan ini taat bukan setakat ke kayu salib sahaja, tetapi sampai ke kubur. Zaman itu kesaksian perempuan dianggap tidak bernilai. Namun Allah memakai perempuan, memberi mereka kehormatan tertinggi menjadi saksi pertama kebangkitan Yesus dari maut. Seterusnya mereka memberitakan kebangkitan-Nya kepada rasul-rasul lelaki.

Apakah kita juga akan taat apabila kita tidak mengerti apa yang sedang berlaku dalam hidup atau dunia kita? Adakah kita akan terus mengasihi Tuhan walaupun nampaknya Dia tidak menjawab doa atau keinginan hati kita? Kumpulan perempuan ini mengasihi Tuhan kerana mereka telah mengalami pengampunan, penyembuhan dan pelepasan yang mengalir daripada dikasihi-Nya terlebih dahulu. Dalam kehidupan dan kematian pun, mereka rela taat dari mula hingga ke akhirnya.

RENUNGAN:

1. Kenapa kamu mengikuti Tuhan Yesus?
2. Apakah yang kamu fahamkan dengan perkataan “pengikut Yesus?”

DOA:

Allah Bapa, banyak perkara yang saya tidak fahami sepenuhnya, terutamanya apabila keadaan tidak menyenangkan atau mencabar iman saya. Kuatkanlah roh saya, Tuhan, supaya saya tidak goyah. Biar apa yang mulut saya katakan bahawasanya saya mengasihi Engkau dibuktikan melalui kelakuan saya untuk sanggup mengikuti Engkau sampai penghabisan hidupku di dunia ini.



**Dunia dibelakangku, Kayu salib didepanku,
Tiada Patah Balik, Tiada Patah Balik, Aku
telah putuskan mengikuti Yesus – Lagu pujian
Brandon Heath**

INTAN 59 : PEREMPUAN- PEREMPUAN GEREJA CERITA BERTERUSAN



FIRMAN: KIS 1:14, 2:4, 5:14, 8:12

Kis 1:14 Mereka semua bertekun dengan sehati dalam doa bersama-sama, dengan beberapa perempuan serta Maria, ibu Yesus, dan dengan saudara-saudara Yesus.

Kis 2:4 Maka penuhlah mereka dengan Roh, lalu mereka mulai berkata-kata dalam bahasa-bahasa lain, seperti yang diberikan oleh Roh itu kepada mereka untuk mengatakannya.

Dalam pemahaman duniawi, cerita seorang manusia berhenti dengan kematiannya. Tidak begitu dengan kematian Yesus Kristus. Tuhan bukan sahaja bangkit dari kematian, tetapi cerita-Nya berterusan dalam pencetusan kebangkitan gereja awal selepas pengangkatan-Nya ke syurga. Pencetusan luar biasa ini melibatkan dua-dua jantina lelaki dan perempuan.

Tuhan Yesus telah menerima perempuan-perempuan sebagai murid-murid dalam pelayanan-Nya di bumi manusia. Tidak hairanlah para perempuan merupakan kumpulan yang melengkapkan komuniti Kristen pertama di zaman gereja awal. Mereka tidak tertinggal daripada persekutuan, doa dan pelayanan dengan para lelaki. Mereka tidak terlepas daripada pengurapan Roh Kudus pada hari Pentakosta. Seterusnya mereka juga menerima karunia Roh (Kis 21:9).

Di zaman Kisah Para Rasul, perempuan-perempuan yang menjadi percaya dan dibaptis termasuk mereka yang bukan dari bangsa Yahudi seperti Damaris, dari kota Atena (Kis 17:34). Malah sepanjang sejarah penubuhan gereja Kristus dari dahulu sehingga sekarang, tidak kurangnya juga perempuan dipenjarakan, bahkan mati syahid disamping para lelaki.

Kerap-kali kita tidak memberi banyak perhatian kepada nama-nama yang rasul Paulus menyenaraikan dalam surat-suratnya kepada para jemaat. Nama-nama asing inilah yang menjadi rekod penghargaan dan penghormatan yang diberinya kepada perempuan-perempuan yang melayani gereja Kristus.

Kita dapat tahu beberapa wanita yang memimpin gereja-gereja yang ditubuhkan dalam rumah-rumah persendirian di merata-rata kota. Antaranya Maria, ibu Markus (Kis 12:12), Lidia dari Tiatira (Kis 16:15, 40), Kloe di Korintus (1 Kor 1:11), Nimfa dari Laodikia, Apfia (Filemon 1:2) dan Priskila (1 Kor 16:19).

Paulus memanggil Priskila dan suaminya Akwila sebagai teman-teman sekerja yang telah mempertaruhkan nyawa mereka untuknya (Rom 16:3-4). Di Efesus, pasangan mubaligh ini mengajar Apolos yang hanya mengetahui baptisan Yohanes (Kis 18:26) supaya diperlengkapi untuk memberitakan injil penuh. Dalam penjara Filipi, Paulus mengingat dua orang perempuan Euodia dan Sintikhe yang telah berjuang dengannya dalam perkabaran Injil (Fil 4:2-3).

Daripada 37 orang yang disenaraikan Paulus dalam Rom 16, 9 ialah wanita. Paulus juga menarik perhatian kepada Febe yang melayani jemaat di Kengkrea. Perkataan yang dipakai untuk Febe ialah diaken, dan direkodkan dia telah memberikan bantuan kepada banyak orang (Rom 16:1-2). Paulus mengirim salam kepada Maria yang “telah bekerja keras” (Rom 16:6). Bersama dengan saudara sebangsa lelaki Andronikus, saudara perempuan Yunias disifatkan sebagai salah seorang yang telah menjadi Kristen sebelumnya dan “yang terpuja di antara para rasul” (Rom 16:7). Disebut juga Trifena dan Trifosa, bersama dengan Persis, sebagai mereka yang telah “bekerja membanting tulang dalam pelayanan Tuhan” (Rom 16:12). Yulia dan saudara perempuan Nereus yang tidak dinamakan dipanggil “orang kudus” (Rom 16:15). Seorang lagi wanita yang tidak dinamakan ialah ibu Rufus yang “adalah ibu” bagi Paulus sendiri (Rom 16:13).

Sebenarnya ini bukan mengenai perbandingan antara lelaki dan perempuan. Memang tidak perlu dibandingkan apa-apa pun. Dari dahulukala sehingga hari ini, samada dinamai atau tidak, wanita adalah anggota setengah daripada bahagian tubuh Kristus, bergandeng-bahu bersama-sama dengan lelaki. Perempuan termasuk sebagai orang saleh yang percaya untuk melayani dan memperkembangkan kerajaan Allah. Hakikatnya semua yang percaya

dipanggil untuk menggenapi Amanat Agung yang telah diperturunkan kepada pengikut Yesus.

Pola pemandangan gereja Tuhan yang indah sekali tertulis dalam firman *Gal 3:28 Dalam hal ini tidak ada orang Yahudi atau orang Yunani, tidak ada hamba atau orang merdeka, tidak ada laki-laki atau perempuan, karena kamu semua adalah satu di dalam Kristus Yesus*. Akhirnya bukan kepada lelaki atau perempuan tetapi hanya kepada Allah Tuhan kita dikembalikan segala kemuliaan, pujian dan ucapan syukur dalam nama Yesus.

RENUNGAN:

1. Apakah pendapat kamu mengenai perempuan menjawat sebagai pemimpin dalam gereja Tuhan?
2. Mengapa kamu kata begitu?

DOA:

Allah Bapa di syurga, terima kasih saya dicipta, diselamatkan dan diurapi sebagai wanita dan anak Tuhan. Saya bersyukur saya boleh menyambung cerita kasih yang berterusan yang Engkau telah mulakan dari dahulukala. Mampukan saya, Roh Kudus, untuk mengerjakan panggilan Bapa untuk hidup saya sebagai Wanita Tuhan di dunia ini, dalam nama Yesus.